



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Dengan nama Allah,
Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

العقيدة الطحاوية

al-‘Aqī’dah al-Ṭaḥāwīyyah

Penjelasan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah

Karya :

al-Imām Abū Ja’far al-Ṭaḥāwī al-Ḥanafī
(wafat 321 H)

Terjemahan :

al-Faḍīl Tuan Haji Ustaz Md Sahari Bin Abdullah
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor

Suntingan dan Huraian :

Ustaz Mohd Juzaili bin Juhan al-Azhari
Ustaz Azhar bin Yahya al-Batawi

العَقِيدَةُ الطَّاهِيَّةُ

al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah
Penjelasan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamā’ah

Terjemahan :
Al- Fadhil Tuan Hj Md Sahari Bin Abdullah

Suntingan Dan Huraian :
Ustaz Mohd Juzaili bin Juhan al-Azhari
Ustaz Azhar bin Yahya al-Batawi

© Hak Cipta Terpelihara

Jabatan Mufti Negeri Selangor

Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dengan apa-apa cara untuk sebarang tujuan komersial tanpa mendapat keizinan bertulis daripada penterjemah atau Jabatan Mufti Negeri Selangor. Namun untuk kepentingan dakwah dan ilmu yang tiada kepentingan komersial amat dialu-alukan.

Cetakan pertama 2015 | 1,200 naskhah

Terbitan
Jabatan Mufti Negeri Selangor
Tingkat 7 & 8, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah, 40000,
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
ALUAN SAHIBUS SAMAAH MUFTI	1
PRAKATA	3
TRANSLITERASI	7
BAHAGIAN PERTAMA	8
BIODATA AL-IMĀM AL-ṬAHĀWĪ	9
PENGENALAN BUKU	12
BAHAGIAN KEDUA	18
MUQADDIMAH PENGARANG	20
TAUḤĪD	24
ALLAH ITU ESA	25
ALLAH MAHA BERKUASA	26
ALLAH BERSIFAT QADĪM DAN KEKAL	29
ALLAH TIDAK BINASA DAN MAHA BERKEHENDAK	30
HAKIKAT ZAT ALLAH TIDAK DAPAT DISINGKAP	31
ALLAH MAHA HIDUP DAN GAGAH	32
ALLAH MAHA PENCIPTA	33
ALLAH MAHA MEMATIKAN DAN MENGHIDUPKAN	34
SIFAT ALLAH QADĪM, AZALĪ DAN ABADĪ	35
HAKIKAT NAMA-NAMA ALLAH	36
NABI MUḤAMMAD	46
AL-QURAN	49
MENYIFATKAN ALLAH DENGAN SIFAT MANUSIA	53
MELIHAT ALLAH DI SYURGA	54
SIFAT WAḤDANIYYAH	61
MI'RĀJ	64
TELAGA DAN SHAFĀ'AH	66
PERJANJIAN DENGAN ALLAH	69
QADĀ'	70

HAKIKAT QADAR	74
LAUH DAN QALAM	79
‘ARASH DAN KURSI	85
KEDUDUKAN NABI IBRĀHĪM DAN MŪSĀ	86
BERIMAN DENGAN PARA NABI DAN MALAIKAT	87
AHLI QIBLAH	88
LARANGAN BERFIKIR TENTANG ZAT /SIFAT ALLAH	89
PENDIRIAN TERHADAP AL-QURAN	90
DOSA AHLI QIBLAH	92
KEDUDUKAN ORANG YANG BERBUAT BAIK	93
BATASAN IMAN DAN KUFUR	96
HAKIKAT IMAN	97
KEDUDUKAN ORANG BERIMAN	99
RUKUN IMAN	100
ORANG YANG MELAKUKAN DOSA BESAR	101
SOLAT DIBELAKANG IMAM YANG BAIK /JAHAT	104
HUKUM MEMBUNUH SESEORANG MUSLIM	106
MEMBERONTAK DARIPADA PEMERINTAH ISLAM	107
SIKAP SEORANG MUSLIM	109
HUKUM SAPUAN PADA KHUF	111
MENGERJAKAN HAJI SERTA JIHAD	111
BERIMAN DENGAN PARA MALAIKAT	113
SOALAN DAN AZAB KUBUR	114
BERIMAN DENGAN HARI KIAMAT	117
SYURGA DAN NERAKA	120
KEMAMPUAN (AL-ISTIṬĀ’AH)	123
PERBUATAN HAMBA	125
TAKLĪF	126
SETIAP YANG BERLAKU ATAS KEHENDAK ALLAH	128
HUKUM DOA DAN SEDEKAH KEPADA SI MATI	130
ALLAH MAHA MEMILIKI	132
KEMURKAAN DAN REDHA ALLAH	133
MENCINTAI PARA SAHABAT NABI	134
KHULAFĀ’ AL-RĀSHIDĪN	136

10 SAHABAT YANG DIJAMIN SYURGA	138
CIRI-CIRI BEBAS DARIPADA SIFAT MUNĀFIQ	140
KEDUDUKAN PARA ‘ULAMĀ’	142
KEDUDUKAN WALI-WALI ALLAH	144
TANDA-TANDA KIAMAT	147
TIDAK MEMPERCAYAI TUKANG TILIK	149
KESATUAN DAN PERPECAHAN	151
AGAMA YANG DIREDHAI ALLAH	154
PENUTUP	156
BIBLIOGRAFI	160

ALUAN SAHIBUS SAMAAH MUFTI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ نَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagiNya, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam buat Rasul junjungan, Muhammad ﷺ yang menjadi tauladan ummah sepanjang zaman. Ahli keluarga Baginda, para Sahabat dan Tabi'in serta mereka yang mengikuti jejak Baginda dari kalangan umatnya.

Alhamdulillah, saya rafa'kan kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala yang memberi izin dan 'inayahNya kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk menerbitkan sebuah buku terjemahan kepada kitab *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* karangan al-Imām Abū Ja'far al-Ṭahāwī. Kitab ini menghimpunkan matan dalam ilmu aqidah ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam helaian yang nipis namun mudah untuk difahami.

Buku ini merupakan hasil kerjasama beberapa pihak iaitu Y. Bhg al-Fadhil **Ustaz Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor), setelah diterjemah buku ini dimurnikan susun aturnya dengan sedikit tambahan nota kaki daripada Y. Bhg al-Fadhil **Ustaz Mohd Juzaili bin Juhan** dan al-Fadhil **Ustaz Azhar Bin Yahya**.

Adalah diharapkan dengan terbitnya buku terjemahan kepada kitab *al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* ini, ianya akan memberi peluang kepada peminat *matan-matan* arab untuk menghafal serta memahami dengan serba ringkas bagi setiap *bait-bait matan* yang telah diterjemah dengan bahasa yang mudah untuk difahami dan ditambah pula dengan nota kaki bagi membantu pembaca untuk memahami istilah-istilah yang digunakan.

Sekalung ucapan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan buku terjemahan kepada kitab *al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* ini, semoga Allah ﷻ memberikan ganjaran yang setimpal terhadap setiap usaha yang dicurahkan sehingga terhasilnya buku ini untuk dimanfaatkan oleh masyarakat Islam di Negeri Selangor khususnya dan juga Malaysia amnya.

Sekian, Wassalam.

DATO’ SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
SSIS., DPMS., PPT.
Dato’ Seri Utama Diraja Mufti Selangor

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْوَاحِدِ الْاَحَدِ الْبَاقِي عَلَى الدَّوَامِ ، الْفَرْدِ الصَّمَدِ الَّذِي لَا يَعْتَرِيهِ نَقْصٌ وَلَا نَقْصٌ فِي الْاَحْكَامِ ، وَأَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْعَلَامُ ،

وَأَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا وَحَبِيْبَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الَّذِي ارْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِّلْاِنْسَانِ ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْأَعْلَامِ ، الَّذِينَ أَيْدَى اللَّهُ بِهِمْ أَهْلَ الْإِيْمَانِ وَالْإِسْلَامِ ، أَمَّا بَعْدُ .

‘Aqīdah adalah merupakan perkara asas bagi seorang muslim kerana ‘aqīdah diibaratkan seperti akar bagi sebuah pokok. Akar yang sihat dan kuat mempamerkan struktur pokok yang baik, manakala akar yang bermasalah dan rapuh akan menyebabkan pertumbuhan pokok turut bermasalah bahkan sangat mudah untuk tumbang apabila dipukul angin dan ribut.

Justeru, para ‘ulamā’ mengambil perhatian yang serius dalam menjelaskan perkara-perkara berkaitan ‘aqīdah di dalam karya-karya penulisan mereka sepanjang zaman agar kesucian ‘aqīdah Islam yang dibawa oleh baginda Rasūlullāh ﷺ dan generasi selepasnya terus dijaga dan dipelihara.

Antara karya penulisan dalam ‘aqīdah Islam yang mendapat pengiktirafan ‘ulamā’ sepanjang zaman bahkan diterima sebagai panduan dan rujukan (*talaqqat al-Ummah bi al-Qabūl al-Tām*) ialah kitab ***al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*** karangan **al-Imām Abū Ja’far al-Ṭahāwī al-Ḥanafī** (wafat 321 H) yang berjudul ***Bayān ‘Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*** (Penjelasan Aqidah Ahli Sunnah wal Jama’ah)

Teks buku ini pada asalnya telah diterjemahkan oleh **al-Fāḍil Tuan Haji Ustaz Md Sahari bin Abdullah** yang merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Pihak **Jabatan Mufti Negeri Selangor** telah mengamanahkan kepada kami untuk membuat suntingan dan huraian agar dapat dimanfaatkan kepada masyarakat di Malaysia.

Justeru, dengan rendah hati kami bukanlah yang terbaik untuk menggalas amanah tersebut. Namun, kami berasa terpenggil untuk berkhidmat dengan karya para ‘ulamā’ khususnya dalam menyebarkan ilmu dan kefahaman ‘aqīdah kepada masyarakat di Malaysia melalui beberapa metode berikut :

1. Kami telah membuat susunan semula dalam memaparkan teks dalam bahasa ‘arab dan terjemahannya.

2. Merujuk kepada 4 kitab huraian (*sharḥ*) *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* iaitu karya Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Bābartī (wafat 786 H), karya al-Shaykh 'Abd al-Ghanī al-Ghunaymī al-Maydanī al-Ḥanafī (wafat 1298 H), karya guru kami al-Shaykh Dr. 'Umar Abdullāh Kāmil -rahimahullāh- (wafat 1436 H) iaitu *Mukhtaṣar Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* dan *al-Sharḥ al-Kabīr 'alā al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* karya guru kami al-Shaykh Dr. Sa'īd Fudah -ḥafīzahullāh-.
3. Membuat ringkasan huraian berdasarkan rujukan kepada kitab-kitab yang disebutkan dengan mendatangkan petikan daripada nas al-Quran, al-Hadith dan pandangan para 'ulamā' pada bahagian nota kaki.
4. Menyatakan definisi beberapa kalimah yang disebutkan dalam teks agar pembaca dapat memahami dengan lebih jelas.
5. Menggunakan kaedah transliterasi dalam menulis kalimah-kalimah yang berasal daripada bahasa 'arab agar pembaca dapat menyebutnya dengan betul dan tepat.

Alḥamdulillāh, kami bersyukur kepada Allah ﷻ dengan taufīq, ‘ināyah dan rahmatNya kami dapat menyelesaikan amanah dan tugas ini berbekalkan ilmu yang kami timba melalui pengajian *talaqqi* kitab dan *ijāzah ‘āmmah* daripada mashayīkh al-Azhar di bumi Kinānah.

Semoga usaha kecil ini diterima oleh Allah ﷻ dan menjadi saham kebaikan kami di dunia dan di akhirat.

والله الموفق للصواب، وإليه المرجع والمآب

2 Rabī’ al-Awwal 1437 H
14 Disember 2015 M

al-Faqīr ‘inda ‘afw rabbih,

Mohd Juzaili bin Juhan

Penolong Pengurus,
Bahagian Syariah Bank Islam Malaysia Berhad.

Azhar bin Yahya

Ketua Jabatan Muamalat dan Kewangan Islam,
Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad.

TRANSLITERASI

HURUF ARAB	TRANSKRIPSI	HURUF ARAB	TRANSKRIPSI
ا	A	ط	Ṭ
ب	B	ظ	Ẓ
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	H	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	D	ل	L
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	و	W
س	S	ه	H
ش	Sh	ء	’
ص	Ṣ	ي	Y
ض	Ḍ	ة	H

VOKAL PANJANG		VOKAL PENDEK		DIFTONG	
آ	Ā	أ	A	أَو	Aw
و	Ū	و	U	أَي	Ay
ي	Ī	ي	I	إِي	Iyy
				أُو	Uww

BAHAGIAN PERTAMA :

- Biodata al-Imam al-Tahawi
- Pengenalan Buku

BAHAGIAN PERTAMA :

BIODATA AL-IMĀM AL-ṬAHĀWĪ (239-321 H) :1

Beliau ialah Aḥmad bin Muḥammad bin Salāmah bin Salamah bin ‘Abd al-Mālik, Abū Ja’far al-Azdī al-Ḥajarī al-Miṣrī al-Ṭahāwī al-Ḥanafī, merupakan seorang Imām, Muhaddith dan Faqīh.

Dilahirkan pada tahun 239 H di desa yang bernama Ṭahā terletak di Mesir. Beliau membesar di dalam keluarga yang berilmu dan beragama. Ayahnya seorang yang alim, ibunya juga selalu menghadiri majlis al-Imām al-Shāfi’ī manakala bapa saudara sebelah ibunya pula adalah al-Imām al-Muzanī iaitu anak murid kepada al-Imām al-Shāfi’ī yang paling faqih.

al-Imām al-Ṭahāwī hidup sezaman dengan al-Imam al-Bukhārī, Muslim, Abū Dawūd, al-Tirmidhī, al-Nasā’ī dan Ibn Mājah serta para ‘ulamā’ fiqh dan hadith yang lain.

¹ Lihat Sa’īd ‘Abd al-Laṭīf Fūdah, Dr. (2014), *al-Sharh al-Kabīr ‘ala al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, Beirut : Dār al-Dhakhā’ir, h. 10-14, Ṭahāwī, Abū Ja’far al-Ḥanafī, al- (1995), *Matn al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, c. 1, Beirut : Dār Ibn Ḥazm, h. 5.

Beliau mempelajari ilmu daripada lebih kurang 300 orang guru. Beliau terkenal dengan kepakaran dalam ilmu hadith, fiqh mengikut mazhab al-Imām Abū Ḥanīfah.

Antara guru-gurunya ialah :

1. al-Imām Yūnus bin ‘Abd al-A’lā al-Miṣrī.
2. al-Imām Muḥammad bin ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Ḥakam, seorang faqih mazhab Maliki.
3. al-Imām al-Rabī’ bin Sulaymān al-Murādī, anak murid al-Imām al-Shāfi’ī.
4. al-Imām al-Muzanī, anak murid al-Imām al-Shāfi’ī.
5. al-Imām Abū Zur’ah al-Dimashqī.
6. al-Imām al-Nasā’ī pengarang kitab al-Sunan.
7. al-Imām Abū Bakr bin Abī Dawūd.
8. al-Imām Abū Bishr al-Dūlābī.

Antara para ‘ulamā’ yang mengambil ilmu daripada beliau dan menjadi anak muridnya ialah :

1. al-Ḥāfiẓ Yūsuf bin al-Qāsim al-Qurṭubī.
2. al-Imām Abū al-Qāsim al-Ṭabarānī, pengarang kitab al-Ma’ājim.
3. al-Ḥāfiẓ Abū Bakr Ibn al-Muqri’.
4. al-Ḥāfiẓ Abū Aḥmad ‘Abdullāh bin ‘Adī, pengarang kitab al-Kāmil.

5. al-Imām Abū 'Uthmān al-'Azdī.

Beliau mempunyai karya-karya yang pelbagai. Antaranya yang masyhur ialah kitab *Bayān Mushkal al-Āthār* dan *Ma'ānī al-Āthār*.

Beliau telah wafat pada tahun 321 H di Mesir.



PENGENALAN BUKU :

Kitab *al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* karangan al-Imām Abū Ja’far al-Ṭahāwī adalah kitab yang menghimpunkan matan dalam ilmu ‘aqīdah Ahli al-Sunnah wa al-Jamā’ah dalam helaian yang nipis namun mudah untuk difahami.

Pengarang kitab tidak akan meninggalkan sebarang kaedah dalam Usul aqidah melainkan akan menyebutnya. Demikian juga perkara-perkara induk dan penting dalam ilmu ‘aqīdah akan dijelaskan dan ditunjukkan.²

Kitab ini merupakan pegangan ‘aqīdah al-Imām Abū Ḥanīfah al-Nu’mān-*rahimahullah*- yang diperakui kurunnya dengan kebaikan oleh Rasūlullāh sebagaimana dinyatakan oleh al-Imām al-Ṭahāwī dalam muqaddimah kitabnya.

² Lihat Ghunaymī, ‘Abd al-Ghanī al-Maydānī al-Ḥanafī al-Dimashqī, al- (1995), *Sharh al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, taḥqīq Muḥammad Muṭī’ al-Ḥāfiẓ & Muḥammad Riyaḍ al-Māliḥ, c. 3, Dimashq : Dār al-Fikr, h. 37-38.

Karya-karya ‘ulamā’ yang menghuraikan kitab *al-‘Aqīdah al-Ṭahāwiyyah* :³

1. ***Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṭahāwiyyah***, karya al-Qāḍī Ismā’īl bin Ibrāhīm bin ‘Alī al-Shaybānī (wafat 629 H).
2. ***al-Nūr al-Lāmi’ wa al-Burhān al-Sāfi’***, karya al-‘Allāmah Mankuwabirs Najm al-Dīn Yalanqalij al-Turkī (wafat 652 H).
3. ***Sharḥ al-‘Aqā’id li al-Ṭahāwī***, karya al-‘Allāmah ‘Alī bin Muḥammad bin al-‘Izz al-Ḥanafī (wafat 746 H).
4. ***al-Qalā’id fī Sharḥ al-‘Aqā’id li al-Ṭahāwī***, karya al-‘Allāmah Maḥmūd bin Aḥmad bin Mas’ūd al-Qawnawī (wafat 771 H).

³ Lihat Ghunaymī, al- (1995), *ibid.*, h. 10-11.

5. ***Sharḥ ‘Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah***, karya al-‘Allāmah Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Babārī (wafat 786 H).
6. ***Sharḥ ‘Aqā’id al-Ṭaḥāwī***, karya al-‘Allāmah ‘Abd al-Raḥīm bin ‘Alī al-Amāsī yang masyhur dengan Shaykh Zādah al-Rūmī al-Ḥanafī (wafat 944 H).
7. ***Nūr al-Yaqīn fī Uṣūl al-Dīn***, karya al-‘Allāmah Ḥusayn bin ‘Abdullāh al-Aqḥaṣārī al-Basnawī (wafat 1025 H).
8. ***Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah***, karya al-‘Allāmah al-Shaykh ‘Abd al-Ghanī al-Ghunaymī al-Midānī al-Ḥanafī (wafat 1298 H).

Pujian 'ulamā' terhadap kitab *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah* :

1. Berkata al-Qāḍī Ismā'īl bin Ibrāhīm bin 'Alī al-Shaybānī (wafat 629 H) :

*"Perbahasan 'aqīdah ini adalah riwayat Abū Ja'far Aḥmad bin Salamah al-Azdī al-Ṭaḥāwī dan beliau adalah seorang yang thiqah dalam periwayatannya, seorang yang benar dalam penulisannya..."*⁴

2. Berkata al-'Allāmah Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Bābartī (wafat 786 H) :

*"Antara kitab yang ringkas dalam ilmu kalam yang baik dan dapat menerangi kepada pembacanya, merangkumi keajaiban dalam penjelasannya ringkas dan padat ialah kitab yang dihasilkan oleh Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī..."*⁵

⁴ Shaybānī, Ismā'īl bin Ibrāhīm bin 'Alī, al- (t.t), *Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*, taḥqīq Aḥmad Farīd al-Mazīdī, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 7.

⁵ Babārtī. Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al- (1989), *Sharḥ 'Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, taḥqīq 'Ārid Āyatkan, c. 1, Kuwait : Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, h. 20.

3. Berkata al-‘Allāmah al-Shaykh ‘Abd al-Ghanī al-Ghunaymī al-Maydānī al-Ḥanafī (wafat 1298 H) :

*“Kitab ‘Aqidah yang dikenali dengan ‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah adalah antara kitab terbaik yang dihasilkan dalam permasalahan ‘aqīdah.”*⁶

4. Berkata al-Shaykh Sa’īd Fūdah :

*“Para ‘ulamā’ telah menerima kitab ini dan dengan meluas menjadikannya sebagai pegangan dan menyandarkan (pandangan dalam masalah ‘aqīdah) berdasarkan kitab tersebut. Para ‘ulamā’ Ahli al-Sunnah telah memberi perhatian yang besar terhadap kitab ini pada setiap zaman dan ramai di kalangan umat Islam mendapat faedah daripada kitab ini walaupun berbeza kedudukan keilmuan mereka.”*⁷

⁶ Ghunaymī, al- (1995), *op.cit.*, h. 37.

⁷ Sa’īd ‘Abd al-Laṭīf Fūdah, Dr. (2014), *al-Sharh al-Kabīr ‘ala al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, Beirut : Dār al-Dhakhā’ir, h. 6.

5. Berkata al-Shaykh Muḥammad Muṭī' al-Ḥāfiẓ dan al-Shaykh Muḥammad Riyāḍ al-Māliḥ :

*“Kitab al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah yang berjudul Bayan al-Sunnah wa al-Jamā'ah karangan al-Imām Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī telah disepakati oleh para 'ulamā' untuk diterima secara sempurna dan al-Imām al-Subkī menyenaraikannya antara kitab yang muktamad di kalangan al-'Ashā'irah.”*⁸



⁸ Lihat Ghunaymī, al- (1995), *op.cit.*, h. 9.

BAHAGIAN KEDUA :

- Muqaddimah Pengarang
- Ilahiyyat
- Nubuwwat
- Sam'iyyat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، قَالَ الْعَلَامَةُ حُجَّةُ الْإِسْلَامِ
أَبُو جَعْفَرٍ الْوَرَّاقُ الطَّحَاوِيُّ - بِمَصْرَ - رَحِمَهُ اللَّهُ :

هَذَا ذِكْرُ بَيَانِ عَقِيدَةِ أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ عَلَى مَذْهَبِ
فُقَهَاءِ أَهْلِ الْمِلَّةِ أَبِي حَنِيفَةَ النُّعْمَانَ بْنِ ثَابِتِ الْكُوفِيِّ، وَأَبِي
يُوسُفَ يَعْقُوبَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ الْأَنْصَارِيِّ، وَأَبِي عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ
الْحَسَنِ الشَّيْبَانِيِّ رِضْوَانُ اللَّهِ عَلَيْهِمْ أَجْمَعِينَ،

وَمَا يَعْتَقِدُونَ مِنْ أَصُولِ الدِّينِ، وَيَدِينُونَ بِهِ رَبَّ

الْعَالَمِينَ.



BAHAGIAN KEDUA :**MUQADDIMAH PENGARANG :**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، قَالَ الْعَلَّامَةُ هُجَّةُ الْإِسْلَامِ
أَبُو جَعْفَرٍ الْوَرَّاقُ الطَّحَاوِيُّ -بِمِصْرَ- رَحِمَهُ اللَّهُ :

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah, Maha
Penyayang

Segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam, telah
berkata al-‘Allāmah Ḥujjah al-Islām⁹ Abu Ja’far al-
Warrāq al-Ṭahāwī¹⁰ -ketika berada di Mesir- semoga
Allah merahmatinya :

⁹ Gelaran yang diberikan oleh para ‘ulamā’ dan anak murid beliau yang mengetahui kedudukan keilmuan beliau dalam ilmu fiqh dan hadith.

¹⁰ Lihat h. 11-12 sebelum ini.

هَذَا ذِكْرُ بَيِّنَاتٍ عَقِيدَةٍ أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ عَلَى مَذْهَبِ
فُقَهَاءِ أَهْلِ الْمِلَّةِ،

Ini adalah pernyataan bagi menjelaskan (secara terperinci) pegangan ‘aqīdah¹¹ Ahli al-Sunnah wa al-Jamā’ah¹² berdasarkan mazhab fuqahā’¹³ di dalam agama Islam¹⁴,

¹¹ Dari segi bahasa daripada kalimah ‘*Aqada* bermaksud ikatan, dari segi istilah ialah membenarkan di dalam hati suatu keyakinan yang teguh bertepatan dengan kebenaran seperti beriman dengan Allah dan Rasul. ‘Aqīdah adalah merupakan syarat kepada sahnya sesuatu amalan. Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, Beirut : Dār al-Dhakhā’ir, h. 20-21.

¹² al-Imām al-Najm al-Ghizzī menyatakan di dalam *Husn al-Tanabbuh fī al-Tashabbuh* bahawa : “Yang dimaksudkan mengikut Ahli al-Sunnah wa al-Jamā’ah ialah golongan yang mengikut nabi ﷺ dan para sahabatnya yang mulia dan mereka ialah golongan yang menjadi majoriti (*al-sawād al-‘Aẓām*) di kalangan umat Islam pada setiap zaman serta mereka adalah kelompok yang menzahirkan kebenaran dan kumpulan yang selamat daripada 73 kumpulan.” Lihat Ghunaymī, al- (1995), *op.cit.*, h. 44.

¹³ Mazhab dari segi bahasa bermaksud tempat yang dituju kepadanya, manakala dari segi istilah bermaksud metode yang terdiri daripada dalil-dalil dan cara-cara dalam menyatakan sesuatu kefahaman. Fuqahā’ ialah ‘ulamā’ yang mahir dalam hukum shara’ beserta dalil-dalilnya dan beramal dengannya.

¹⁴ al-Millah bermaksud al-Dīn iaitu Islam sebagai cara hidup.

أَبِي حَنِيفَةَ النُّعْمَانَ بْنِ ثَابِتِ الْكُوفِيِّ وَأَبِي يُوسُفَ يَعْقُوبَ
 بْنَ إِبْرَاهِيمَ الْأَنْصَارِيِّ، وَأَبِي عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدَ بْنَ الْحَسَنِ الشَّيْبَانِي
 رِضْوَانُ اللَّهِ عَلَيْهِمْ أَجْمَعِينَ،

iaitu Abū Ḥanīfah Nu'mān bin Thābit al-Kūfi¹⁵, Abū
 Yūsuf Ya'qūb bin Ibrāhīm al-Anṣārī¹⁶ dan Abū
 'Abdullāh Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī¹⁷, -
 semoga Allah meredhai ke atas mereka semua-,

¹⁵ Beliau dilahirkan pada tahun 80 atau 71 atau 63 H pada zaman sahabat dan sempat bertemu dengan Anas bin Mālik, 'Āmir bin al-Ṭufayl dan Sahl bin Sa'd al-Sā'idī. Pengasas mazhab Ḥanafī dalam fiqh dan beliau wafat tahun 150 H. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *op.cit.*, h. 45.

¹⁶ Beliau mempelajari ilmu fiqh daripada Abū Ḥanīfah. Orang pertama yang menyusun kitab-kitab dalam Usul Fiqh berdasarkan mazhab Abū Ḥanīfah dan mengembangkan mazhab Hanafī. Meninggal dunia pada tahun 181 atau 182 H pada usia 87 tahun. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *ibid.*

¹⁷ Beliau ialah Imam dalam Ilmu fiqh dan Usul yang merupakan anak murid Abū Ḥanīfah yang kedua selepas Abū Yūsuf. Beliau memiliki karya perbahasan furu' dan pelbagai kitab dalam fiqh. Meninggal dunia pada tahun 189 H pada usia 58 tahun. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *ibid.*

وَمَا يَعْتَقِدُونَ مِنْ أَصُولِ الدِّينِ، وَيَدِينُونَ بِهِ رَبَّ الْعَالَمِينَ.



dan mengikut apa yang menjadi i'tiqād¹⁸ oleh mereka daripada perbahasan uṣūluddīn¹⁹ dan apa yang dipegang dalam beragama oleh mereka terhadap tuhan²⁰ sekalian alam.

¹⁸ I'tiqād bermaksud sesuatu yang menjadi ikatan hati dan keazaman tekad yang kuat. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 21.

¹⁹ Uṣūl dari segi bahasa bermaksud sesuatu yang dibina di atasnya sesuatu yang lain. al-Din dari segi shara' bermaksud suatu ketetapan Allah yang menyeru golongan beraka untuk menerima apa yang disampaikan oleh nabi Muhammad ﷺ. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *ibid.*, h. 46.

Uṣūluddīn dari segi istilah ilmu ialah Ilmu yang membahaskan tentang nama-nama Allah, sifat-sifatNya, perbuatanNya, perihal makhluk daripada para malaikat, nabi, wali, imam, permulaan kejadian dan hari pembalasan berdasarkan ketetapan Islam dan bukan mengikut teori falsafah bagi menghasilkan keyakinan terhadap ikatan Iman dan menolak keraguan. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, h. 40.

²⁰ Rab dari segi bahasa bermaksud tuan yang ditaati, yang dapat memperelokkan sesuatu dan yang memiliki sesuatu sebagaimana dinyatakan oleh al-Imām al-Ṭabarī dalam tafsirnya. Kesemua makna Rab ini berlegar kepada satu makna kepada Allah iaitu sifat yang menunjukkan kepada pentadbiran secara mutlak kepada Allah sahaja tanpa ada sebarang ikatan tertentu dalam mentadbir sekalian alam ini. Lihat 'Umar 'Abdullāh Kāmil, Dr (t.t), *Mukhtasar Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, h. 7.

TAUHID :

نَقُولُ فِي تَوْحِيدِ اللَّهِ مُعْتَقِدِينَ بِتَوْفِيقِ اللَّهِ :

Kami menyatakan tentang Tauhid²¹ kepada Allah²² dalam keadaan kami beri'tiqād berdasarkan taufiq²³ daripada Allah bahawa :

²¹ Tauhid dari sudut bahasa bermaksud ilmu bahawa sesuatu itu adalah satu. Dari sudut syara' bermaksud mengkhususkan Allah sebagai tuhan yang disembah dengan melakukan pengibadatan disertai i'tiqād tentang keesaanNya dari segi zat, sifat dan perbuatan. Lihat Bājūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad bin Aḥmad al- (2002), *Hāshiyah al-Imām al-Bayjūrī 'ala al-Jawharah al-Tawhīd*, taḥqīq 'Alī Jum'ah Muḥammad al-Shāfi'ī, Prof. Dr, Kaherah : Dār al-Salām, h. 38.

Nama lain bagi ilmu tauhid ialah ilmu Kalam, ilmu 'Aqīdah, ilmu Uṣūluddīn.

²² Kata nama khas bagi Allah tuhan yang sebenar. Kalimah tersebut menunjukkan terhimpun padaNya nama-nama yang baik. Lihat Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad al-Sayyid Sharīf al- (2004), *Mu'jam al-Ta'rīfāt*, taḥqīq Muḥammad Ṣiddīq al-Manshāwī, Kaherah : Dār al-Faḍīlah, h. 32.

²³ Taufiq bermaksud Allah menjadikan perbuatan hambaNya bertepatan dengan apa yang disukaiNya dan diredhaiNya. Lihat Jurjānī (2004), *Ibid.*, h. 62.

ALLAH ITU ESA :

إِنَّ اللَّهَ وَاحِدٌ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَلَا شَيْءٌ مِثْلُهُ،

Sesungguhnya Allah itu Satu (Esa)²⁴ tiada sekutu²⁵ bagiNya, dan Tiada suatu pun yang menyerupaiNya²⁶

²⁴ Kalimah *Wāḥid* dan *Aḥad* adalah sama erti. Ada pendapat lain mengatakan setiap sesuatu kalimah itu memberikan makna yang berbeza iaitu kalimah *Wāḥid* digunakan pada sifat manakala kalimah *Aḥad* digunakan pada zat. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 131-132.

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Zumar ayat 4 :

﴿هُوَ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ﴾

Maksudnya : “*Dia lah Allah, Yang Maha Esa, lagi Yang mengatasi kekuasaannya segala-galanya.*”

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Ikhlāṣ ayat 1-4 :

﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾

Maksudnya : “*Katakanlah (Wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa.*”

²⁵ Tidak ada sekutu bagi Allah pada zat, sifat dan perbuatanNya. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *op.cit.*, h. 47.

²⁶ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Shurā ayat 11 :

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Maksudnya : “*Tiada sesuatupun Yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.*”

ALLAH MAHA BERKUASA :

وَلَا شَيْءٌ يُعْجِزُهُ، وَلَا إِلَهَ غَيْرُهُ.

Dan tiada sesuatu pun yang dapat melemahkanNya²⁷,
dan tidak ada tuhan²⁸ selain Dia.

²⁷ Bermaksud tidak ada sesuatu pun yang dapat menghalang Allah untuk melaksanakan segala kehendakNya. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, h. 145.

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Fāṭir ayat 44 :

﴿وَمَا كَانَ لِلَّهِ لِيُعْجِزَهُ مِنْ شَيْءٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ إِنَّهُ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا﴾

Maksudnya : “Dan (sudah tetap) Bahawa kekuasaan Allah tidak dapat dilemahkan atau dihalangi oleh sesuatupun sama ada di langit atau di bumi; Sesungguhnya ia adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.”

²⁸ Firman Allah Ta'ālā dala surah al-Anbiyā' ayat 22 :

﴿لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ﴾

Maksudnya : “Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan Yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. maka (bertauhidlah kamu kepada Allah Dengan menegaskan): Maha suci Allah, Tuhan Yang mempunyai 'Arash, dari apa Yang mereka sifatkan.”

Ilāh bermaksud tuhan yang selayaknya diserahkan segala pengibadatan. Ilāh dan Rab adalah sama maksudnya. Demikian juga pada makna al-Ulūhiyyah dan Rubūbiyyah berdasarkan dalil-dalil berikut :

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-A'rāf ayat 172 :

﴿وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ۝﴾

Maksudnya : “dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Shu'arā' ayat 26-29 :

﴿قَالَ رَبُّكُمْ وَرَبُّ آبَائِكُمُ الْأَوَّلِينَ ۝ قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمْ الَّذِي أُرْسِلَ إِلَيْكُمْ لَمَجْنُونٌ ۝ قَالَ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ۝ قَالَ لَئِنْ اتَّخَذَتِ إِلَهًا غَيْرِي لَأَجْعَلَنَّكَ مِنَ الْمَسْجُورِينَ ۝﴾

Maksudnya : “Nabi Musa menegaskan lagi: "Dia lah Tuhan Yang memiliki dan memelihara kamu dan Tuhan datuk nenek kamu Yang telah lalu. Firaun berkata (kepada orang-orangnya): "Sebenarnya Rasul yang diutuskan kepada kamu ini, sungguh gila?" Nabi Musa (menerangkan lagi tentang keesaan Allah dan kekuasaannya dengan) berkata: "Dia lah Yang memiliki dan Menguasai timur dan barat serta segala yang ada di antara keduanya; kalau kamu orang-orang yang berakal tentulah memahaminya!" Firaun berkata: "Demi sesungguhnya! jika Engkau menyembah Tuhan yang lain daripadaku, sudah tentu Aku akan menjadikan Engkau dari orang-orang yang dipenjarakan".

❖ Firman Allah Ta'āla dalam surah al-Qaṣaṣ ayat 38 :

﴿وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَتَأَيُّهَا آتَمَلَأُ مَا عَلِمْتُ لَكُمْ مِنْ إِلَهِ غَيْرِي فَأَوْقَدَ لِي يَهْنَمُنْ عَلَى الطِّينِ فَاجْعَلْ لِي صَرْحًا لَعَلِّي أَطَّلِعُ إِلَى إِلَهِ مُوسَى وَإِنِّي لأَظُنُّهُ مِنَ الْكَاذِبِينَ﴾

Maksudnya : “Dan Firaun pula berkata: "Wahai orang-orangku, Aku tidak mengetahui ada bagi kamu sebarang Tuhan Yang lain daripadaku; oleh itu, Wahai Haman, bakarkanlah untukku batu-bata, serta binalah untukku bangunan Yang tinggi, supaya Aku naik melihat Tuhan Musa (yang dikatakannya itu); dan Sesungguhnya Aku percaya adalah Musa dari orang-orang Yang berdusta".

Berkata al-Qudā'ī : “Pertama sekali pengarahannya Allah kepada ruh ialah dengan bertanya : Bukankah Aku tuhan (Rab) kamu? Maka memadai dengan jawapan pengakuan kepada keesaan Allah pada rubūbiyyah. Dan soalan pertama yang akan ditanya kepada orang yang mati di dalam kuburnya: Siapakah tuhan (Rab) kamu? Maka memadai dengan jawapan Allah adalah tuhan (Rab) mereka.”

Hadith tentang soalan 2 malaikat di dalam kubur adalah masyhur iaitu riwayat Imam Muslim dan Imam al-Tirmidhī bahawa malaikat bertanya : Siapakah tuhan (Rab) kamu? Sedangkan mereka tidak bertanya dengan ucapan : Siapakah tuhan (Ilāh) kamu?

Justeru, menjadi suatu kelaziman apabila tuhan disifatkan dengan Rubūbiyyah maka disifatkan juga dengan sifat Ulūhiyyah. Maka pendapat yang mengatakan orang musyrikin mempunyai tauhid Rubūbiyyah adalah merupakan pendapat yang batil, dan tidak mempunyai asas dalam agama. Lihat ‘Umar ‘Abdullāh Kāmil, Dr (t.t), *op.cit.*, h. 8.

ALLAH BERSIFAT QADĪM DAN KEKAL :

قَدِيمٌ بِلَا اِبْتِدَاءٍ ، دَائِمٌ بِلَا اَنْتِهَاءٍ ،

Allah bersifat qadīm²⁹ iaitu tiada permulaan³⁰ serta kekal selama-lamanya³¹ iaitu tiada pengakhiran.

²⁹ Sifat ini terdapat dalam riwayat al-Imām Abū Dawūd dalam Sunannya daripada ‘Abdullāh bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ (رضي الله عنه) bahawa Rasūlullāh ﷺ apabila masuk ke dalam masjid akan membaca :

«أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَبِسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ»

Ertinya : “*Aku berlandung dengan Allah Yang Maha Agung, ZatNya yang Mulia, kekuasaanNya yang qadīm daripada Syaitan yang direjam.*”

Kesemua perawi dalam sanad hadith ini adalah thiqah. Hadith ini tidak turun daripada martabat Ḥasan secara mutlak.

Terdapat juga lafaz *qadīm* dalam riwayat Imām al-Ḥākim di dalam kitab *al-Mustadrak* daripada Abū Hurayrah (رضي الله عنه) :

«إِنَّ لِلَّهِ تَعَالَى تِسْعَةَ وَتِسْعِينَ اسْمًا مِنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ...التَّوَاب...الْقَدِيم...»

Ertinya : “*Sesungguhnya bagi Allah 99 nama, barangsiapa yang menghitungnya masuk syurgaal-Tawwāb...al-Qadīm...*”

³⁰ Allah tidak didahului dengan tiada.

³¹ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Raḥmān ayat 27 :

﴿وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ﴾

Maksudnya : “*Dan akan kekalah zat Tuhanmu Yang mempunyai kebesaran dan Kemuliaan*”

ALLAH TIDAK BINASA DAN MAHA BERKEHENDAK :

لَا يَفْنَى وَلَا يَبِيدُ ، وَلَا يَكُونُ إِلَّا مَا يُرِيدُ .

Allah tidak akan binasa³² dan musnah, dan tidaklah sesuatu itu berlaku melainkan menurut kehendakNya.³³

³² *Fanā'* bermaksud tiada, hilang, terputus, habis atau terpecah kepada juzuk-juzuk. Lihat Sa'id Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 131-161.

³³ *Irādah* bermaksud *Mashī'ah* iaitu kemahuan.

- ❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Āli 'Imrān ayat 40 :

﴿ قَالَ كَذَلِكَ اللَّهُ يَفْعَلُ مَا يَشَاءُ ﴾

Maksudnya : “Allah berfirman: "Demikianlah keadaannya, Allah melakukan apa Yang dikehendakiNya".

- ❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Mā'idah ayat 1 :

﴿ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ مَّا يُرِيدُ ﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa Yang Dia kehendaki.”

- ❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Nahl ayat 40 :

﴿ إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَيْءٍ إِذَا أَرَدْنَاهُ أَنْ نَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya perkataan Kami kepada sesuatu apabila Kami kehendaki, hanyalah Kami berkata kepadanya: "Jadilah engkau! ", maka menjadilah ia.”

HAKIKAT ZAT ALLAH TIDAK DAPAT DISINGKAP :

لَا تَبْلُغُهُ الْأَوْهَامُ ، وَلَا تُدْرِكُهُ الْأَفْهَامُ ،

Tidak akan dapat diketahui tentang (hakikat zat Allah) melalui khayalan perumpamaan³⁴ dan tidak juga melalui gambaran kefahaman.³⁵

³⁴ Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, h. 183-185.

³⁵ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Ṭāha ayat 110 :

﴿وَلَا تُحِيطُونَ بِهِ عِلْمًا﴾

Maksudnya : “Sedang mereka tidak dapat mengetahui tentangNya dengan ilmu.”

Pada makna ini, Imam al-Bayhaqī meriwayatkan di dalam *al-Asmā'* wa *al-Ṣifāt* dengan sanadnya daripada Ibn 'Abbās رضي الله عنه berkata :

«تَفَكَّرُوا فِي كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَفَكَّرُوا فِي ذَاتِ اللَّهِ»

Ertinya : “Berfikirilah pada semua perkara namun janganlah kamu berfikir tentang Zat Allah.”

Beliau juga meriwayatkan di dalam *Shu'ab al-Īmān* daripada Ibn 'Umar رضي الله عنه bahawa Rasūlullāh bersabda :

«تَفَكَّرُوا فِي آلَاءِ اللَّهِ - يَعْنِي : عَظَمَتُهُ - وَلَا تَفَكَّرُوا فِي اللَّهِ»

Ertinya : “Berfikirilah tentang keagungan Allah dan janganlah kamu berfikir tentang Allah.”

ALLAH MAHA HIDUP DAN GAGAH :

وَلَا يُشَبِّهُهُ الْإِنَامُ ، حَيٌّ لَا يَمُوتُ ، قَيُّومٌ لَا يَنَامُ .

Tiada dikalangan makhluk³⁶ yang menyerupaiNya,³⁷ Allah sentiasa hidup iaitu tidak akan mati, Allah sentiasa gagah³⁸ tanpa perlu kepada tidur.

³⁶ al-Anām bermaksud setiap yang mempunyai ruh. dikatakan maksudnya ialah kesemua makhluk. Terdapat pandangan yang mengatakan maksudnya ialah manusia dan pendapat ini lebih dekat kerana pengarang ingin menafikan pendapat golongan Mushabbihah dan Mujassimah yang menyifatkan Allah berjisim seperti manusia. Di samping itu juga pengarang ingin menolak pendapat Nasrani yang menisbahkan bagi Allah mempunyai anak dan pasangan. Lihat Babārtī, Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al- (1989), *op.cit.*, h. 42.

³⁷ Sama ada pada zat, sifat dan perkara yang berkait dengan sifat Allah. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 183-185.

❖ Firman Allah Ta'āla dalam surah al-Ikhlās ayat 4 :

﴿وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ﴾

Maksudnya : “Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya.”

³⁸ Firman Allah Ta'āla dalam surah al-Baqarah ayat 255 :

﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ﴾

Maksudnya : “Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur.”

ALLAH MAHA PENCIPTA :

خَالِقٌ بِلَا حَاجَةٍ ، رَازِقٌ بِلَا مُؤَنَةٍ ،

Allah maha pencipta³⁹ tanpa berhajat (kepada ciptaanNya),⁴⁰ Allah maha pemberi rezeki (kepada makhlukNya) tanpa sebarang keberatan.⁴¹

³⁹ Maha mencipta akan sekalian makhlukNya daripada tiada kepada ada. PenciptaanNya bukanlah disebabkan Allah memerlukan kepada makhluk ciptaanNya. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 207.

❖ Firman Allah Ta'āla dalam surah al-Ḥashr ayat 24 :

﴿هُوَ اللَّهُ الَّذِي يَخْلُقُ الْبَارِئُ الْمَصُورُ﴾

Maksudnya : “Dia lah Allah, Yang menciptakan sekalian makhluk; Yang mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut Yang dikehendakiNya)”

⁴⁰ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-'Ankabūt ayat 6 :

﴿إِنَّ اللَّهَ لَعَنِيَّ عَنِ الْعَلَمِينَ﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya Allah Maha kaya (tidak berhajatkan sesuatupun) daripada sekalian makhluk.”

⁴¹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Nahl ayat 40 :

﴿إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَيْءٍ إِذَا أَرَدْنَاهُ أَنْ نَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya perkataan Kami kepada sesuatu apabila Kami kehendaki, hanyalah Kami berkata kepadanya: "Jadilah engkau!", maka menjadilah ia.”

Berkata al-Imām al-Nasafi di dalam kitab tafsirnya dalam menghurai ayat 40 Surah al-Nahl :

“Kun fayakūn adalah daripada perkataan kāna yang sempurna dengan membawa maksud terjadi dan wujud. Difahami ayat

ALLAH MAHA MEMATIKAN DAN MENGHIDUPKAN SEMULA MAKHLUK :

مُيِّتٌ بِلاَ مَخَافَةٍ، بَاعِثٌ بِلاَ مَشَقَّةٍ.

Allah mematikan⁴² (makhlukNya) tanpa sebarang ketakutan, Allah maha mengembalikan⁴³ semula (makhlukNya) tanpa sebarang kesukaran.

tersebut seperti berikut : “Apabila kami kehendaki kewujudan sesuatu, tidaklah kami lakukan melainkan dengan berkata kepada sesuatu tersebut : Jadilah, maka jadilah sesuatu tersebut tanpa terhenti.” Pernyataan ini adalah menunjukkan kepada pantasnyanya proses kejadian tersebut yang menjelaskan bahawa sebarang kehendak Allah tidak akan terhalang...” Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, h. 210.

⁴² Hakikat kematian itu ialah perpindahan manusia daripada kehidupan kepada peringkat yang lain, atau perpindahan peringkat daripada peringkat-peringkat kewujudannya kepada peringkat lain iaitu kehidupan alam barzakh kemudian kehidupan alam akhirat. Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, h. 213.

⁴³ Firman Allah Ta’ālā dala surah al-Rūm ayat 27 :

﴿وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ ۚ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي

السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

Maksudnya : “dan Dia lah Yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian ia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang perlaksanaan Yang demikian amatlah mudah baginya. dan bagiNyalah jua sifat Yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

SIFAT ALLAH QADĪM, AZALĪ DAN ABADĪ

مَا زَالَ بِصِفَاتِهِ قَدِيمًا قَبْلَ خَلْقِهِ ، لَمْ يَزِدْ بِكَوْنِهِمْ شَيْئًا
 لَمْ يَكُنْ قَبْلَهُمْ مِنْ صِفَتِهِ، وَكَأَنَّ بَصِفَاتِهِ أَزَلِيًّا كَذَلِكَ لَا
 يَزَالُ عَلَيْهَا أَبَدِيًّا،

Allah sentiasa bersifat *qadīm* sebelum menjadikan makhluknya lagi, dan tiada bertambah sesuatu apapun pada sifatNya dengan sebab bertambahnya kewujudan ciptaanNya.

Sebagaimana sifat Allah adalah Azalī (tiada permulaan),⁴⁴ maka sifat Allah juga adalah Abadī (tiada penghujung).⁴⁵

⁴⁴ Azalī bermaksud sesuatu yang tidak didahului dengan tiada. Lihat Jurjānī (2004), *op.cit.*, h. 17.

⁴⁵ Abadī bermaksud sesuatu yang tidak boleh luput. Lihat Jurjānī (2004), *ibid.*, h. 9.

HAKIKAT NAMA-NAMA ALLAH :

لَيْسَ مُنْذُ خَلَقَ الْخَلْقَ اسْتَفَادَ اسْمَ الْخَالِقِ ، وَلَا
بِإِحْدَاثِهِ الْبَرِيَّةِ اسْتَفَادَ اسْمَ الْبَارِي. لَهُ مَعْنَى الرُّبُوبِيَّةِ وَلَا
مَرْبُوبَ، وَمَعْنَى الْخَالِقِ وَلَا مَخْلُوقَ.

Tidaklah kerana sesudah Allah menciptakan makhluk maka barulah Allah dinamakan sebagai *al-Khaliq*, dan tidaklah dengan sebab Allah menjadikan sesuatu kejadian maka barulah Allah dinamakan sebagai *al-Bari*.⁴⁶ Bagi Allah makna *Rubūbiyyah*⁴⁷ (mengurus dan mentadbir alam) sekalipun tidak ada sesuatu apa yang perlu diurus dan ditadbir. Dan demikian juga bagi Allah makna *al-Khāliqiyyah* sekalipun tidak ada makhluk yang dijadikan.

⁴⁶ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-A'rāf ayat 180 :

﴿وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ﴾

Maksudnya : “Dan Allah mempunyai nama-nama Yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya Dengan menyebut nama-nama itu,”

⁴⁷ Lihat halaman 27-29 pada bahagian nota kaki sebelum ini.

وَكَمَا أَنَّهُ مُحْيِي الْمَوْتَى بَعْدَ مَا أَحْيَا اسْتَحَقَّ هَذَا الْأَسْمَ قَبْلَ
إِحْيَائِهِمْ، كَذَلِكَ اسْتَحَقَّ اسْمَ الْخَالِقِ قَبْلَ إِنْشَائِهِمْ.

Sebagaimana Allah itu Maha Menghidupkan semula yang telah mati,⁴⁸ setelah Allah menghidupkan (makhlukNya) maka nama ini (*Muḥyi al-Mawtā*) adalah berhak bagi Allah sekalipun sebelum menghidupkan mereka (makhlukNya) semula.

Demikian juga menjadi hak Allah akan nama *al-Khāliq* (Maha Mencipta) sebelum menciptakan mereka (makhluk).

⁴⁸ Firman Allah Ta'āla dalam surah al-Baqarah ayat 73 :

﴿كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى وَيُرِيكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾﴾

Maksudnya : “Demikianlah Allah menghidupkan orang-orang Yang telah mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya, supaya kamu memahaminya.”

ذَلِكَ بَأَنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ، وَكُلُّ شَيْءٍ إِلَيْهِ فَقِيرٌ ، وَكُلُّ أَمْرٍ
عَلَيْهِ يَسِيرٌ ، لَا يَحْتَاجُ إِلَى شَيْءٍ لَّيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ، وَهُوَ
السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Hal ini disebabkan Allah Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu.⁴⁹ Justeru, setiap sesuatu sangat berhajat kepada Allah dan setiap perkara bagi Allah adalah mudah, dan Dia tidak memerlukan sebarang bantuan.⁵⁰

(Firman Allah Ta'ālā yang bermaksud) “*Tiada sesuatu pun Yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.*”

⁴⁹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Baqarah ayat 284 :

﴿وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

Maksudnya : “*Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*”

⁵⁰ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Fāṭir ayat 15 :

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ﴾

Maksudnya : “*Wahai manusia, kamulah Yang sentiasa berhajat kepada Allah (dalam Segala perkara), sedang Allah Dia lah sahaja Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.*”

خَلَقَ الْخَلْقَ بِعِلْمِهِ ، وَقَدَّرَ لَهُمْ أَقْدَارًا ، وَضَرَبَ لَهُمْ أَجَالَ.

Allah menjadikan makhluk berdasarkan ilmuNya,⁵¹ Dia menentukan bagi makhluk-makhluk akan taqdir⁵² tertentu. Dan Allah juga menetapkan bagi makhluk-makhluk akan tempoh ajal⁵³ tertentu.

⁵¹ Allah menjadikan makhlukNya dan Dia mengetahui tentang apa yang diciptakan. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 367-368.

⁵² Taqdir ialah penentuan Allah ke atas setiap makhlukNya dengan ketentuanNya sama ada melibatkan baik atau buruk, manfaat atau mudharat. Lihat Jurjānī, al- (2004), *op.cit.*, h. 58.

Firman Allah Ta'āla dalam surah al-Qamar ayat 49 :

﴿إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).”

⁵³ Firman Allah Ta'āla dalam surah al-A'rāf ayat 34 :

﴿وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ﴾



Maksudnya : “Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan); maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka dikemudiankan walau sesaatpun, dan tidak dapat pula mereka didahulukan.”

Berkata al-Imām al-Qurṭūbī : “Setiap sesuatu yang ditentukan sesuatu ke atasnya adalah ajal bagi sesuatu tersebut. Ajal manusia ialah waktu yang Allah ketahui untuk mematikan orang yang hidup tanpa mustahil. Waktu ajal tersebut tidak harus terlambat daripada kematiannya bukan kerana Allah tidak mampu untuk melambatkannya.” Lihat Qurṭūbī, al- (2006), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, c. 1, Beirut : Muassasah al-Risālah, j.9, h. 212-213.

لَمْ يَخَفْ عَلَيْهِ شَيْءٌ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَهُمْ ، وَعِلْمَ مَا هُمْ عَامِلُونَ قَبْلَ
أَنْ يَخْلُقَهُمْ ، وَأَمْرَهُمْ بِطَاعَتِهِ ، وَنَهَاهُمْ عَنْ مَعْصِيَتِهِ ،

Tidak tersembunyi sesuatu apapun daripada perbuatan makhluk bagi Allah sekalipun Dia belum menjadikan mereka, dan Allah mengetahui apa yang dilakukan oleh hamba-hambaNya sebelum Dia menjadikan mereka.⁵⁴

Allah menyuruh hamba-hambaNya supaya mentaati perintahNya dan melarang mereka daripada melakukan penderhakaan kepadaNya.⁵⁵

⁵⁴ Sifat Allah sebagai Pencipta diringi dengan sifat mengetahui setiap perkara kerana ilmu tentang ciptaan adalah syarat bagi mencipta. Lihat Babārtī, al- (1989), *op.cit.*, h. 53.
Firman Allah Ta'ālā dalam surah Yāsin ayat 79 :

﴿وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya : “Dan ia Maha mengetahui akan Segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakanNya)”

⁵⁵ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Dhāriyāt ayat 56 :

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Maksudnya : “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”

وَكُلُّ شَيْءٍ يَجْرِي بِتَقْدِيرِهِ ، وَمَشِيئَتِهِ تَنْفُذُ لَا مَشِيئَةَ لِلْعِبَادِ إِلَّا
مَا شَاءَ لَهُمْ ، فَمَا شَاءَ لَهُمْ كَانَ ، وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ .

Setiap sesuatu berlaku dengan penentuannya,⁵⁶ dan kehendakNya terlaksana tanpa bergantung kepada kehendak hambaNya melainkan apa yang Allah kehendaki bagi mereka.

Justeru apa yang Allah kehendaki bagi mereka pasti berlaku, manakala apa yang Dia tidak kehendaki bagi mereka maka tidak akan berlaku.⁵⁷

⁵⁶ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Furqān ayat 2 :

﴿وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا﴾

Maksudnya : “Dan Dia lah Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu Dengan ketentuan takdir Yang sempurna.”

⁵⁷ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Insān ayat 30 :

﴿وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا﴾

Maksudnya : “Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara yang dikehendakiNya).”

يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ، وَيَعْصِمُ وَيُعَافِي فَضْلًا ، وَيُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ ،
وَيَخْذُلُ وَيَبْتَلِي عَدْلًا ، وَكُلُّهُمْ يَتَقَلَّبُونَ فِي مَشِيئَتِهِ بَيْنَ فَضْلِهِ
وَعَدْلِهِ ،

Allah memberi pertunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya, Dan Allah memelihara dan menyembuhkan sesiapa disebabkan kemuliaanNya.⁵⁸

⁵⁸ Kalimah *Faḍlan* menunjukkan bahawa tidak menjadi suatu kewajipan kepada Allah untuk melakukan sesuatu perkara kerana alam ini adalah milikan dan di bawah kekuasaannya. Pemilik berhak melakukan apa sahaja ke atas barang milikannya. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 417, Babārī, al- (1989), *op.cit.*, h. 55.

- ❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Ibrāhīm ayat 27 :

﴿وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ﴾

Maksudnya : “Dan Allah berkuasa melakukan apa Yang dikehendakiNya.”

- ❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Mā'idah ayat 1 :

﴿إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa Yang Dia kehendaki.”

- ❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Ḥadīd ayat 21 :

Demikian juga Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya, Dan Allah menggagalkan dan menguji sesiapa disebabkan keadilanNya.⁵⁹

Kesemua makhluk bergantung kepada kehendakNya yang berada diantara kemuliaan dan keadilanNya.⁶⁰

﴿ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ﴾

Maksudnya : “Yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikanNya kepada sesiapa Yang dikehendakiNya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia Yang besar.”

⁵⁹ Kalimah ‘Adlan bermaksud Allah tidak melakukan kezaliman ke atas makhlukNya.

❖ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Nahl ayat 93 :

﴿وَلَٰكِن يُضِلُّ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ﴾

Maksudnya : “Akan tetapi Allah menyesatkan sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan memberi petunjuk kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya)”

⁶⁰ Berkata al-‘Arif al-Sayyid ‘Abdullāh al-Haddād dalam Hikamnya: “(Hubungan) makhluk dengan Allah berlegar antara 1 daerah daripada 2 daerah sama ada daerah Raḥmah atau Hikmah. Barangsiapa yang hari ini berada dalam daerah Raḥmah maka esok berada dalam daerah limpah kurniaNya. Barangsiapa yang hari ini berada dalam daerah Hikmah maka esok berada dalam daerah keadilanNya.” Lihat Ghunaymī, al- (1997), op.cit., h. 62.

وَهُوَ مُتَعَالٍ عَنِ الْأَضْدَادِ وَالْأَنْدَادِ ، لَا رَادَّ لِقَضَائِهِ ، وَلَا
مُعَقَّبَ لِحُكْمِهِ ، وَلَا غَالِبَ لِأَمْرِهِ ، أَمَّا بِذَلِكَ كُلِّهِ ، وَإِيقِنَا أَنَّ
كُلًّا مِنْ عِنْدِهِ

Dan Dia (Allah) Maha Tinggi⁶¹ daripada zat yang berlawanan⁶² dan bersamaan (dengannya).⁶³ Tiada yang dapat menolak segala keputusanNya⁶⁴ dan tiada yang

⁶¹ Yang layak bagi Zat Allah dan bukannya tinggi dari segi arah dan tempat. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, h. 424.

⁶² Firman Allah Ta'ālā dalam surah Maryam ayat 82 :

﴿كَلَّا سَيَكْفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمْ وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا﴾

Maksudnya : “Tidak sekali-kali! bahkan benda-benda yang mereka pertuhankan itu mengingkari perbuatan mereka menyembahnya, dan akan menjadi musuh yang membawa kehinaan kepada mereka.”

⁶³ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Baqarah ayat 22 :

﴿فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya : “Maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).”

⁶⁴ Qadhā' bermaksud Keputusan, urusan dan perbuatan Allah. Lihat Babārtī, al- (1989), *op.cit.*, h. 56.

dapat melambatkan segala hukumNya dan juga tiada sesiapa yang dapat mengalahkan segala urusanNya.⁶⁵

Kami beriman dengan semua perkara tersebut, dan kami yakin bahawa semua perkara itu adalah dariNya.

⁶⁵ Kerana Allah Maha Perkasa dan Bijaksana. Lihat Ghunaymī, al- (1997), *op.cit.*, h. 63.

Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Mā'idah ayat 118 :

﴿إِنْ تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ وَإِن تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ﴾

Maksudnya : “Jika Engkau menyiksa mereka, (maka tidak ada Yang menghalanginya) kerana Sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu; dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka Sesungguhnya Engkaulah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

NABI MUHAMMAD ﷺ :

وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ الْمُسْطَفَى، وَنَبِيُّهُ الْمَجْتَبَى، وَرَسُولُهُ
الْمُرْتَضَى، وَأَنَّهُ خَاتَمُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِمَامُ الْأَتْقِيَاءِ، وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ،
وَحَبِيبُ رَبِّ الْعَالَمِينَ،

Dan (kami menyatakan bahawa) sesungguhnya Nabi Muhammad ﷺ adalah hambaNya⁶⁶ yang terpilih dan nabiNya⁶⁷ yang terulung serta rasulNya⁶⁸ yang diredhaiNya.

⁶⁶ Hamba adalah merupakan martabat yang paling tinggi kerana setiap perbuatan hamba adalah terbit bertepatan dengan kehendak tuannya. Lihat Sa'īd Fūdāh, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 428.

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Isrā' ayat 1 :

﴿سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا﴾

Maksudnya : “Maha suci Allah Yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), Yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami.”

⁶⁷ Nabi ialah seorang manusia, lelaki, merdeka di kalangan bani Ādam yang diwahyukan kepadanya syariat. Lihat Šāwī, al- (1999), *op.cit.*, h. 58.

Dan dia (Nabi Muhammad ﷺ) adalah penutup sekalian para nabi,⁶⁹ Imam kepada semua orang yang bertaqwa, penghulu⁷⁰ kepada sekalian rasul serta kekasih⁷¹ kepada Tuhan yang mengurus sekalian alam.

⁶⁸ Rasul sama takrif seperti nabi namun diperintahkan untuk menyampaikan syariat tersebut. Lihat Ṣāwī, al- (1999), *ibid*.

⁶⁹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Aḥzāb ayat 40 :

﴿مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ﴾

Maksudnya : “Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi.”

⁷⁰ Hadith riwayat al-Imām Muslim daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. وَأَوَّلُ مَن يَنْشَقُّ عَنْهُ الْقَبْرُ. وَأَوَّلُ شَافِعٍ وَأَوَّلُ مُشَفِّعٍ»

Ertinya : “Saya penghulu sekalian anak Adam pada hari kiamat. orang pertama yang akan bangkit dari kubur, orang pertama yang memberi syafaat dan diminta syafaat.”

⁷¹ Hadith riwayat al-Imām al-Tirmidhī daripada Ibn ‘Abbās رضي الله عنه daripada Rasūlullāh ﷺ :

«...أَنَا حَبِيبُ اللَّهِ وَلَا نَخْرَ...»

Ertinya : “Ingatlah bahawa Aku adalah kekasih Allah dan bukanlah untuk berbangga.”

وَكُلُّ دَعْوَى النُّبُوَّةِ بَعْدَهُ فُغْيٌ وَهْوَى ، وَهُوَ الْمَبْعُوثُ إِلَى عَامَّةِ
الْجِنِّ ، وَكَافَّةِ الْوَرَى ، بِالْحَقِّ وَالْهُدَى ، وَبِالنُّورِ وَالضِّيَاءِ

Setiap dakwaan kenabian selepasnya (Nabi Muhammad ﷺ) adalah sesat dan mengikut hawa nafsu.

Dan Dia (Nabi Muhammad ﷺ) diutus kepada sekalian jin⁷² dan manusia⁷³ dengan kebenaran dan petunjuk serta dengan cahaya dan sinar.⁷⁴

⁷² Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Jin ayat 1 :

﴿قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ۖ﴾

Maksudnya : “Katakanlah (Wahai Muhammad): “Telah diwahyukan kepadaku, Bahawa sesungguhnya: satu rombongan jin telah mendengar (Al-Quran yang Aku bacakan), lalu mereka (menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan) berkata: ‘Sesungguhnya Kami telah mendengar Al-Quran (sebuah Kitab Suci) Yang susunannya dan kandungannya sungguh menakjubkan!’”

⁷³ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Saba' ayat 27 :

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ﴾

Maksudnya : “Dan tiadalah Kami mengutusmu (Wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya,”

⁷⁴ Cahaya dan sinar bermaksud Sharī'ah yang jelas dengan hujah-hujah yang nyata. Lihat Bābartī, al- (1989), op.cit., h. 61.

AL-QURAN :

وَأَنَّ الْقُرْآنَ كَلَامُ اللَّهِ ، مِنْهُ بَدَأَ بِلَا كَيْفِيَّةٍ قَوْلًا ، وَأَنْزَلَهُ عَلَى
 رَسُولِهِ وَحِيَاءً ، وَصَدَقَهُ الْمُؤْمِنُونَ عَلَى ذَلِكَ حَقًّا ، وَايْتَنَبَهُ
 كَلَامُ اللَّهِ تَعَالَى بِالْحَقِيقَةِ ، لَيْسَ بِمَخْلُوقٍ كَكَلَامِ الْبَرِيَّةِ ،

Dan (kami menyatakan) Sesungguhnya al-Quran adalah *Kalam Allah*,⁷⁵ darinya nyata Dia berkata-kata tanpa diketahui tentang cara Kata-kataNya,⁷⁶

Dan (al-Quran) diturunkan kepada RasulNya (Nabi Muhammad ﷺ) sebagai wahyu,⁷⁷ dan orang-orang yang

⁷⁵ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Tawbah ayat 6 :

﴿حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ﴾

Maksudnya : “*Sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu),*”

⁷⁶ Tujuan menafikan tentang cara kata-kata Allah adalah menafikannya terdiri daripada jenis huruf dan suara kerana Kalam Allah merupakan sifat yang berkait dengan zat yang bersifat qadīm sama seperti sifat-sifat yang lain. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 63.

⁷⁷ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-An'ām ayat 19 :

beriman membenarkannya sebagai perkara yang benar,⁷⁸ mereka meyakini bahwa al-Quran adalah *Kalam Allah* yang hakiki, bukannya makhluk seperti perkataan manusia.

﴿وَأُوحِيَ إِلَىٰ هَٰذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرْكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ﴾

Maksudnya : “Dan diwahyukan kepadaKu Al-Quran ini, supaya Aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan juga (kepada) sesiapa Yang telah sampai kepadanya seruan Al-Quran itu.”

⁷⁸ Para sahabat Nabi bersaksi penurunannya kepada Rasūlullāh ﷺ, menyedari tentang mukjizat al-Quran, membenarkannya sebagai kalam Allah, kemudian memindahkannya kepada generasi selepas mereka secara mutawātir sebagaimana mereka mendapatkannya daripada Rasūlullāh ﷺ. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 64-65.

فَمَنْ سَمِعَهُ فَرَّعَمَ أَنَّهُ كَلَامُ الْبَشَرِ فَقَدْ كَفَرَ ، وَقَدْ ذَمَّهُ اللَّهُ وَعَابَهُ ،
 وَأَوْعَدَهُ بِسَقَرٍ ، حَيْثُ قَالَ تَعَالَى : ﴿سَأُصْلِيهِ سَقَرَ﴾ ، فَلَمَّا
 أَوْعَدَ اللَّهُ بِسَقَرٍ لِمَنْ قَالَ : ﴿إِنْ هَذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ﴾ عَلَيْنَا وَإِقْنَانًا
 أَنَّهُ قَوْلُ خَالِقِ الْبَشَرِ ، وَلَا يُشَبِّهُ قَوْلَ الْبَشَرِ .

Barangsiapa yang mendengarnya (al-Quran) lalu dia menyangka (al-Quran) merupakan perkataan manusia sesungguhnya dia telah menjadi kafir.

Sesungguhnya Allah telah mengutuk dan mencercanya serta mengancamnya dengan neraka Saqar. FimanNya yang bermaksud : “*Kami akan membakarnya di dalam neraka saqar*”.⁷⁹

⁷⁹ Firman Allah Ta' āla dalam urah al-Muddaththir ayat 27-31 :

﴿وَمَا أَدْرَاكَ مَا سَقَرٌ ﴿٢٧﴾ لَا تُبْقَى وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾ لَوْ أَحَاطَ لِلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾ عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾﴾



Maksudnya : “Dan apa jalannya Engkau dapat mengetahui kedahsyatan neraka Saqar itu? ﴿٢٨﴾ Ia membakar mangsanya Dengan tidak meninggalkan sisa, dan tidak membiarkannya (binasa terus) ﴿٣٠﴾”

Justeru, ketika mana Allah mengancam akan memasukkan mereka ke dalam neraka *saqar* kerana mengatakan bahawa al-Quran itu adalah kata-kata manusia maka telah kita ketahui dan yakini bahawa al-Quran adalah kata-kata Allah dan tidak sama dengan kata-kata manusia.

Ia terus-menerus membakar kulit manusia! ❀ Pengawal dan penjaganya adalah sembilan belas (malaikat). ❀ Dan (ketahuilah Bahawa hikmat) Kami tidak menjadikan pengawal-pengawal neraka itu melainkan (dari kalangan) malaikat, (kerana merekalah sekuat-kuat dan sebenar-benar makhluk Yang menjalankan perintah kami); dan (hikmat) Kami tidak menerangkan bilangan mereka melainkan Dengan satu bilangan Yang menyebabkan kesesatan dan kesengsaraan orang-orang kafir itu, supaya orang-orang Yang diberi Kitab (Yahudi dan Nasrani) boleh percaya Dengan yakin (akan kebenaran Al-Quran), dan supaya orang-orang Yang beriman bertambah imannya; dan juga supaya orang-orang Yang diberi Kitab dan orang-orang Yang beriman itu tidak ragu-ragu (tentang kebenaran keterangan itu); dan (sebaliknya) supaya orang-orang (munafik) Yang ada penyakit (ragu-ragu) Dalam hatinya dan orang-orang kafir berkata: "Apakah Yang di maksudkan oleh Allah Dengan menyebutkan bilangan ganjil ini?" Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), dan memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan tiada Yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia lah sahaja. dan (ingatlah, Segala Yang diterangkan berkenaan dengan) neraka itu tidak lain hanyalah menjadi peringatan bagi manusia."

HUKUM MENYIFATKAN ALLAH DENGAN SIFAT MANUSIA :

وَمَنْ وَصَفَ اللَّهَ بِمَعْنَى مَنْ مَعَانِي الْبَشَرِ فَقَدْ كَفَرَ، فَمَنْ أَبْصَرَ
هَذَا اعْتَبَرَ، وَعَنْ مِثْلِ قَوْلِ الْكُفَّارِ اتَّزَجَرَ، وَعِلْمٌ أَنَّ بِصِفَاتِهِ
لَيْسَ كَالْبَشَرِ.

Sesiapa yang menyifatkan Allah dengan sebarang makna daripada makna-makna (menyamai) manusia maka dia telah menjadi kafir, sesiapa yang menghalusi perkara ini maka dia akan mendapat pengajaran serta dapat menjauhi kata-kata orang yang telah kafir seterusnya dia telah mengetahui bahawa sifat-sifat Allah tidak serupa dengan sifat-sifat manusia.

MELIHAT ALLAH DI SYURGA :

وَالرُّؤْيَةُ حَقٌّ لِأَهْلِ الْجَنَّةِ بِغَيْرِ إِحَاطَةٍ وَلَا كَيْفِيَّةٍ ، كَمَا
 نَطَقَ بِهِ كِتَابُ رَبِّنَا ﴿وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاضِرَةٌ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاطِرَةٌ﴾ ،
 وتفسيره على ما أراده الله تعالى وعلمه ، وكلُّ ما جاء في ذلك
 من الحديث الصحيح عن الرسول صلى الله عليه وسلم فهو كما
 قال، ومعناه على ما أرادَ لا ندخلُ في ذلك متأولينَ بِأَرَائِنَا ،
 وَلَا مُتَوَهِّمِينَ بِأَهْوَائِنَا ،

Melihat Allah adalah benar bagi penghuni syurga tanpa melihat meliputi keseluruhan sisi zatNya dan tanpa cara-cara tertentu, sebagaimana yang disebut dalam kitab al-Quran, maksudnya : “Wajah-wajah ketika itu berseri-seri kerana dapat melihat Allah.”⁸⁰

⁸⁰ Surah al-Qiyāmah ayat 22-23.

Justeru, tafsirannya (melihat Allah) adalah mengikut kepada kehendakNya dan ilmuNya.⁸¹

Begitu juga apa yang diterangkan oleh Rasulullah ﷺ sama seperti yang difirmankan Allah ﷻ.⁸² Maknanya seperti mana yang Dia kehendaki tanpa kita *ta'wīl*⁸³ mengikut pandangan kita sendiri dan kita tidak membuat tekaan mengikut hawa nafsu kita.

⁸¹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-An'ām ayat 103 :

﴿لَا تَدْرِكُهُ الْآبْصَرُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْآبْصَرَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ﴾

Maksudnya : “Dia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang ia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) Segala penglihatan (mata), dan Dia lah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambaNya Dengan belas kasihan), lagi Maha mendalam pengetahuanNya.”

⁸² Terdapat hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya daripada Jarīr bin ‘Abdullāh bahawa kami pernah duduk di sisi Rasūlullāh ﷺ ketika itu bulan purnama, lantas beliau bersabda :

﴿إِنَّكُمْ سَتَرُونَ رَبَّكُمْ كَمَا تَرُونَ هَذَا الْقَمَرَ لَا تَضَامُونَ فِي رُؤْيَيْهِ﴾

Ertinya : “Sungguh kalian akan melihat Tuhan kalian sebagaimana kalian melihat bulan ini, kalian tidak akan kesulitan melihatnya.”

⁸³ Takwil bermaksud memindahkan lafaz daripada maknanya yang zahir kepada suatu makna kebarangkalian yang lain dengan bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Lihat Jurjānī, al- (2004), *op.cit.*, h. 46.

فإنه مَا سَلِمَ فِي دِينِهِ إِلَّا مَنْ سَلَّمَ لِلَّهِ عِزَّ وَجَلَّ وَلِرَسُولِهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَرَدَّ عِلْمَ مَا اشْتَبَهَ عَلَيْهِ إِلَى عَالِمِهِ. وَلَا
تُثْبِتُ قَدَمُ الْإِسْلَامِ إِلَّا عَلَى ظَهْرِ التَّسْلِيمِ وَالِاسْتِسْلَامِ ،

Sesungguhnya tidak akan sejahtera agama seseorang itu melainkan dia menyerahkan kepada Allah dan RasulNya serta mengembalikan segala kekeliruan kepada ilmuNya (apa yang dikehendakiNya).

Tidak teguh pendirian Islam seseorang melainkan di atas dasar patuh⁸⁴ dan menyerah⁸⁵ (kepada Allah)

84 Redha dengan ketentuan Allah. Lihat Ghunaymī, al- (1997), *op.cit.*, h. 72.

85 Menyerahkan apa yang tersembunyi daripada apa yang dikehendaki kepada ilmu Allah. Lihat Ghunaymī, al- (1997), *ibid.*

فَمَنْ رَامَ عِلْمَ مَا حُظِرَ عَنْهُ عَلَيْهِ ، وَلَمْ يَقْنَعْ بِالتَّسْلِيمِ
 فَهَمُّهُ ، حَجَبَهُ مَرَامُهُ عَنْ خَالِصِ التَّوْحِيدِ ، وَصَافِيِ الْمَعْرِفَةِ ،
 وَصَحِيحِ الْإِيمَانِ ،

Sesiapa yang mengharung lautan ilmu yang tidak dibenarkan dan tidak yakin dengan penyerahan kefahamannya kepada Allah, maka dia akan terhalang daripada mendapat tauhid yang bersih, pengetahuan yang jernih dan iman yang sahih.

فَيَتَذَبُّ بَيْنَ الْكُفْرِ وَالْإِيمَانِ ، وَالتَّصْدِيقِ وَالتَّكْذِيبِ ،
وَالْإِقْرَارِ وَالْإِنْكَارِ ، مُوسَّسًا تَائِهًا ، زَائِعًا شَاكًّا ، لَا مُؤْمِنًا
مُصَدِّقًا ، وَلَا جَاحِدًا مُكْذِبًا ،

Maka, orang itu juga akan berbolak balik hatinya antara iman dan kufur, antara membenarkan dan mendustakan, antara akur dan ingkar, sedangkan dia terus was-was⁸⁶ kehairanan, tersesat⁸⁷ dan syak wasangka,⁸⁸ Dia tidak menjadi orang yang benar-benar beriman dan tidak juga sebagai orang yang ingkar dan dusta.⁸⁹

⁸⁶ Melalui bisikan syaitan yang menimbulkan keraguan.

⁸⁷ Cenderung daripada jalan kebenaran.

⁸⁸ Terhadap apa yang wajib berserah.

⁸⁹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Āli 'Imrān ayat 7 :

﴿فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ

Maksudnya : “Adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa Yang samar-samar dari Al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarkan maksudnya menurut Yang disukainya).”

وَلَا يَصِحُّ الْإِيمَانُ بِالرُّبُوبِيَّةِ لِأَهْلِ دَارِ السَّلَامِ لِمَنْ عَابَرَهَا مِنْهُمْ
 بِهِمْ، أَوْ تَأَوَّلَهَا بِهِمْ، إِذَا كَانَ تَأْوِيلُ الرُّبُوبِيَّةِ وَتَأْوِيلُ كُلِّ
 مَعْنَى يُضَافُ إِلَى الرُّبُوبِيَّةِ تَرَكَ التَّأْوِيلَ وَلَزِمَ التَّسْلِيمَ، وَعَلَيْهِ
 دِينَ الْمُسْلِمِينَ.

Tidak sah keimanan seseorang mengenai penghuni syurga Dār al-Salām⁹⁰ boleh melihat Allah sekiranya dia menanggapi perkara itu secara *waham* atau *menta'wīl*nya dengan kefahamannya sendiri.

Sekiranya seseorang itu melakukan *takwil* pada perkara melihat Allah dan setiap perkara yang tidak diketahui berkaitan dengan sifat *Rubūbiyyah*, maka tinggalkanlah

⁹⁰ Firman Allah Ta'ālā dalm surah al-An'ām ayat 127 :

﴿ هُمْ دَارُ السَّلَامِ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَهُوَ وَلِيُّهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya : “Bagi merekalah syurga Darus-Salaam (tempat tinggal Yang aman sejahtera) di sisi Tuhan mereka, dan Dia lah Penolong mereka, disebabkan amal-amal (yang baik) Yang mereka telah kerjakan.”

mentakwil⁹¹ dan iltizamlah dengan menyerahkan (perkara yang tidak diketahui) kepada ilmu Allah. Atas dasar inilah tertegaknya agama orang-orang Islam.⁹²

⁹¹ Iaitu meninggalkan takwil mengenai cara-cara untuk melihat Allah. Lihat Bābartī, al- (1989), *op.cit.*, h. 74.

⁹² Firman Allah Ta'ālā dalam surah Āli 'Imrān ayat 7 :

﴿وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ﴾

Maksudnya : “*Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. dan orang-orang Yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya Dalam ilmu-ilmu agama, berkata: " Kami beriman kepadaNya, semuanya itu datangnyanya dari sisi Tuhan kami" dan tiadalah Yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang Yang berfikiran. "*

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-An'am ayat 71 :

﴿قُلْ إِن هُدَىٰ اللَّهُ هُوَ الْهُدَىٰ وَأَمَّا إِن لِّتُضْلَمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya : “*Katakanlah: "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar-benar petunjuk, dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam."*

SIFAT WAḤDANIYYAH :

ومن لم يتوقَّ النفي والتشبيه زَلَّ ولم يُصِبِ التَّزْيِهَ ، فَإِنَّ رَبَّنَا
 جَلَّ وَعَلَا مَوْصُوفٌ بِصِفَاتِ الْوَحْدَانِيَّةِ ، مَنَعُوتٌ بِمَنَعُوتِ
 الْفَرْدَانِيَّةِ ، لَيْسَ فِي مَعْنَاهُ أَحَدٌ مِنَ الْبَرِيَّةِ .

Dan barangsiapa yang tidak memelihara dirinya dari penafian⁹³ dan penyerupaan⁹⁴ maka dia telah tergelincir dan tidak menepati sasaran *tanzih* (menyucikan Allah daripada segala sifat kekurangan).

Sesungguhnya Allah Yang Maha Agung dan Maha Tinggi adalah bersifat dengan *waḥdāniyyah* (Esa) dan tunggal, tiada suatu pun di kalangan makhluk yang menyerupaiNya.

⁹³ Menafikan nikmat melihat Allah sebagaimana yang ditetapkan oleh shara' merupakan pegangan golongan Mu'tazilah. Lihat Bābarti, al- (1989), *ibid.*, h. 74.

⁹⁴ Menyamakan melihat Allah seperti melihat jisim-jisim yang lain merupakan pegangan golongan Mujassimah. Lihat Bābarti, al- (1989), *ibid.*, h. 75.

وَتَعَالَى عَنِ الْحُدُودِ وَالْغَايَاتِ، وَالْأَرْكَانِ وَالْأَعْضَاءِ
وَالْأَدَوَاتِ ، لَا تَحْوِيهِ الْجِهَاتُ السِّتُّ كَسَائِرِ الْمَبْتَدَعَاتِ.

Maha suci Allah daripada terikat dengan segala batasan tempat, penghujung, rukun, anggota dan peralatan serta Allah tidak terikat juga dengan arah-arrah yang enam⁹⁵ seperti yang berlaku kepada makhluk.⁹⁶

⁹⁵ Iaitu arah atas, bawah, kanan, kiri, depan dan belakang.

⁹⁶ Adapun nas-nas shara' seperti firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Fath ayat 10 :

﴿يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ﴾

Maksudnya : “Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya).”

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Şad ayat 75 :

﴿قَالَ يَتْلِيَ لَيْسَ مَا مَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِإِدْيَ﴾

Maksudnya : “Allah berfirman: "Hai Iblis! apa Yang menghalangmu daripada turut sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kekuasaanKu?”

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Baqarah ayat 115 :

﴿وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُولُوا فَتَمَّ وَجْهُ اللَّهِ﴾

Maksudnya : *“Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah.”*

❖ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Muslim dalam Ṣaḥīḥnya dan al-Imām Aḥmad dalam Musnadnya daripada ‘Abdullāh bin ‘Amr رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda :

«إِنَّ قُلُوبَ بَنِي آدَمَ كُلَّهَا بَيْنَ إِصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الرَّحْمَنِ عَزَّ وَجَلَّ كَقَلْبٍ وَاحِدٍ يُصَرِّفُ كَيْفَ يَشَاءُ»

Ertinya : *“Sesungguhnya hati-hati anak cucu Adam semuanya berada diantara jari-jari Al-Rahman ﷻ seperti hati seseorang yang dipalingkannya sesuai kehendakNya.”*

Dan banyak lagi nas shara’ yang seumpunya. Maka terdapat 2 pendekatan dalam berinteraksi dengan ayat mutashābihat tersebut :

Pertama : Pandangan Ulamak al-Salaf iaitu membenarkannya dan menyerahkan (tafwīd) takwīl maknanya kepada Allah beserta menyucikan Allah daripada menyamai dengan makhluk.

Kedua : Pandangan Ulamak al-Khalaf iaitu melakukan ta’wīl dengan perkara-perkara yang layak bagi zat Allah dan sifatNya, serta tidak memutuskan bahawa itulah makna yang dikehendaki Allah kerana tidak terdapat dalil yang mewajibkan keputusan tersebut.

Berkata al-Bābartī : *“Cara ulamak al-Salaf adalah lebih selamat (aslam) daripada terjebak ke dalam ta’wīl yang tidak dikehendaki maknanya, manakala cara ulamak al-Khalaf adalah lebih hikmah (aḥkam).”* Lihat Bābarti, al- (1989), *ibid.*, h. 78.

MIKRAJ :

والمعراجُ حقٌّ ، وقد أُسْرِيَ بالنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ،
وَعُرِجَ بِشَخْصِهِ فِي الْيَقْظَةِ إِلَى السَّمَاءِ ، ثُمَّ إِلَى حَيْثُ شَاءَ اللهُ
مِنَ الْعُلَا ، وَأَكْرَمَهُ اللهُ بِمَا شَاءَ وَأَوْحَى إِلَيْهِ مَا أَوْحَى ، ﴿ مَا
كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَى ﴾ ، فَصَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْآخِرَةِ
وَالأُولَى .

Sesungguhnya *mi'rāj*⁹⁷ adalah benar, Nabi ﷺ telah diisrā'kan⁹⁸ dan dimi'rājkan ke langit dan ke alam

⁹⁷ *Mi'rāj* ialah perjalanan nabi diangkat ke langit seterusnya ke alam yang tidak diketahui oleh makhluk. *Isrā'* pula ialah perjalanan nabi pada waktu malam dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqṣā. Lihat Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān, Dr., al- (1998), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyyah*, c. 5, Kaherah : Dār al-Salām, h. 108.

⁹⁸ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Isrā' ayat 1 :

﴿سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ ءَايَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Maksudnya : “Maha suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Harām (di Makkah)

seterusnya⁹⁹ menurut kehendak Allah dengan jasad baginda sendiri dalam keadaan sadar.

Allah memuliakannya dengan apa yang dikehendakiNya dan mewahyukannya apa yang Dia hendak wahyukan kepada nabi ﷺ.¹⁰⁰

Firman Allah bermaksud : “*Hati (Nabi Muhammad) tidak berbohong terhadap apa yang dilihatnya.*”¹⁰¹
Semoga Allah memberkatinya di dunia dan di akhirat.

ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

⁹⁹ Peristiwa mi'rāj adalah benar berlaku berdasarkan riwayat hadith Ṣaḥīḥ, antaranya riwayat al-Imām Muslim dalam Ṣaḥīḥnya, kitāb al-Imān, bāb Isrā', hadith no. 234.

¹⁰⁰ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Najm ayat 10 :

﴿فَأَوْحَىٰ إِلَىٰ عَبْدِهِ مَا أَوْحَىٰ﴾

Maksudnya : “*Lalu Allah wahyukan kepada hambaNya (Muhammad, Dengan perantaraan malaikat jibril) apa Yang telah diwahyukanNya.*”

¹⁰¹ Surah al-Najm ayat 11.

TELAGA DAN SHAFĀ'AH :

وَالْحَوْضُ الَّذِي أَكْرَمَهُ اللَّهُ تَعَالَى بِهِ غِيَاثًا لِأُمَّتِهِ حَقٌّ.
وَالشَّفَاعَةُ الَّتِي ادَّخَرَهَا لَهُمْ حَقٌّ ، كَمَا رُوِيَ فِي الْأَخْبَارِ.

Hawd (telaga) yang dikurniakan Allah kepadanya sebagai pertolongan kepada ummatnya adalah benar.¹⁰²

¹⁰² Berdasarkan riwayat hadits Ṣaḥīḥ yang bilangannya mencapai darjat mutawātir maknawī.

Antaranya ialah hadits riwayat al-Imām al-Bukhārī dan Muslim dalam Ṣaḥīḥ mereka daripada ‘Abdullāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ (رضي الله عنه) bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«حَوْضِي مَسِيرَةُ شَهْرٍ مَآوُهُ أَيْضُ مِنَ اللَّبَنِ وَرِيحُهُ أَطْيَبُ مِنَ الْمِسْكِ
وَكَيْزَانُهُ كُنُجُومُ السَّمَاءِ مَنْ شَرِبَ مِنْهَا فَلَا يَظْمَأُ أَبَدًا»

Ertinya : “Telagaku luasnya sejauh perjalanan sebulan, airnya lebih putih daripada susu, dan baunya lebih wangi daripada minyak kasturi, dan penyedoknya bagaikan bintang di langit, siapa meminumnya dia tak akan haus selama-lamanya.”

Shafā'ah yang disimpan untuk ummatnya juga adalah benar, sepertimana yang diriwayatkan di dalam beberapa hadis.¹⁰³

¹⁰³ Berdasarkan hadith riwayat al-Imām al-Bukhārī dan Muslim dalam Ṣaḥīḥ mereka daripada Anas bin Mālik bahawa Rasūlullāh telah menceritakan :

«إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ مَجَّ النَّاسُ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ فَيَأْتُونَ آدَمَ فَيَقُولُونَ لَهُ أَشْفَعْ لَدُنِّيكَ فَيَقُولُ لَسْتُ لَهَا وَلَكِنْ عَلَيْكُمْ بِإِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ فَإِنَّهُ خَلِيلُ اللَّهِ فَيَأْتُونَ إِبْرَاهِيمَ فَيَقُولُ لَسْتُ لَهَا وَلَكِنْ عَلَيْكُمْ بِمُوسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ فَإِنَّهُ كَلِيمُ اللَّهِ فَيُؤْتِي مُوسَى فَيَقُولُ لَسْتُ لَهَا وَلَكِنْ عَلَيْكُمْ بِعِيسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ فَإِنَّهُ رُوحُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ فَيُؤْتِي عِيسَى فَيَقُولُ لَسْتُ لَهَا وَلَكِنْ عَلَيْكُمْ بِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأُوتَى فَأَقُولُ أَنَا لَهَا ...»

Ertinya : “Apabila hari kiamat datang, maka manusia berdesakan sebahagian dengan sebahagian yang lain, lalu mereka mendatangi Adam seraya berkata kepadanya, “Berilah syafa'at untuk anak-anakmu”. Lalu dia berkata, “Aku bukan orang yang memiliki hak untuk memberi syafa'at, akan tetapi hendaklah kalian mendatangi Ibrahim ؑ, karena dia adalah Khalīlullah.” Lalu mereka mendatangi Ibrahim, maka dia pun menjawab, “Aku bukan orang yang memiliki hak untuk memberi syafa'at, akan tetapi hendaklah kalian mendatangi Musa ؑ, karena ia adalah Kalimullah.” Lalu Musa didatangi, maka dia pun menjawab, “Aku bukan orang yang memiliki hak untuk memberi syafa'at, akan tetapi hendaklah kalian mendatangi Isa ؑ, karena dia adalah ruh Allah dan Kalimat-Nya.” Lalu Isa didatangi, maka dia pun menjawab, “Aku bukan orang yang memiliki hak untuk memberi syafa'at, akan tetapi hendaklah kalian mendatangi Muhammad ﷺ”. Lalu Muhammad didatangi. Lalu aku berkata, “Aku adalah orang yang memiliki hak untuk memberi syafa'at...”

Shafā'ah dari segi bahasa bermaksud perantara (*al-wasīlah*) dan permintaan (*al-Ṭalab*). Dari segi istilah bermaksud permintaan kebaikan untuk orang lain atau permintaan melakukan kebaikan. Lihat Sibā'ī, Muḥammad bin Abū al-Su'ūd Ṣāliḥ, al- (1423H), *Ḥāshiyah 'alā al-Sharḥ al-Kharīdah al-Bahīyyah*, taḥqīq al-Sayyid 'Alī bin al-Sayyid 'Abd al-Raḥmān al-Hāshim, Kaherah : al-Sharikah al-Dawliyyah, h. 554

Berkata al-Shaykh Aḥmad al-Dardīr dalam *Sharḥ al-Kharīdah* :
"Shafā'ah terbahagi kepada beberapa jenis :

Pertamanya ialah Shafā'ah Nabi Muḥammad ﷺ dalam memulakan penghakiman bagi memberi kerehatan kepada makhluk setelah sekian lama berdiri di mahsyar. Ini adalah khusus untuk baginda.

Keduanya ialah Shafā'ah Nabi Muḥammad ﷺ dalam memasukkan umatnya ke dalam syurga tanpa diperhitungkan amalan mereka. Ini juga khusus untuk baginda.

Ketiganya ialah Shafā'ah terhadap orang yang berhak masuk neraka agar tidak memasukinya.

Keempatnya ialah Shafā'ah dalam mengeluarkan golongan yang masuk dalam neraka. Para nabi, malaikat dan orang soleh di kalangan orang beriman berkongsi dalam memberi shafā'ah ini.

Kelimanya ialah Shafā'ah dalam meningkatkan darjat seseorang di dalam syurga. Ini adalah khusus untuk nabi Muḥammad ﷺ.

*Keenamnya ialah Shafā'ah dalam meringankan siksaan bagi orang yang kekal di dalam neraka." Lihat Sibā'ī, Muḥammad bin Abū al-Su'ūd Ṣāliḥ, al- (1423H), *ibid.*, h. 554-558.*

PERJANJIAN DENGAN ALLAH :

وَالْمِيثَاقُ الَّذِي أَخَذَهُ اللَّهُ تَعَالَى مِنْ آدَمَ وَذُرِّيَّتِهِ حَقًّا.

Perjanjian yang Allah kenakan kepada Adam dan zuriatnya adalah benar.¹⁰⁴

¹⁰⁴ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-A'rāf ayat 173 :

﴿وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَى شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ﴾

Maksudnya : “Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya Dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini.”

QADĀ' :

وَقَدْ عَلِمَ اللَّهُ تَعَالَى فِيمَا لَمْ يَزَلْ عَالِمًا عَدَدَ مَنْ يَدْخُلُ
الْجَنَّةَ ، وَعَدَدَ مَنْ يَدْخُلُ النَّارَ جُمْلَةً وَاحِدَةً ، فَلَا يَزَادُ فِي ذَلِكَ
الْعَدَدُ وَلَا يَنْقُصُ مِنْهُ ،

Sesungguhnya Allah telah mengetahui dan Dia memang sentiasa mengetahui bilangan orang yang akan masuk syurga dan bilangan orang yang akan masuk neraka.¹⁰⁵ Jumlah itu telah ditetapkan maka tidak akan ditambah dan dikurangkan daripadanya.

¹⁰⁵ Menunjukkan akan keluasan ilmu Allah serta mengukuhkan qadā' dan qadar Allah adalah berdasarkan ilmuNya. Lihat Bābartī, al- (1989), op.cit., h. 84.

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Sabā' ayat 3 :

﴿لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ﴾

Maksudnya : “Tiada tersembunyi dari pengetahuannya barang seberat debu yang ada di langit atau di bumi, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata.”

وَكَذَلِكَ أَفْعَالُهُمْ فِيمَا عَلِمَ مِنْهُمْ أَنْ يَفْعَلُوهُ، وَكُلُّ مَيْسَرٍ

لَمَّا خُلِقَ لَهُ.

Demikian juga Allah telah mengetahui segala perbuatan yang akan makhlukNya lakukan. Setiap orang akan dipermudahkan ke jalan yang dia telah ditentukan.¹⁰⁶

¹⁰⁶ Terdapat hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan Muslim dalam Ṣaḥīḥ mereka daripada Jābir bin ‘Abdullāh رضي الله عنه :

«جَاءَ سُرَاقَةُ بْنُ مَالِكٍ بْنِ جُعْشُمٍ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ بَيْنَ لَنَا دِينَنَا كَأَنَّا خُلِقْنَا الْآنَ فِيمَا الْعَمَلُ الْيَوْمَ أَفِيْمَا جَفَّتْ بِهِ الْأَقْلَامُ وَجَرَتْ بِهِ الْمَقَادِيرُ أَمْ فِيمَا نَسْتَقْبِلُ قَالَ لَا بَلْ فِيمَا جَفَّتْ بِهِ الْأَقْلَامُ وَجَرَتْ بِهِ الْمَقَادِيرُ قَالَ فَفِيْمَا الْعَمَلُ... فَقَالَ اْعْمَلُوا فِكُلُّ مَيْسَرٍ»

Ertinya : “Suatu ketika Surāqah bin Mālik bin Ju'shum datang kepada Rasulullah seraya berkata; “Ya Rasulullah, terangkanlah kepada kami agama ini, seolah-olah kami baru diciptakan! Apakah hakikat amalan hari ini? apakah kerana telah tertulis oleh pena yang telah kering, dan taqdir yang pasti berlaku, ataukah amalan yang harus kita hadapi? Rasulullah ﷺ menjawab: "Tidak, tapi kerana pena yang telah kering dan taqdir yang mesti berlaku." Suraqah Bin Malik berkata; “lalu untuk apa kita beramal?” ...Sabda baginda “Beramallah, kerana semuanya akan dipermudahkan.”

وَالْأَعْمَالُ بِالْخَوَاتِيمِ ، وَالسَّعِيدُ مَنْ سَعِدَ بِقَضَاءِ اللَّهِ ،
وَالشَّقِيُّ مَنْ شَقِيَ بِقَضَاءِ اللَّهِ.

Dan segala amalan diambil kira pada penghujungnya.¹⁰⁷

Orang yang bahagia ialah mereka yang bahagia dengan

¹⁰⁷ Bermaksud barangsiapa yang mati dalam tauhid maka dia mendapat manfaat daripada amalan yang dikerjakan semasa hidupnya, dan barangsiapa yang mati dalam kekufuran maka tidak bermanfaat sedikitpun amalan pada waktu hidupnya. Lihat Sa'īd Fūdāh, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 792-793.

Pernyataan tersebut adalah berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhāri dalam Ṣaḥīḥnya daripada Sahl bin Sa'd bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«...إِنَّ الْعَبْدَ لَيَعْمَلُ عَمَلِ أَهْلِ النَّارِ وَإِنَّهُ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَيَعْمَلُ عَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَإِنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ وَإِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْخَوَاتِيمِ.»

Ertinya : “*Sungguh ada seorang hamba yang melakukan amalan-amalan penghuni neraka, namun berakhir menjadi penghuni surga, dan ada seorang hamba yang mengamalkan amalan-amalan penghuni surga, namun berakhir menjadi penghuni neraka, sungguh amalan itu ditentukan dengan penutupan.*”

ketentuan *qaḍā'*nya, manakala orang yang celaka ialah mereka yang celaka menurut *qaḍā'*nya.¹⁰⁸

¹⁰⁸ Berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan Muslim dalam Ṣaḥīḥ mereka daripada Ibn Mas'ūd رضي الله عنه bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«أَنَّ خَلْقَ أَحَدِكُمْ يَجْمَعُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا أَوْ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ يَكُونُ عِلْقَةً مِثْلَهُ ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَهُ ثُمَّ يَبْعَثُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيُؤْذَنُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ فَيَكْتُبُ رِزْقَهُ وَاجَلَهُ وَعَمَلَهُ وَشَقِيٌّ أَمْ سَعِيدٌ ثُمَّ يَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ ... »

Ertinya : “Sesungguhnya penciptaan salah seorang antara kalian ialah dihimpun dalam perut ibunya selama empat puluh hari, atau empat puluh malam, kemudian menjadi segumpal darah dalam empat puluh hari berikutnya, kemudian menjadi segumpal daging dalam empat puluh hari berikutnya, kemudian Allah mengutus malaikat kepadanya dan memerintahkan untuk menetapkan empat kalimat (empat hal); tentang rezekinya, ajalnya, amalnya, sengsara ataukah bahagia. Kemudian Allah meniupkan ruh padanya, ...”

Qaḍā' ialah Ilmu Allah atau kehendak Allah yang bersifat qadīm. Lihat Sa'īd Fūdāh, Dr. (2014), *ibid.*, h. 795.

HAKIKAT QADAR :

وَأَصْلُ الْقَدَرِ سِرُّ اللَّهِ تَعَالَى فِي خَلْقِهِ ، لَمْ يَطَّلَعْ عَلَى
 ذَلِكَ مَلَكٌ مُقَرَّبٌ وَلَا نَبِيٌّ مُرْسَلٌ ، وَالتَّعَمُّقُ وَالنَّظَرُ فِي ذَلِكَ
 ذَرِيعَةُ الْخِذْلَانِ ، وَسَلَمُ الْحَرَمَانِ ، وَدَرَجَةُ الطُّغْيَانِ ، فَالْحَذَرُ
 كُلُّ الْحَذَرِ مِنْ ذَلِكَ نَظَرًا وَفِكْرًا وَوَسْوَسةً ، فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى
 طَوَى عِلْمَ الْقَدَرِ عَنْ أَنْامِهِ ، وَنَهَاهُمْ عَنْ مَرَامِهِ ، كَمَا قَالَ اللَّهُ
 تَعَالَى فِي كِتَابِهِ ﴿ لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ ﴾ فَمَنْ سَأَلَ
 :لَمْ يَفْعَلْ ؟ فَقَدْ رَدَّ حُكْمَ الْكِتَابِ ، وَمَنْ رَدَّ حُكْمَ الْكِتَابِ
 كَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ .

Asal *qadar*¹⁰⁹ adalah rahsia Allah ﷻ pada makhlukNya. Tidak diketahui sekalipun oleh para Malaikat yang sangat hampir denganNya atau para Rasul yang diutus.

Langkah memperdalam dan memperhalusi perkara yang berkaitan dengannya adalah menuju kepada kegagalan dan kekecewaan. Dan usaha itu adalah keterlaluan. Oleh itu awaslah daripada cuba untuk memperdalam dan meragunya.¹¹⁰

Sesungguhnya Allah merahsiakan perkara tersebut dari makhlukNya dan melarang mereka dari menyelidikinya. Allah berfirman yang bermaksud: “*Dia (Allah) tidak*

¹⁰⁹ Allah menjadikan setiap apa yang berlaku di alam ini berdasarkan ketentuanNya mengikut kehendakNya sama ada baik atau buruk, manfaat atau mudarat. Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Qamar ayat 49 :

﴿إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ﴾

Maksudnya : “*Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).*”

¹¹⁰ Hal ini kerana mendalami tentang hikmah yang Allah sembunyikan (*qadar*) daripada makhluk adalah lahir daripada ingkar dan ragu-ragu yang merupakan antara sifat-sifat munafiq. Lihat Bābartī, al- (1989), *op.cit.*, h. 86.

ditanya terhadap apa yang dilakukanNya, sebaliknya merekalah yang akan ditanya.”¹¹¹

Sesiapa yang bertanya kenapa Allah buat begitu? (ingkar dan cuba memperhalus) maka dia telah mengingkari hukum al-Quran, sesiapa yang mengingkari hukum al-Quran sesungguhnya dia tergolong dalam golongan orang yang kafir.¹¹²

¹¹¹ Surah al-Anbiyā’ ayat 23.

¹¹² Antara firman Allah Ta’ālā yang menunjukkan tentang qadā’ dan qadarnya ialah dalam surah al-Sajadah ayat 13 :

﴿وَلَوْ شِئْنَا لَآتَيْنَا كُلَّ نَفْسٍ هُدًى وَلَكِنْ حَقَّ الْقَوْلُ مِنِّي لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِن

الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٣﴾

Maksudnya : “Dan (bagi menolak rayuan itu Allah Taala berfirman): "Kalaulah Kami telah tetapkan persediaan (memberikan hidayah petunjuk untuk beriman dan beramal soleh kepada tiap-tiap seorang Dengan ketiadaan usaha dari masing-masing), nescaya Kami berikan kepada tiap-tiap seorang akan hidayah petunjuknya (sebelum masing-masing meninggal dunia, supaya tidak terkena azab di akhirat); tetapi telah tetap hukuman seksa dariKu: ` Demi sesungguhnya! Aku akan memenuhi neraka jahannam Dengan semua jin dan manusia (yang pada masa hidupnya tidak berusaha untuk beriman dan beramal soleh).”

فَهَذَا جُمْلَةٌ مَا يَحْتَاجُ إِلَيْهِ مَنْ هُوَ مُنَوَّرٌ قَلْبُهُ مِنْ أَوْلِيَاءِ
 اللَّهِ تَعَالَى ، وَهِيَ دَرَجَةُ الرَّاسِخِينَ فِي الْعِلْمِ ؛ لِأَنَّ الْعِلْمَ عِلْمَانِ :
 عِلْمٌ فِي الْخَلْقِ مَوْجُودٌ ، وَعِلْمٌ فِي الْخَلْقِ مَفْقُودٌ ، فَإِنْكَارُ الْعِلْمِ
 الْمَوْجُودِ كُفْرٌ ، وَإِدْعَاءُ الْعِلْمِ الْمَفْقُودِ كُفْرٌ ، وَلَا يَثْبُتُ الْإِيمَانُ
 إِلَّا بِقُبُولِ الْعِلْمِ الْمَوْجُودِ وَتَرْكِ طَلَبِ الْعِلْمِ الْمَفْقُودِ .

Maka ini adalah himpunan ilmu yang diperlukan oleh mereka yang hatinya bercahaya dikalangan wali-wali Allah,¹¹³ ilmu ini telah mencapai darjat ilmu yang mendalam (*al-Rāsikhūn fī al-‘Ilmi*) kerana ilmu terbahagi kepada dua :

¹¹³ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Zumar ayat 22 :

﴿أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَى نُورٍ مِّن رَّبِّهِ ۙ﴾

Maksudnya : “Jika demikian, Adakah orang yang telah dilapangkan Allah dadanya untuk menerima Islam, lalu ia tetap berada Dalam cahaya (hidayah petunjuk) dari Tuhannya, (sama seperti orang yang tertutup mata hatinya dengan selaput kederhakaan)?

Ilmu yang ada pada makhluk (*al-‘Ilm al-Mawjūd*)¹¹⁴ dan ilmu yang tiada pada makhluk (*al-‘Ilm al-Mafqūd*).¹¹⁵ Maka mengingkari ilmu yang ada pada makhluk (*al-‘Ilm al-Mawjūd*) adalah kufur, sedangkan mendakwa memiliki ilmu yang tiada pada makhluk (*al-‘Ilm al-Mafqūd*) juga menjadi kufur.

Tiada *thabit* (tetap) iman seseorang melainkan dengan menerima ilmu yang ada (*al-‘Ilm al-Mawjūd*) dan meninggalkan ilmu yang tiada (*al-‘Ilm al-Mafqūd*).

¹¹⁴ Ilmu yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah iaitu ilmu yang terhasil daripada dalil-dalil dan petunjuk-petunjuk yang jelas seperti ilmu tentang pencipta alam ini yang bersifat dengan sifat kesempurnaan dan bebas daripada segala sifat kekurangan. Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 809, Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 87-88.

¹¹⁵ Ilmu yang Allah sembunyikan daripada makhluknya seperti ilmu tentang perkara-perkara ghaib seperti qadā’ dan qadar dan hari kiamat. Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, Bābartī, al- (1989), *ibid.*

Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Naml ayat 65 :

﴿قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ﴾

Maksudnya : “Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi Yang mengetahui perkara Yang ghaib melainkan Allah!”

LAUH DAN QALAM :

وَتُؤْمِنُ بِاللَّوْحِ وَالْقَلَمِ ، وَبِجَمِيعِ مَا فِيهِ قَدْ رُقِمَ ،

Kami percaya dengan *Lauh*¹¹⁶ dan *Qalam*¹¹⁷ dan semua yang dicatat di dalamnya.¹¹⁸

¹¹⁶ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Burūj ayat 22 :

﴿بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَّجِيدٌ ﴿١﴾ فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ ﴿٢﴾﴾

Maksudnya : “(Sebenarnya apa Yang Engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir), bahkan ialah Al-Quran Yang tertinggi kemuliaannya; (lagi Yang terpelihara Dengan sebaik-baiknya) pada *Lauh Mahfuz*.”

¹¹⁷ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Qalam ayat 1-2 :

﴿بِـ ۚ وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾﴾

Maksudnya : “Nuun. Demi Pena dan apa Yang mereka tulis.”

¹¹⁸ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Yāsīn ayat 12 :

﴿إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَرَهُمْ ﴿١٢﴾ وَكُلُّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي

﴿إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٣﴾﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan. dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu Kami catitkan satu persatu Dalam Kitab (catatan amal) yang jelas nyata.”

فَلَوْ اجْتَمَعَ الْخَلْقُ كُلُّهُمْ عَلَى شَيْءٍ كَتَبَهُ اللَّهُ تَعَالَى فِيهِ
 أَنَّهُ كَائِنْ لِيَجْعَلُوهُ غَيْرَ كَائِنْ لَمْ يَقْدِرُوا عَلَيْهِ ، وَلَوْ اجْتَمَعُوا
 كُلُّهُمْ عَلَى شَيْءٍ لَمْ يَكْتُبَهُ اللَّهُ تَعَالَى فِيهِ لِيَجْعَلُوهُ كَائِنًا لَمْ يَقْدِرُوا
 عَلَيْهِ ، جَفَّ الْقَلَمُ بِمَا هُوَ كَائِنْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ ، وَمَا أَخْطَأَ
 الْعَبْدَ لَمْ يَكُنْ لِيُصِيبَهُ ، وَمَا أَصَابَهُ لَمْ يَكُنْ لِيُخْطِئَهُ.

Sekiranya semua makhluk sepakat untuk mengubah perkara yang telah Allah tetapkan nescaya mereka tidak akan mampu.

Begitu juga sekiranya mereka bersatu untuk mengadakan sesuatu yang Allah tidak tuliskan dalam ketentuanNya nescaya mereka tidak akan mampu mengadakannya.

Qalam telah kering (selesai) dari menulis ketetapan ke atas makhluk hingga ke hari kiamat.¹¹⁹

Apa-apa yang telah ditetapkan tidak mengenai seseorang maka perkara tersebut tidak akan mengenainya, begitu juga apa-apa yang ditetapkan akan mengenainya maka perkara tersebut tidak akan terlepas darinya.

¹¹⁹ Pernyataan ini sebagaimana hadits riwayat al-Imām al-Tirmidhī dalam al-Jāmi' daripada Ibn 'Abbās رضي الله عنه berkata :

« كُنْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا فَقَالَ يَا غُلَامُ إِنِّي أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ أَحْفَظُ اللَّهُ يَحْفَظُكَ أَحْفَظُ اللَّهُ تَجِدُهُ تُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعَنْتُ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ. »

Ertinya : “Aku pernah berada di belakang Rasulullah ﷺ pada suatu hari, beliau bersabda: "Hai anak, sesungguhnya aku akan mengajarimu beberapa kalimat; jagalah Allah niscaya Ia menjagamu, jagalah Allah niscaya kau menemuiNya dihadapanmu, bila kau meminta, mintalah pada Allah dan bila kau meminta pertolongan, mintalah kepada Allah, ketahuilah sesungguhnya seandainya ummat bersatu untuk memberimu manfaat, mereka tidak akan memberi manfaat apa pun selain yang telah ditakdirkan Allah untukmu dan seandainya bila mereka bersatu untuk membahayakanmu, mereka tidak akan membahayakanmu sama sekali kecuali yang telah ditakdirkan Allah padamu, pena-pena telah diangkat dan lembaran-lembaran telah kering.

وَعَلَى الْعَبْدِ أَنْ يَعْلَمَ أَنَّ اللَّهَ قَدْ سَبَقَ عَلَيْهِ فِي كُلِّ كَائِنٍ
 مِنْ خَلْقِهِ ، فَقَدَّرَ ذَلِكَ تَقْدِيرًا مُحْكَمًا مُبْرَمًا ، لَيْسَ فِيهِ نَاقِضٌ
 وَلَا مُعَقِّبٌ ، وَلَا مُزِيلٌ وَلَا مُغَيِّرٌ ، وَلَا نَاقِصٌ وَلَا زَائِدٌ مِنْ
 خَلْقِهِ فِي سَمَاوَاتِهِ وَأَرْضِهِ ،

Wajib bagi setiap hamba mengetahui bahawa ilmu Allah telah mendahului setiap yang berlaku pada makhlukNya. Semuanya telah ditetapkan ketentuan dengan keputusan yang tidak berubah, tanpa berlaku percanggahan, dan tanpa ada yang dapat menegah, menghilangkan, merubah serta tanpa ada yang dapat mengurang dan menambah di kalangan makhlukNya sama ada yang berada di langit atau di bumi.¹²⁰

120 Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Ra'd ayat 39 :

﴿يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّتُ ۖ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ ﴿٣٩﴾﴾

Maksudnya : “Allah menghapuskan apa jua Yang dikehendakiNya dan ia juga menetapkan apa jua Yang dikehendakiNya. dan (ingatlah) pada sisiNya ada "Ibu Segala suratan.”

وَذَلِكَ مِنْ عَقْدِ الْإِيمَانِ وَأُصُولِ الْمَعْرِفَةِ، وَالاعْتِرَافِ
 بِتَوْحِيدِ اللَّهِ تَعَالَى وَرُبُوبِيَّتِهِ ، كَمَا قَالَ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ ﴿وَخَلَقَ
 كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا﴾ ، وَقَالَ تَعَالَى : ﴿وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ
 قَدَرًا مَّقْدُورًا﴾

Perkara tersebut adalah menjadi ketetapan dan dasar Iman serta *ma'rifah* dan pengiktirafan kepada tauhid dan *rubūbiyyah* Allah (sebagai Pencipta).

Ini dijelaskan dalam firman Allah yang bermaksud: “...dan Dia yang menjadikan sesuatu dan Dia yang menentu takdirnya”¹²¹ dan firmanNya lagi yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah telah menetapkan urusanNya sebagai ketentuan dan takdirNya.”¹²²

¹²¹ Surah al-Furqān ayat 2.

¹²² Surah al-Ahzāb ayat 38.

فَوَيْلٌ لِّمَنِ صَارَ لِلَّهِ تَعَالَى فِي الْقَدَرِ خَصِيمًا ، وَأَحْضَر
 لِلنَّظَرِ فِيهِ قَلْبًا سَقِيمًا ، لَقَدْ اتَّسَسَ بِوَهْمِهِ فِي مُحْضِ الْغَيْبِ سِرًّا
 كَتِيمًا ، وَعَادَ بِمَا قَالَ فِيهِ أَفَّاكَ أَثِيمًا.

Celakalah bagi mereka yang menentang (tidak percaya) ketentuan qadar serta mengkajinya dengan hati yang sakit, lantas dengan itu dia mencari-cari rahsia yang Allah sembunyikan dan akhirnya dia hanya mendapat hasil pendustaan dan dosa (yang banyak).¹²³

¹²³ Hal ini disebabkan kerana mengingkari apa yang telah tetap daripada Allah berdasarkan dalil-dalil yang qat'ī. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 92.

‘ARASH DAN KURSĪ :

وَالْعَرْشُ وَالْكُرْسِيُّ حَقٌّ ، وَهُوَ مُسْتَعْنٌ عَنِ الْعَرْشِ وَمَا
دُونَهُ، مُحِيطٌ بِكُلِّ شَيْءٍ وَفَوْقَهُ، وَقَدْ أَعْجَزَ عَنِ الْإِحَاطَةِ خَلْقُهُ .

‘*Arash*¹²⁴ dan *Kursī*¹²⁵ adalah benar. Dia Allah tidak memerlukan ‘Arash dan yang lainnya. IlmuNya meliputi dan mengatasi sesuatu.¹²⁶ Sesungguhnya ilmu makhluk lemah dari yang demikian itu.

¹²⁴ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Tawbah ayat 129 :

﴿وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ﴾

Maksudnya : “Dan Dia lah Yang mempunyai ‘Arash Yang besar.”

¹²⁵ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Baqarah ayat 255 :

﴿وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ﴾

Maksudnya : “Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha besar (kekuasaanNya).”

¹²⁶ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-An’ām ayat 18 :

﴿وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ﴾

Maksudnya : “Dan Dia lah Yang berkuasa atas sekalian hambaNya (dengan tadbir dan takdir); dan Dia lah Yang Maha Bijaksana serta amat mendalam pengetahuanNya.”

KEDUDUKAN NABI IBRAHIM DAN MUSA :

وَنَقُولُ إِنَّ اللَّهَ اخْتَذَ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ، وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى
تَكْلِيمًا ، إِيْمَانًا وَتَصَدِيقًا وَتَسْلِيمًا.

Kami mengatakan dengan penuh keyakinan dan penyerahan bahawa sesungguhnya Allah menjadikan Nabi Ibrahim sebagai kekasihNya,¹²⁷ dan Allah berkata-kata dengan Musa.¹²⁸

¹²⁷ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Nisā' ayat 125 :

﴿وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا
وَاخْتَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا﴾

Maksudnya : “Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan, dan dia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayanganNya.”

¹²⁸ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Nisā' ayat 164 :

﴿وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا﴾

Maksudnya : “Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa Dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan).”

BERIMAN DENGAN PARA NABI DAN MALAIKAT :

وَتُؤْمِنُ بِالْمَلَائِكَةِ وَالنَّبِيِّينَ وَالْكِتَابِ الْمُنَزَّلِ عَلَى الْمُرْسَلِينَ،
وَنَشْهَدُ أَنَّهُمْ كَانُوا عَلَى الْحَقِّ الْمُبِينِ.

Kami beriman dengan adanya Malaikat dan para Nabi serta kitab-kitab yang diturunkan. Kami bersaksi bahwa mereka berada di atas (jalan) kebenaran yang nyata.¹²⁹

¹²⁹ Firman Allah Ta'āla dalam surah al-Baqarah ayat 285 :

﴿ءَاْمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَا اُنْزِلَ اِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُوْنَ كُلٌّ ءَاْمَنَ بِاللّٰهِ وَمَلَائِكَتِهِ
وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ اَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ ۚ﴾

Maksudnya : “Rasulullah telah beriman kepada apa Yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang Yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang Dengan Yang lain Rasul-rasulnya.”

AHLI QIBLAH ADALAH ORANG ISLAM DAN BERIMAN :

وَنُسَمِّي أَهْلَ قِبَلَتِنَا مُسْلِمِينَ مُؤْمِنِينَ ، مَا دَامُوا بِمَا جَاءَ
بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُعْتَرِفِينَ ، وَلَهُ بِكُلِّ مَا قَالَهُ وَأَخْبَرَهُ
مُصَدِّقِينَ.

Dan kami menamakan *Ahl al-Qiblah*¹³⁰ sebagai muslimin dan mukminin selama mana mereka mengiktiraf dan membenarkan apa yang dibawa dan dikhabarkan oleh baginda Nabi Muhammad ﷺ.

¹³⁰ Terdapat hadith riwayat al-Imām al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥnya* daripada Anas bin Mālik ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«مَنْ صَلَّى صَلَاتَنَا وَاسْتَقْبَلَ قِبَلَتَنَا وَأَكَلَ ذَبْحَتَنَا فَذَلِكَ الْمُسْلِمُ الَّذِي لَهُ ذِمَّةُ اللَّهِ وَذِمَّةُ رَسُولِهِ فَلَا تُخْفَرُوا اللَّهَ فِي ذِمَّتِهِ»

Ertinya : “Barangsiapa shalat seperti shalat kita, menghadap ke arah kiblat kita dan memakan sembelihan kita, maka dia adalah seorang Muslim, ia memiliki perlindungan dari Allah dan Rasulullah. Maka janganlah kalian mendurhakai Allah dengan mencederai perlindunganNya.”

LARANGAN BERFIKIR TENTANG ZAT DAN SIFAT ALLAH :

وَلَا نَخُوضُ فِي اللَّهِ، وَلَا نُمَارِي فِي دِينِ اللَّهِ،

Dan kami tidak memperdalam selidikan pada (zat dan sifat) Allah¹³¹ dan kami tidak membantah akan agama Allah.¹³²

¹³¹ Tidak memperkata tentang zat dan sifat Allah semata-mata menggunakan akal tanpa berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Asal pada nama-nama Allah dan sifatnya adalah Tawqīfī (bersandarkan dalil). Juga tidak berfikir dengan mendalam tentang zat Allah yang boleh menimbulkan kehairanan sehingga membawa kepada keingkaran. Justeru, berfikirlah tentang perbuatan-perbuatan Allah dan ciptaanNya. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 97.

¹³² Tidak menimbulkan perbalahan di kalangan orang yang berada di jalan yang benar dengan melontarkan perkara-perkara keraguan (shubhāt) orang yang mengikut hawa nafsu agar memalingkan mereka daripada kebenaran. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.* Terdapat hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhī daripada Anas bin Mālik ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

« وَمَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَهُوَ مُحْتَئِبٌ بَنِي لَهُ فِي وَسْطِهَا وَمَنْ حَسَنَ خُلُقَهُ بَنِي لَهُ فِي أَعْلَاهَا. »

Ertinya : “Barangsiapa yang meninggalkan perdebatan (sedang dia orang yang berhak untuk berdebat) maka akan dibangunkan untuknya rumah di tengah surga, dan barangsiapa yang memperbagus akhlaknya maka akan dibangunkan rumah untuknya di bagian yang paling atas.”

PENDIRIAN TERHADAP AL-QURAN :

وَلَا نُجَادِلُ فِي الْقُرْآنِ، وَنَشْهَدُ أَنَّهُ كَلَامُ رَبِّ الْعَالَمِينَ
نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ، فَعَلَّمَهُ سَيِّدَ الْمُرْسَلِينَ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ، وَهُوَ كَلَامُ اللَّهِ تَعَالَى لَا يُسَاوِيهِ شَيْءٌ مِنْ كَلَامِ
الْمَخْلُوقِينَ، وَلَا نَقُولُ بِخَلْقِهِ، وَلَا نَخَالِفُ جَمَاعَةَ الْمُسْلِمِينَ .

Kami tidak mempertikaikan al-Quran,¹³³ dan kami bersaksi sesungguhnya al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan melalui Jibril.¹³⁴ Jibrīl mengajarkannya

¹³³ Pertikaian dengan mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk dan baharu, terdiri daripada huruf dan suara. Membahaskan tentang ayat-ayat mutashābihāt dengan ta'wil yang sesat untuk menimbulkan fitnah serta mempertikai bentuk bacaan qirā'at yang tetap. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 99.

¹³⁴ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Shu'arā' ayat 193 :

﴿وَأَنَّهُ لَنَتَزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٣﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٤﴾﴾

Maksudnya : “Dan Sesungguhnya Al-Quran (yang di antara isinya kisah-kisah yang tersebut) adalah diturunkan oleh Allah Tuhan sekalian alam. ﴿١٩٤﴾ ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang amanah”

kepada penghulu sekalian rasul, Nabi Muhammad ﷺ.¹³⁵ Al-Quran adalah kalam Allah, al-Quran tidak sama sedikitpun dengan kalam makhluk dan kami tidak mengatakan al-Quran sebagai makhluk. Dalam hal ini, kami tidak menyalahi pendapat yang telah diputuskan majoriti orang Islam.¹³⁶

¹³⁵ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Najm ayat 5 :

﴿عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَى﴾

Maksudnya : “Wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepadanya oleh (malaikat jibril) yang amat kuat gagah.”

¹³⁶ Yakni Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah, berdasarkan firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Nisā' ayat 115 :

﴿وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ

نُؤَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ ۖ وَسَاءَتْ مَصِيرًا﴾

Maksudnya : “Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”

❖ Terdapat hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Ibn Mājah dalam Sunannya daripada Anas bin Mālik ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

﴿فَإِذَا رَأَيْتُمْ اخْتِلَافًا فَعَلَيْكُمْ بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ﴾

Ertinya : “Apabila kalian melihat perselisihan maka kalian harus berada di sawadul a'dzam (kelompok yang terbanyak; maksudnya ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah).”

AHLI QIBLAH TIDAK MENJADI KAFIR DISEBABKAN MELAKUKAN DOSA :

لَا نُكْفِرُ أَحَدًا مِنْ أَهْلِ الْقِبْلَةِ بِذَنْبٍ مَا لَمْ يَسْتَحِلَّهُ وَلَا
نَقُولُ : لَا يَضُرُّ مَعَ الْإِيمَانِ ذَنْبٌ لِمَنْ عَمِلَهُ .

Kami tidak mengkafir seorang pun dari *ahl al-Qiblah* yang melakukan dosa selagi mereka tidak menghalalkannya,¹³⁷ namun kami tidak mengatakan bahawa iman tidak terjejas bagi orang yang melakukan dosa.

¹³⁷ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Tahrim ayat 8 :

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَصُوحًا﴾

Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman! bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat yang benar.”

Allah memerintakan kepada orang beriman yang melakukan dosa untuk bertaubat iaitu kembali kepada mentaati perintah Allah setelah menyanggahiNya. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 102.

KEDUDUKAN ORANG YANG BERBUAT BAIK DIKALANGAN ORANG BERIMAN :

نَرْجُو لِلْمُحْسِنِينَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْ يَعْفُو عَنْهُمْ ، وَيَدْخِلَهُمُ
الْجَنَّةَ بِرَحْمَتِهِ ، وَلَا نَأْمَنُ عَلَيْهِمْ وَلَا نَشْهَدُهُمْ بِالْجَنَّةِ ، وَنَسْتَغْفِرُ
لِمْسِيئِهِمْ ، وَنَخَافُ عَلَيْهِمْ وَلَا نُقْنِطُهُمْ. وَالْأَمْنُ وَالْيَأْسُ يُنْقِلَانِ
عَنْ مِلَّةِ الْإِسْلَامِ ، وَسَبِيلُ الْحَقِّ بَيْنَهُمَا لِأَهْلِ الْقِبْلَةِ.

Kami mengharap orang-orang yang berbuat baik
dikalangan orang beriman agar dimaafkan dosanya serta
memasukkan mereka ke dalam syurga dengan belas
kasihan Allah.¹³⁸

¹³⁸ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhāri dalam
Ṣaḥīḥnya daripada ‘Āishah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا bahawa Rasūlullāh ﷺ telah bersabda :

«فَأَنَّهُ لَا يَدْخُلُ أَحَدًا الْجَنَّةَ عَمَلُهُ قَالُوا وَلَا أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ وَلَا أَنَا إِلَّا أَنْ يَتَغَمَّدَنِي
اللَّهُ بِمَغْفِرَةٍ وَرَحْمَةٍ»

Ertinya : “Sesungguhnya seseorang tidak akan masuk surga karena
amalannya.” Para sahabat bertanya; 'Begitu juga dengan engkau
wahai Rasulallah? ' Beliau bersabda: 'Begitu juga denganku,

Kami tidak merasa aman terhadap mereka dan kami tidak menjamin mereka boleh masuk syurga. Kami juga memohon ampun kepada Allah untuk mereka yang melakukan kejahatan,¹³⁹ kami sesungguhnya bimbang terhadap mereka tetapi kami tidak putus asa.¹⁴⁰

Merasa aman dari ancaman Allah dan putus asa dari keampunanNya adalah menyimpang daripada agama

kecuali bila Allah meliputi melimpahkan rahmat dan ampunan-Nya kepadaku.”

¹³⁹ Para malaikat dan nabi diperintahkan untuk beristighfar kepada Allah meminta ampun ke atas orang beriman. Maka wajib kita mengikut akan mereka. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 104.

❖ Firman Allah Ta’ālā dalam surah Nūh ayat 10 :

﴿فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ۖ﴾

Maksudnya : “Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, Sesungguhnya adalah Dia Maha Pengampun.”

¹⁴⁰ Bimbang akan azab yang akan dikenakan Allah ke atas mereka manakala sifat putus asa terhadap rahmat Allah adalah merupakan sifat orang yang sesat. Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 105.

❖ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Hijr ayat 56 :

﴿قَالَ وَمَنْ يَقْنَطُ مِنْ رَحْمَةِ رَبِّهِ إِلَّا الضَّالُّونَ ۚ﴾

Maksudnya : “Nabi Ibrahim berkata: "Dan tiadalah sesiapa yang berputus asa dari rahmat Tuhannya melainkan orang-orang Yang sesat.”

Islam,¹⁴¹ sedangkan jalan yang benar bagi *ahlul qiblah* adalah berada diantara keduanya.¹⁴²

¹⁴¹ Boleh mengubah seseorang daripada beriman kepada kufur. Berasa aman dengan ancaman Allah membawa kepada sangkaan bahawa Allah lemah untuk mengenakan balasan azab, manakala berasa putus asa dengan rahmat Allah membawa sangkaan bahawa Allah lemah untuk memberi keampunan. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid*.

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-A'rāf ayat 99 :

﴿أَفَأَمِنُوا مَكْرَ اللَّهِ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْخَاسِرُونَ﴾

Maksudnya : “Patutkah mereka (bersukaria) sehingga mereka merasa aman akan rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah? kerana sebenarnya tidak ada yang merasa aman dari rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah itu melainkan orang-orang yang rugi.”

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Yūsuf ayat 87 :

﴿إِنَّهُ لَا يَأْتِيَنَّكَ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir.”

¹⁴² Iaitu berada dalam keadaan bimbang (*al-Khawf*) akan azab Allah dan berharap (*al-Rajā'*) akan rahmat Allah dan balasan pahalaNya. Ini merupakan hakikat 'ubūdiyyah. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid*, h. 106.

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Sajadah ayat 16 :

﴿يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ﴾

Maksudnya : “Mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaanNya) serta dengan perasaan ingin memperolehi lagi (keredaanNya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka.”

BATASAN IMAN DAN KUFUR :

وَلَا يَخْرُجُ الْعَبْدُ مِنَ الْإِيمَانِ إِلَّا بِجُحُودٍ مَا أَدْخَلَهُ فِيهِ.

Seseorang itu tidak terkeluar dari iman melainkan jika dia mengingkari perkara-perkara yang memasukkannya ke dalam keimanan (pengakuan tauhid dan perkara yang diketahui sebagai asas agama).¹⁴³

¹⁴³ Berkata guru kami al-Syeikh Sa'īd Fūdah –hafizahullah- : *“Perkara yang memasukkan seseorang dalam keimanan ialah membenarkan dalam hati dengan teguh, akur dengan penuh mendalam dan penyerahan hati terhadap apa yang diturunkan Allah dan diwahyukan kepada rasulNya. Maka ucapan tauhid adalah merupakan bukti terhadap perkara tersebut.*

Wajib juga kita ketahui bahawa melafazkan ucapan tauhid sahaja bukanlah perkara yang memasukkan seseorang dalam keimanan melainkan sebagai tanda hukum zahir bagi kita (orang Islam). Adapun untuk dikira sebagai beriman di sisi Allah, maka hendaklah mengiringi ucapan shahādah dengan membenarkannya di dalam hati sepenuhnya.

Hal ini kerana kadang-kadang seseorang itu munāfiq melafazkan ucapan shahādah namun dia bukan orang yang benar-benar beriman.” Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 953.

HAKIKAT IMAN :

وَالْإِيمَانُ : هُوَ الْإِقْرَارُ بِاللِّسَانِ ، وَالتَّصَدِيقُ بِالْجَنَانِ. وَجَمِيعُ مَا
 صَحَّ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الشَّرْعِ وَالْبَيَانِ كُلُّهُ
 حَقٌّ. وَالْإِيمَانُ وَاحِدٌ وَأَهْلُهُ فِي أَصْلِهِ سَوَاءٌ ، وَالتَّفَاضُلُ بَيْنَهُمْ
 بِالْخَشْيَةِ وَالتَّقَى ، وَمُخَالَفَةِ الْهَوَى، وَمَلَاذِمَةِ الْأُولَى.

Iman ialah menuturkan pengakuan dengan lidah dan membenarkan dengan hati.¹⁴⁴ Semua perkara yang berkaitan dengan shara' dan penjelasannya yang *sahih* daripada Nabi ﷺ adalah benar.

¹⁴⁴ Ini adalah pandangan mazhab al-Imām Abū Ḥanīfah dan sebahagian ulamak Ashā'irah iaitu melafazkan shahādah adalah juzuk daripada Iman. Adapun pandangan jumhur ulamak Ashā'irah dan sebahagian ulamak mazhab Ḥanafī ialah pengakuan dengan lidah hanyalah syarat untuk melaksanakan hukum shara' di atas dunia ini. Adapun amal adalah merupakan syarat kepada kesempurnaan Iman sahaja menurut pandangan Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah. Lihat Sa'id Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 964-969.

Iman itu adalah satu,¹⁴⁵ dan orang beriman pada asal imannya adalah sama tahapnya¹⁴⁶ tetapi yang membezakan antara mereka ialah dari sudut takut dan taqwanya kepada Allah, menyalahi hawa nafsu serta melazimi amalan yang utama.¹⁴⁷

¹⁴⁵ Dari segi membenarkan segala apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ. Perkara ini tidak ada beza di kalangan mukallaf. Lihat Bābartī, al- (1989), *op.cit.*, h. 109.

¹⁴⁶ Iaitu Iman penghuni langit di kalangan malaikat dan penghuni bumi di kalangan manusia dan jin adalah sama dari segi membenarkan keesaan Allah, menetapkan sifat zatNya dan perbuatanNya, serta segala apa yang wajib beriman keseluruhannya. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 110.

¹⁴⁷ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Hujurāt ayat 13 :

﴿إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَنُّكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ﴾

Maksudnya : “*Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).*”

KEDUDUKAN ORANG BERIMAN :

وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ أَوْلِيَاءُ الرَّحْمَنِ ، وَأَكْرَمُهُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَطْوَعُهُمْ
وَاتَّبَعَهُمُ لِلْقُرْآنِ.

Semua orang-orang yang beriman adalah kekasih Allah yang Maha Pengasih.¹⁴⁸ Orang yang paling mulia di kalangan mereka ialah mereka yang paling patuh dan taat terhadap perintah-perintah al-Quran.¹⁴⁹

¹⁴⁸ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Baqarah ayat 257 :

﴿اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا﴾

Maksudnya : “Allah Pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman.”

¹⁴⁹ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Imān daripada Jābir bin 'Abdullāh ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى عَجَمِيٍّ ، وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ ، وَلَا لِأَحْمَرَ عَلَى أَسْوَدَ ، وَلَا لِأَسْوَدَ عَلَى أَحْمَرَ إِلَّا بِالتَّقْوَى»

Ertinya : “Ingatlah, tidak ada kelebihan antara orang arab ke atas a'jam (bukan arab), demikian juga orang a'jam ke atas orang arab, dan tidak ada kelebihan antara orang yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, demikian juga yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan taqwa.”

RUKUN IMAN :

وَالْإِيمَانُ : هُوَ الْإِيمَانُ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ، وَالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ، وَحُلُوهِ وَمُرِّهِ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى. وَنَحْنُ
مُؤْمِنُونَ بِذَلِكَ كُلِّهِ ، لَا نَفْرِقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ ، وَنُصَدِّقُهُمْ
كُلَّهُمْ عَلَى مَا جَاءُوا بِهِ .

Iman ialah beriman kepada Allah, para malaikat, kitab-Kitab *Samawi*, para rasul, hari Akhirat, takdir Allah yang baik dan yang buruk, yang manis dan yang pahit semuanya datang daripada Allah.

Kami semua beriman kepada perkara-perkara tersebut, kami tidak membeza-bezakan antara seseorang Rasul, kami mempercayai semua ajaran yang mereka bawa.¹⁵⁰

¹⁵⁰ Sebagaimana firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Baqarah ayat 285. Lihat halaman 98.

KEDUDUKAN ORANG YANG MELAKUKAN DOSA BESAR :

وَأَهْلُ الْكِبَائِرِ مِنْ أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي النَّارِ لَا يُخْلَدُونَ ، إِذَا مَاتُوا وَهُمْ مُوحِدُونَ ، وَإِنْ لَمْ يَكُونُوا تَائِبِينَ ، بَعْدَ أَنْ لَقُوا اللَّهَ عَارِفِينَ مُؤْمِنِينَ ، وَهُمْ فِي مَشِيئَتِهِ وَحُكْمِهِ : إِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُمْ وَعَفَا عَنْهُمْ بِفَضْلِهِ ، كَمَا ذَكَرَ عَزَّ وَجَلَّ فِي كِتَابِهِ :

﴿وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ﴾ وَإِنْ شَاءَ عَذَّبَهُمْ فِي النَّارِ بَعْدَ ذَلِكَ ، ثُمَّ يُخْرِجُهُمْ مِنْهَا بِرَحْمَتِهِ ، وَشَفَاعَةِ الشَّافِعِينَ مِنْ أَهْلِ طَاعَتِهِ ، ثُمَّ يَبْعَثُهُمْ إِلَى جَنَّتِهِ ، وَذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى تَوَلَّى أَهْلَ مَعْرِفَتِهِ ، وَلَمْ يَجْعَلْهُمْ فِي الدَّارَيْنِ كَأَهْلِ نَكَرَتِهِ ، الَّذِينَ خَابُوا مِنْ هِدَايَتِهِ ، وَلَمْ يَنَالُوا مِنْ وِلَايَتِهِ ، اللَّهُمَّ يَا وَلِيَّ الْإِسْلَامِ وَأَهْلِهِ ثَبِّتْنَا عَلَى الْإِسْلَامِ حَتَّى نَلْقَاكَ بِهِ .

Orang yang mengerjakan dosa besar di kalangan umat Muhammad akan dimasukkan ke dalam neraka tetapi mereka tidak kekal di dalamnya selama mereka mati dalam keadaan mentauhidkan Allah sekalipun mereka tidak bertaubat dan semasa mereka berjumpa Allah dalam keadaan mereka beriman.

Kedudukan mereka terserah kepada kehendak Allah dan hukumnya. Sekiranya Allah kehendaki maka mereka diampunkan dengan kemuliaanNya seperti mana firmanNya bermaksud : *“Dia mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang Dia kehendaki”*.¹⁵¹

Sekiranya Allah kehendaki maka mereka akan dimasukkan ke dalam neraka dengan keadilanNya, kemudian Dia mengeluarkan mereka darinya dengan RahmatNya dan *shafā’ah* oleh orang yang memiliki *shafā’ah* di kalangan orang-orang yang taat, kemudian Allah memasukkan mereka ke dalam syurga.¹⁵²

¹⁵¹ Surah al-Nisā’ ayat 48.

¹⁵² Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Muslim dalam Ṣaḥīḥnya daripada Abū Sa’īd al-Khudrī ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

Yang demikian itu kerana Allah menolong orang yang beriman kepadaNya dan tidak menjadikan mereka seperti orang-orang yang kufur kepadaNya serta gagal mendapat hidayat dan pertolonganNya.

Wahai Allah tuhan yang memelihara Islam dan penganutnya! Tetapkanlah kami di atas agama Islam sehingga kami dapat bertemu denganMu.

«أَمَّا أَهْلُ النَّارِ الَّذِينَ هُمْ أَهْلُهَا فَإِنَّهُمْ لَا يَمُوتُونَ فِيهَا وَلَا يُحْيَوْنَ وَلَكِنَّ نَاسَ أَصَابَتِهِمُ النَّارُ بِذُنُوبِهِمْ أَوْ قَالَ يَخْطَايَاهُمْ فَأَمَاتَهُمْ إِمَاتَةً حَتَّى إِذَا كَانُوا هُكْمًا أُذِنَ بِالشَّفَاعَةِ لِنَجِيِّهِمْ ضَبَائِرُ ضَبَائِرٍ فَبُشُوا عَلَى أَنْهَارِ الْجَنَّةِ ثُمَّ قِيلَ يَا أَهْلَ الْجَنَّةِ أَفِيضُوا عَلَيْهِمْ فَيَنْبِتُونَ نَبَاتَ الْحَيَةِ تُكُونُ فِي حِمِلِ السَّيْلِ»

Ertinya : “Adapun penduduk neraka yang mana mereka adalah penduduknya, maka mereka tidak akan mati di dalamnya dan tidak pula hidup. Tetapi orang yang terkena siksa neraka karena dosa mereka atau kesalahan mereka maka Allah mematikan mereka hingga apabila mereka telah hangus terbakar, maka diizinkanlah pemberian syafa'at, lalu dibawalah mereka sekeompok demi sekelompok, lalu mereka disebarkan di atas sungai surga, kemudian dikatakan kepada mereka, 'Wahai penduduk surga. Limpahkanlah air kepada mereka. Lalu mereka tumbuh sebagaimana tumbuhnya biji-bijian menjadi seperti buih banjir.’”

HUKUM SOLAT DIBELAKANG IMAM YANG BAIK ATAU JAHAT :

وَنَرَى الصَّلَاةَ خَلْفَ كُلِّ يَرِّ وَفَاجِرٍ مِنْ أَهْلِ الْقِبْلَةِ ، وَ
عَلَى مَنْ مَاتَ مِنْهُمْ . وَلَا نُنْزِلُ أَحَدًا مِنْهُمْ جَنَّةَ وَلَا نَارًا . وَلَا
نَشْهَدُ عَلَيْهِمْ بِكُفْرٍ وَلَا بِشِرْكَ وَلَا بِنِفَاقٍ ، مَا لَمْ يَظْهَرْ مِنْهُمْ شَيْءٌ
مِنْ ذَلِكَ ، وَنَذَرُ سَرَائِرَهُمْ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى .

Kami berpendapat tidak mengapa jika solat mengikut imam yang baik atau imam yang jahat dikalangan *ahli qiblah*, dan wajib juga menyembahyangkan mereka yang mati di kalangan mereka.¹⁵³

¹⁵³ Hadith riwayat al-Imām al-Dāraqūṭnī dalam Sunannya daripada Abū Hurayrah ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«صَلُّوا خَلْفَ كُلِّ يَرِّ وَفَاجِرٍ ، وَصَلُّوا عَلَى كُلِّ يَرِّ وَفَاجِرٍ»

Ertinya : “Solatlah di belakang (imam) sama ada baik atau jahat, dan solatkanlah ke atas setiap orang (Islam) sama ada baik atau jahat.”

Kami tidak menentukan sesiapa pun di kalangan mereka (*ahli qiblah*) yang masuk syurga atau masuk neraka.

Kami tidak menghukum mereka dengan *kufur*, *syirik* dan *nifaq* selama tidak nyata perbuatan yang membawa kepada hukum tersebut. Kami tinggalkan perkara yang tersembunyi kepada Allah.¹⁵⁴

¹⁵⁴ Hal ini kerana persaksian terhadap perkara yang tidak jelas adalah merupakan sangkaan (*ẓan*). Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Hujurāt ayat 12 :

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ﴾

Maksudnya : “Wahai orang-orang yang beriman! jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan Yang dilarang) kerana Sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa.”

HUKUM MEMBUNUH SESEORANG MUSLIM :

وَلَا نَرَى السَّيْفَ عَلَى أَحَدٍ مِنْ أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ إِلَّا مَنْ وَجَبَ عَلَيْهِ السَّيْفُ .

Kami berpendapat tidak boleh membunuh seseorang dari ummat Muhammad ﷺ kecuali mereka yang melakukan kesalahan yang wajib ke atasnya hukuman bunuh.¹⁵⁵

¹⁵⁵ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan Muslim dalam Ṣaḥīḥ mereka daripada Abū Hurayrah ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«أَمَرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَيُؤْمِنُوا بِي وَبِمَا جِئْتُ بِهِ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ»

Ertinya : “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia hingga mereka bersaksi bahwa tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan beriman kepadaku serta dengan al-Qur'an yang aku bawa, maka apabila mereka mengucapkan hal tersebut maka sungguh dia telah menjaga harta dan jiwanya dari (seranganku) kecuali disebabkan hak Islam. Dan hisab mereka diserahkan kepada Allah.”

HUKUM MEMBERONTAK DARIPADA PEMERINTAH ISLAM :

وَلَا نَرَى الْخُرُوجَ عَلَى أَثْمَتِنَا وَوَلَاةِ أُمُورِنَا وَإِنْ جَارُوا ،
وَلَا نَدْعُوا عَلَيْهِمْ وَلَا نَنْزِعُ يَدًا مِنْ طَاعَتِهِمْ ، وَنَرَى طَاعَتَهُمْ مِنْ
طَاعَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَرِيضَةً ، مَا لَمْ يَأْمُرُوا بِمَعْصِيَةٍ ، وَنَدْعُو لَهُمْ
بِالصَّلَاحِ وَالْمُعَافَاةِ .

Kami berpendapat bahawa tidak boleh menderhaka kepada Imam atau pemimpin kami sekalipun mereka berlaku zalim, kami tidak mendoakan kecelakaan ke atas mereka dan kami tidak boleh menarik kesetiaan daripada mereka.¹⁵⁶

¹⁵⁶ “Pandangan yang muktamad di sisi ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah dalam masalah ini ialah tidaklah dilucutkan jawatan pemimpin Islam semata-mata berlakunya kefasiqan. Namun sekiranya seorang pemerintah Islam itu zalim dan banyak melakukan kezaliman yang berterusan sehingga membawa kepada kerosakan yang lebih besar daripada melucutkan jawatannya dan pada masa yang sama pihak berkuasa berkemampuan untuk menghilangkan kerosakan tersebut tanpa mendatangkan

Kami berpendapat kesetiaan kepada pemerintah adalah farḍu yang diwajibkan Allah selama mereka tidak menyuruh melakukan perkara maksiat.¹⁵⁷ Kami mendo'akan mereka agar mendapat kebaikan dan keamanan.

kemudharatan yang lebih besar, maka harus untuk berbuat demikian.” Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 1043.

157 Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Nisā’ ayat 59 :

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ﴾

Maksudnya : “*Wahai orang-orang yang beriman, Taatlah kamu kepada Allah dan Taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang Yang berkuasa) dari kalangan kamu.*”

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan Muslim dalam Ṣaḥīḥ mereka daripada Ibn ‘Umar رضي الله عنه bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَتَّىٰ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِالْمَعْصِيَةِ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ»

Ertinya : “*Dengar dan taat adalah hak kepada (pemimpin) selagimana tidak disuruh melakukan maksiat. Apabila disuruh melakukan perkara maksiat maka ketika itu janganlah dengar dan taat (kepada pemimpin).*”

SIKAP SEORANG MUSLIM :

وَتَتَّبِعُ السُّنَّةَ وَالْجَمَاعَةَ ، وَتُجْتَنِبُ الشُّذُوزَ وَالْخِلَافَ
وَالْفُرْقَةَ . وَتُحِبُّ أَهْلَ الْعَدْلِ وَالْأَمَانَةِ ، وَتُبْغِضُ أَهْلَ الْجَوْرِ
وَالْخِيَانَةِ . وَنَقُولُ : اللَّهُ أَعْلَمُ فِيمَا اشْتَبَهَ عَلَيْنَا عَلَيْهِ .

Kami mengikut aqidah *ahlus Sunnah wal Jamaah*, dan kami menjauhi aqidah yang janggal, bertetangan dan perpecahan.¹⁵⁸

158 Hadith yang dikeluarkan oleh al-Imām Abū Dawūd, al-Tirmidhī, Ibn Mājah daripada Irbād bin Sāriyah ؓ berkata :

«صَلَّى بِنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَيْنَا فَوَعظَنَا مَوْعِظَةً بَلِيغَةً ذَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ وَوَجَلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ فَقَالَ قَائِلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَانَ هَذِهِ مَوْعِظَةً مُودِعَ فَمَاذَا تَعْهَدُ إِلَيْنَا فَقَالَ أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ عَبْدًا حَبَشِيًّا فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسِرِّي اخْتِلَافًا كَثِيرًا فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمُهَدِّدِينَ الرَّاشِدِينَ تَمَسَّكُوا بِهَا وَعُضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعٌ وَكُلُّ بَدْعٍ ضَلَالَةٌ»

Ertinya : “Suatu ketika Rasulullah ﷺ solat bersama kami, beliau lantas menghadap ke arah kami dan memberikan sebuah nasihat yang sangat menyentuh yang membuat mata menangis dan hati bergetar. Lalu seseorang berkata, "Wahai Rasulullah, seakan-akan ini adalah nasihat untuk perpisahan! Lalu apa yang engkau

Kami cinta kepada orang yang ‘adil dan amanah, dan kami benci kepada orang yang zalim dan khianat.¹⁵⁹

Kami berkata bahawa Allah amat mengetahui tentang perkara yang kesamaran yang ada pada pada ilmu kami.

wasiatkan kepada kami?" Beliau mengatakan: "Aku wasiatkan kepada kalian untuk bertakwa kepada Allah, senantiasa taat dan mendengar meskipun yang memerintah adalah seorang budak habsyi yang hitam. Sesungguhnya orang-orang yang hidup setelahku akan melihat perselisihan yang banyak. Maka, hendaklah kalian berpegang dengan sunnahku, sunnah para khalifah yang lurus dan mendapat petunjuk, berpegang teguhlah dengannya dan gigitlah dengan gigi geraham. Jauhilah oleh kalian perkara-perkara baru (dalam urusan agama), sebab setiap perkara yang baru adalah *bid'ah* dan *setaip bid'ah* adalah sesat."

¹⁵⁹ Mencintai dan membenci akan perbuatan mereka bukannya pada zat mereka. Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Nahl ayat 90 :

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾﴾

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan Yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya."

HUKUM SAPUAN PADA KHUF, MENERJAKAN HAJI SERTA JIHAD :

وَنَرَى الْمَسْحَ عَلَى الْخَفَيْنِ فِي السَّفَرِ وَالْحَضَرِ، كَمَا جَاءَ فِي
الْأَثَرِ. وَالْحَجَّ وَالْجِهَادَ مَاضِيَانِ مَعَ أُولَى الْأَمْرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ،
بَرَّهُمْ وَفَاجَرِهِمْ إِلَى قِيَامِ السَّاعَةِ، لَا يُبْطِلُهُمَا شَيْءٌ وَلَا يَنْقُضُهُمَا.

Kami berpendapat harus menyapu khuf semasa musafir dan mukim seperti yang disebutkan di dalam hadith.¹⁶⁰

¹⁶⁰ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya daripada al-Mughīrah bin Shu'bah رضى الله عنه daripada Rasūlullāh bahawa :

«أَنَّهُ خَرَجَ لِحَاجَتِهِ فَاتَّبَعَهُ الْمُغِيرَةُ بِإِدَاوَةٍ فِيهَا مَاءٌ فَصَبَّ عَلَيْهِ حِينَ فَرَغَ مِنْ حَاجَتِهِ فَنَوَّضًا
وَمَسَحَ عَلَى الْخَفَيْنِ»

Ertinya : “Baginda keluar untuk buang hajat, lalu al-Mughīrah mengikutinya dengan membawa bejana berisi air. Selesai buang hajat, al-Mughīrah menuangkan air kepada beliau hingga beliau pun berwuḍū’ dan menyapu di atas sepasang khufnya.”

Berkata Abū al-Ḥasan al-Karakhī al-Hanafī (wafat 340 H) : “Aku bimbang akan kekufuran berlaku ke atas orang yang berpandangan tidak harus sapu di atas khuf kerana hadith-hadith yang menyebut tentangnya berada dalam lingkungan mutawātir.”

Hukum haji¹⁶¹ dan jihad¹⁶² terus menerus hingga hari kiamat beserta pemerintah di kalangan muslimin; sama ada yang baik atau yang jahat. Tiada yang dapat membatalkan atau memansuhkannya.

Diriwayatkan daripada al-Ḥasan al-Baṣrī : “Seramai 70 orang di kalangan sahabat telah menceritakan kepadaku bahawa Rasūlullāh telah menyapu di atas sepasang khuf.” Lihat Ghunaymī, al- (1995), *op.cit*, h. 112-113.

¹⁶¹ Firman Allah Ta’ālā dalam surah Āli ‘Imrān ayat 97 :

﴿وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا وَمَنْ كَفَرَ فَاِنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِيْنَ﴾

﴿اَلْعَلَمِيْنَ﴾

Maksudnya : “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan Ibadat Haji Dengan mengunjungi Baitullah Iaitu sesiapa Yang mampu sampai kepadaNya. dan sesiapa Yang kufur (ingkarkan kewajipan Ibadat Haji itu), maka Sesungguhnya Allah Maha kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.”

¹⁶² Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Abū Dawūd dalam Sunannya daripada Anas bin Mālik ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

﴿وَالْجِهَادُ مَاضٍ مِنْذُ بَعَثَنِي اللّٰهُ اِلَى اَنْ يُقَاتَلَ اَخِرُ اُمَّتِي الدَّجَالُ﴾

Ertinya : “Jihad tetap berjalan sejak Allah mengutusku hingga umatku yang terakhir memerangi Dajjal.”

BERIMAN DENGAN PARA MALAIKAT :

وَنُؤْمِنُ بِالْكَرَامِ الْكَاتِبِينَ ، فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ جَعَلَهُمْ عَلَيْنَا حَافِظِينَ .
وَنُؤْمِنُ بِمَلِكِ الْمَوْتِ الْمُوَكَّلِ بِقَبْضِ أَرْوَاحِ الْعَالَمِينَ ،

Kami beriman terhadap malaikat yang mulia yang mencatat amalan manusia. Sesungguhnya Allah juga menjadikan malaikat untuk menjaga kita.¹⁶³

Kami beriman terhadap adanya malaikat maut yang disuruh mencabut ruh-ruh penduduk alam.¹⁶⁴

¹⁶³ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Infithār ayat 10-12 :

﴿وَأَنَّ عَلَيْكُمْ لِحَافِظِينَ ۖ كِرَامًا كَاتِبِينَ ۖ يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ ۖ﴾

Maksudnya : “Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas Segala bawaan kamu, ﴿Mereka adalah makhluk yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu); ﴿mereka mengetahui apa yang kamu lakukan.”

¹⁶⁴ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Sajadah ayat 11 :

﴿قُلْ يَتُوفَنَكُم مَّلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِّلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ ۖ﴾

Maksudnya : “Katakanlah (Wahai Muhammad); "Nyawa kamu akan diambil oleh malaikat maut yang ditugaskan berbuat demikian ketika habis ajal kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu (untuk menerima balasan).”

SOALAN DAN AZAB KUBUR :

وَبِعَذَابِ الْقَبْرِ لِمَنْ كَانَ لَهُ أَهْلًا، وَسُؤَالِ مُنْكَرٍ وَنَكِيرٍ فِي قَبْرِهِ عَنْ رَبِّهِ وَدِينِهِ وَنَبِيِّهِ ، عَلَى مَا جَاءَتْ بِهِ الْأَخْبَارُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ رِضْوَانُ اللَّهِ عَلَيْهِمْ. وَالْقَبْرُ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ، أَوْ حُفْرَةٌ مِنْ حُفْرِ النَّيِّرَانِ .

Kami juga beriman adanya seksa kubur bagi orang yang telah ditentukan Allah,¹⁶⁵ serta beriman adanya soalan Munkar dan Nakir di dalam kubur mengenai Tuhan,

¹⁶⁵ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Muslim dalam Ṣaḥīḥnya daripada Anas bin Mālik ؓ bahawa Rasūlullāh bersabda :

«لَوْلَا أَنْ لَا تَدَافِنُوا لَدَعَوْتُ اللَّهَ أَنْ يُسَمِعَكُمْ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ»

Ertinya : “Andai kalian tidak berlarian, niscaya aku berdoa kepada Allah agar memperdengarkan azab kubur pada kalian.”

agama dan Nabi berdasarkan hadits yang datang daripada Rasulullah ﷺ dan juga para sahabat nabi ﷺ.¹⁶⁶

¹⁶⁶ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan Muslim dalam Ṣaḥīḥ mereka daripada Anas bin Mālik ﷺ bahawa Rasūlullāh bersabda :

«إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا وَضَعَ فِي قَبْرِهِ وَتَوَلَّى عَنْهُ أَصْحَابُهُ وَإِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نَعْلِهِمْ أَنَّهُ مَلَكَانُ فَيَقْعُدَانِهِ فَيَقُولَانِ مَا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ لِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَّا الْمُؤْمِنُ فَيَقُولُ أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ فَيَقَالُ لَهُ أَنْظِرْ إِلَى مُقْعَدِكَ مِنَ النَّارِ قَدْ أَبَدَلَكَ اللَّهُ بِهِ مَقْعَدًا مِنَ الْجَنَّةِ فَيَرَاهُمَا جَمِيعًا... قَالَ وَأَمَّا الْمُنَافِقُ وَالْكَافِرُ فَيَقَالُ لَهُ مَا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ فَيَقُولُ لَا أَدْرِي كُنْتُ أَقُولُ مَا يَقُولُ النَّاسُ فَيَقَالُ لَا دَرِيْتَ وَلَا تَلَيْتَ وَيَضْرِبُ بِمِطْرَاقٍ مِنْ حَدِيدٍ ضَرْبَةً فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ غَيْرُ الثَّقَلَيْنِ»

Ertinya : “Jika seorang hamba (jenazahnya) sudah diletakkan didalam kuburnya dan teman-temannya sudah berpaling dan pergi meninggalkannya dan dia dapat mendengar gerak langkah sandal sandal mereka, maka akan datang kepadanya dua malaikat yang keduanya akan mendudukkannya seraya keduanya berkata, kepadanya: "Apa yang kamu ketahui tentang laki-laki ini, Muhammad Shallallahu'alaihiwasallam?". bila seorang mu'min dia akan menjawab: "Aku bersaksi bahwa dia adalah hamba Allah dan utusanNya". Maka dikatakan kepadanya: "Lihatlah tempat dudukmu di neraka yang Allah telah menggantinya dengan tempat duduk di surga. Maka dia dapat melihat keduanya"...Dan adapun (jenazah) orang kafir atau munafiq akan dikatakan kepadanya apa yang kamu ketahui tentang laki-laki ini?". Maka dia akan menjawab: "Aku tidak tahu, aku hanya berkata, mengikuti apa yang dikatakan kebanyakan orang". Maka dikatakan kepadanya: "Kamu tidak mengetahuinya dan tidak mengikuti orang yang mengerti". Kemudian dia dipukul dengan palu godam besar terbuat dari besi sehingga mengeluarkan suara teriakan yang dapat didengar oleh yang ada di sekitarnya kecuali oleh dua makhluk (jin dan manusia).”

Kami juga beriman bahawa kubur itu sama ada sebagai taman syurga atau salah satu lubang neraka.¹⁶⁷

¹⁶⁷ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhī, al-Nasā'ī, al-Hākim daripada 'Uthmān bin 'Affān ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

« كَانَ عُثْمَانُ إِذَا وَقَفَ عَلَى قَبْرِ بَكِي حَتَّى يَبْلُغَ لِحْيَتَهُ فَقِيلَ لَهُ تَذْكُرُ الْجَنَّةَ وَالنَّارَ فَلَا تَبْكِي وَتَبْكِي مِنْ هَذَا فَقَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلُ مَنْزِلٍ مِنْ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ فَإِنْ نَجَا مِنْهُ فَأَمْسَرَ مِنْهُ وَإِنْ لَمْ يَنْجُ مِنْهُ فَأَمْسَرَ مِنْهُ أَشَدُّ مِنْهُ قَالَ وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا رَأَيْتُ مَنْظَرًا قَطُّ إِلَّا الْقَبْرَ أَفْظَعُ مِنْهُ »

Ertinya : “*‘Uthmān menangis bila berdiri di atas makam hingga janggutnya basah. Dikatakan padanya: Surga dan neraka disebutkan tapi aku tidak menangis sementara kau menangis karena ini. ‘Utsman berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya makam adalah tempat akhirat pertama, bila seseorang selamat darinya maka setelahnya lebih mudah dan bila tidak selamat darinya maka setelahnya lebih sulit."* ‘Utsman berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: "Aku tidak melihat suatu pemandangan pun melainkan pemakaman lebih mengerikan."

BERIMAN DENGAN HARI KIAMAT :

وَنُؤْمِنُ بِالْبَعْثِ وَجَزَاءِ الْأَعْمَالِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَالْعَرْضِ
وَالْحِسَابِ، وَقِرَاءَةِ الْكِتَابِ، وَالثَّوَابِ وَالْعِقَابِ، وَالصِّرَاطِ
وَالْمِيزَانِ،

Kami juga yakin dengan hari kebangkitan semula, pembalasan, pembentangan catatan amalan, perhitungan amalan, membaca catatan amalan, pahala, seksa dan titian širāṭ serta timbangan neraca amalan.¹⁶⁸

¹⁶⁸ Firman Allah Ta'ālā tentang hari kebangkitan dalam surah Yāsīn ayat 51 :

﴿وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنْسِلُونَ﴾

Maksudnya : “Dan sudah tentu akan ditiupkan sangkakala (menghidupkan orang-orang Yang telah mati; apabila berlaku Yang demikian) maka semuanya segera bangkit keluar dari kubur masing-masing (untuk) mengadap Tuhannya.”

❖ Firman Allah Ta'ālā tentang pembalasan dalam surah al-Tahrim ayat 7 :

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَعْتَذِرُوا الْيَوْمَ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya : “Malaikat itu akan berkata kepada orang-orang Yang dimasukkan ke Dalam neraka): "Hai orang-orang Yang kufur

ingkar! janganlah kamu menyatakan uzur (dengan meminta ampun) pada hari ini, (kerana masanya telah terlambat). kamu hanyalah dibalas Dengan balasan apa Yang kamu telah kerjakan.”

❖ Firman Allah Ta’ālā tentang pembentangan catatan amalan dalam surah al-Hāqqah ayat 18 :

﴿يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنْكُمْ خَافِيَةٌ ۝﴾

Maksudnya : “Pada hari itu, kamu semua dihadapkan (untuk hitungan amal); tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi (kepada Allah) dari perkara-perkara kamu yang tersembunyi.”

❖ Firman Allah Ta’ālā tentang perhitungan amalan dalam surah al-Anbiyā’ ayat 47 :

﴿وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَىٰ بِنَا حَاسِبِينَ ۝﴾

Maksudnya : “Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan Yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekali pun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.”

❖ Firman Allah Ta’ālā tentang pembacaan catatan amalan dalam surah al-Isrā’ ayat 13-14 :

﴿وُخْرِجَ لَهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ كِتَابًا يَلْقَاهُ مَنشُورًا ۝ أَقْرَأْ كِتَابَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ الْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ۝﴾

Maksudnya : “Dan pada hari kiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya kitab (suratan amalnya) yang akan didapatinya terbuka (untuk di tatapnya). ۞ (lalu Kami perintahkan kepadanya): "Bacalah Kitab (suratan amalmu), cukuplah Engkau sendiri pada

hari ini menjadi penghitung terhadap dirimu (tentang Segala Yang telah Engkau lakukan)."

Ṣirāṭ ialah jisim yang terbentang di atas permukaan neraka jahannam yang lebih tajam daripada pedang, lebih nipis daripada rambut yang akan dilalui oleh makhluk. Lihat Bābartī, al- (1989), *op.cit.*, h. 131.

❖ Firman Allah Ta'ālā tentang ṣirāṭ dalam surah Maryam ayat 72 :

﴿ثُمَّ نُنَجِّي الَّذِينَ اتَّقَوْا وَنَذَرُ الظَّالِمِينَ فِيهَا جِثِيًا ۖ﴾

Maksudnya : “Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang Yang bertaqwa, dan Kami akan biarkan orang-orang yang zalim (dengan kekufurannya dan maksiatnya) tinggal berlutut di dalam neraka itu.”

❖ Firman Allah Ta'ālā tentang neraca timbangan amalan dalam surah al-A'rāf ayat 8 :

﴿وَالْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ الْحَقُّ ۖ فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۖ﴾

Maksudnya : “Dan timbangan amal pada hari itu adalah benar; maka sesiapa yang berat timbangan amalnya (yang baik), maka mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

SYURGA DAN NERAKA :

وَالْجَنَّةُ وَالنَّارُ مَخْلُوقَتَانِ ، لَا تَفْنَيَانِ أَبَدًا وَلَا تَبِيدَانِ ،
وَأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى خَلَقَ الْجَنَّةَ وَالنَّارَ قَبْلَ الْخَلْقِ ، وَخَلَقَ لَهُمَا أَهْلًا
، فَمَنْ شَاءَ مِنْهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ فَضْلًا مِنْهُ ، وَمَنْ شَاءَ مِنْهُمْ إِلَى النَّارِ
عَذَابًا مِنْهُ ، وَكُلُّ يَعْْمَلُ لِمَا قَدْ فُرِغَ لَهُ ، وَصَائِرُ إِلَى مَا خُلِقَ لَهُ
وَالْخَيْرُ وَالشَّرُّ مُقَدَّرَانِ عَلَى الْعِبَادِ ،

Syurga dan neraka adalah makhluk, kedua-duanya tidak musnah dan binasa.¹⁶⁹ Sesungguhnya Allah menjadikan

¹⁶⁹ Demikian juga penghuninya berdasarkan firman Allah Ta'ālā dalam surah Āli 'Imrān ayat 15 :

﴿لِلَّذِينَ اتَّقَوْا عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا﴾

Maksudnya : “Bagi orang-orang yang bertaqwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa syurga, Yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya.”

syurga dan neraka sebelum menjadikan makhluk yang lain.¹⁷⁰

Allah menyediakan penduduk bagi kedua-duanya; sesiapa yang Dia kehendaki menjadi penghuni syurga maka itu adalah dengan kemuliaanNya dan sesiapa yang dikehendakiNya menghuni neraka maka itu adalah dengan keadilanNya.¹⁷¹

¹⁷⁰ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Baqarah ayat 35 :

﴿وَقُلْنَا يٰٓأَدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ﴾

Maksudnya : “Dan Kami berfirman: "Wahai Adam! Tinggalah Engkau dan isterimu Dalam syurga,”

¹⁷¹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Ḥadīd ayat 21 :

﴿سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ

لِلَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۚ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ

الْعَظِيمِ ﴿٢١﴾

Maksudnya : “Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal Yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat syurga Yang bidangnya seluas Segala langit dan bumi, Yang disediakan bagi orang-orang Yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasulNya; Yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikanNya kepada sesiapa Yang dikehendakiNya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia Yang besar.”

Setiap orang beramal mengikut ketentuanNya yang telah diberikan serta seseorang itu beramal menuju kepada kesudahan yang ditentukan. Kebaikan dan kejahatan telah ditentukan ke atas hamba.¹⁷²

¹⁷² Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Isrā' ayat 84 :

﴿قُلْ كُلٌّ يَعْمَلُ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِ ۖ فَرِيقُكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَىٰ سَبِيلًا ۖ﴾

Maksudnya : “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tiap-tiap seorang beramal menurut pembawaan jiwanya sendiri; maka Tuhan kamu lebih mengetahui siapakah (di antara kamu) Yang lebih betul jalannya.”

KEMAMPUAN (AL-ISTITĀ'AH) :

وَالْإِسْتِطَاعَةُ الَّتِي يَجِبُ بِهَا الْفِعْلُ مِنْ نَحْوِ التَّوْفِيقِ الَّذِي لَا يَجُوزُ أَنْ يُوصَفَ الْمَخْلُوقُ بِهِ، فَهِيَ مَعَ الْفِعْلِ، وَأَمَّا الْإِسْتِطَاعَةُ مِنْ جِهَةِ الصِّحَّةِ وَالْوُسْعِ وَالتَّمَكُّنِ وَسَلَامَةِ الْآلَاتِ فَهِيَ قَبْلَ الْفِعْلِ، وَبِهَا يَتَعَلَّقُ الْخِطَابُ وَهُوَ كَمَا قَالَ تَعَالَى: ﴿لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا﴾.

Kemampuan yang menjadikan seseorang dapat melakukan sesuatu dengan pertolongan Allah tidak sayugia disifatkan kepada makhluk, semuanya (kemampuan) itu seiring dengan perbuatan.¹⁷³

¹⁷³ Disebut sebagai kemampuan batin (*al-Istīṭā'ah al-Bāṭinah*) iaitu kemampuan yang Allah wujudkan bagi melakukan sesuatu seiring dengan perbuatannya. Kemampuan dalam melakukan ketaatan disebut *Tawfīq* (petunjuk) manakala kemampuan dalam melakukan maksiat ialah *Khazlān* (kerugian). Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 135.

Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Insān ayat 30 :

﴿وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا﴾

Ada pun kemampuan dari sudut kesihatan, kelapangan, kemampuan, cukup alat, semuanya itu berlaku sebelum perbuatan.¹⁷⁴ Maka bahagian inilah yang tertakluk kepada sasaran firman Allah yang bermaksud: “*Allah tidak memberatkan seseorang melainkan mengikut kadar kemampuannya*”.¹⁷⁵

Maksudnya : “*Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan Dengan cara yang dikehendaki Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara Yang dikehendakiNya).*”

¹⁷⁴ Disebut sebagai kemampuan zahir (al-Istiṭā’ah al-Zāhirah) iaitu kekuatan dari segi usaha, kesungguhan, kesihatan, anggota dan keselamatan anggota yang merupakan pendahuluan kepada perbuatan. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 135-136.

¹⁷⁵ Surah al-Baqarah ayat 286.

PERBUATAN HAMBA :

وَأَفْعَالُ الْعِبَادِ خَلَقَ اللَّهُ ، وَكَسَبُ مِنَ الْعِبَادِ .

Perbuatan hamba (manusia) adalah kejadian Allah dan usaha dari hamba (manusia).¹⁷⁶

¹⁷⁶ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Ṣāfāt ayat 96 :

﴿وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya : “*Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!*”

Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Shūrā ayat 30 :

﴿وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ﴾

Maksudnya : “*Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa Yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan Yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.*”

TAKLĪF :

وَلَمْ يُكَلِّفَهُمُ اللَّهُ تَعَالَى إِلَّا مَا يُطِيقُونَ ، وَلَا يُطِيقُونَ إِلَّا مَا كَلَّفَهُمْ ، وَهُوَ تَفْسِيرُ (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ) ، نَقُولُ :
 لَا حِيلَةَ لِأَحَدٍ ، وَلَا تَحْوَلَ لِأَحَدٍ ، وَلَا حَرَكَةَ لِأَحَدٍ عَنْ مَعْصِيَةِ اللَّهِ ، إِلَّا بِمَعُونَةِ اللَّهِ ، وَلَا قُوَّةَ لِأَحَدٍ عَلَى إِقَامَةِ طَاعَةِ اللَّهِ وَالثَّبَاتِ عَلَيْهَا إِلَّا بِتَوْفِيقِ اللَّهِ تَعَالَى.

Allah tidak memberatkan seseorang melainkan kadar yang dia mampu, dan mereka tidak mampu melainkan kadar yang ditetapkan. Ini adalah tafsiran ungkapan: *“Tiada upaya dan tiada kekuatan melainkan dengan izin Allah.”*

Kami katakan bahawa tiada helah dan tiada pergerakan bagi seseorang dan tiada menuju kepada maksiat melainkan dengan keizinan Allah.

Tiada kekuatan bagi seseorang untuk mendirikan taat dan tetap di atasnya melainkan dengan *tawfiq* Allah.

SETIAP YANG BERLAKU ATAS KEHENDAK ALLAH :

وَكُلُّ شَيْءٍ يَجْرِي بِمَشِيئَةِ اللَّهِ تَعَالَى وَعِلْمِهِ وَقَضَائِهِ
وَقَدْرِهِ، غَلَبَتْ مَشِيئَتُهُ الْمَشِئَاتِ كُلَّهَا، وَغَلَبَ قَضَاؤُهُ الْحِيلَ
كُلَّهَا، يَفْعَلُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ غَيْرُ ظَالِمٍ أَبَدًا. تَقَدَّسَ عَنْ كُلِّ سُوءٍ
وَحَيْنٍ، وَتَنَزَّهَ عَنْ كُلِّ عَيْبٍ وَشَيْنٍ، ﴿لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ
يُسْأَلُونَ﴾.

Semua perkara berlaku dengan kehendak, ilmu, *qadā'* dan qadar Allah. KehendakNya mengatasi kehendak-kehendak yang lain, *qadā'*Nya mengatasi segala helah. Dia melakukan apa yang Dia kehendaki dan Dia tidak berlaku zalim selama-lamanya.¹⁷⁷

177 Firman Allah Ta'ālā dalam surah Qaf ayat 29 :

﴿مَا يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ وَمَا أَنَا بِظَلَمٍ لِلْعَبِيدِ﴾

Maksudnya : “KeputusanKu itu tidak dapat diubah atau ditukar ganti, dan Aku tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hambaKu.”

Maha suci Allah daripada sebarang kejahatan, kebinasaan, keaiban dan kekurangan. Firman Allah yang bermaksud : *“Dia tidak akan ditanya terhadap apa yang dilakukanNya, sebaliknya manusialah yang akan ditanya.”*¹⁷⁸

Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Kahfi ayat 49 :

﴿وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَا وَيْلَتَنَا مَالِ هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ۝﴾

Maksudnya : *“Dan "Kitab-kitab Amal" juga tetap akan dibentangkan, maka Engkau akan melihat orang-orang Yang berdosa itu, merasa takut akan apa Yang tersurat di dalamnya; dan mereka akan berkata: "Aduhai celaknya kami, mengapa Kitab ini demikian keadaannya? ia tidak meninggalkan Yang kecil atau Yang besar, melainkan semua dihitungnya!" dan mereka dapati Segala Yang mereka kerjakan itu sedia (tertulis di dalamnya); dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorangpun.”*

¹⁷⁸ Surah al-Anbiyā’ ayat 23.

HUKUM DOA DAN SEDEKAH ORANG HIDUP KEPADA SI MATI :

وَفِي دُعَاءِ الْأَحْيَاءِ وَصَدَقَاتِهِمْ مَنْفَعَةٌ لِلْأَمْوَاتِ، وَاللَّهُ
تَعَالَى يَسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَقْضِي الْحَاجَاتِ.

Dalam masalah do'a orang yang hidup dan sedekah mereka adalah sampai kepada si mati.¹⁷⁹

¹⁷⁹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Hashr ayat 10 :

﴿وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya : “Dan orang-orang (Islam) Yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! ampunkanlah dosa Kami dan dosa saudara-saudara Kami Yang mendahului Kami Dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan Dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang Yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan RahmatMu.”

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī daripada Ibn ‘Abbās رضي الله عنه bahawa :

«أَنَّ سَعْدَ بْنَ عُبَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَخَا بَنِي سَاعِدَةَ تُوُفِّيَتْ أُمُّهُ وَهُوَ غَائِبٌ عَنْهَا فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أُمِّي تُوُفِّيَتْ وَأَنَا غَائِبٌ عَنْهَا فَهَلْ يَنْفَعُهَا شَيْءٌ إِنْ تَصَدَّقْتُ بِهِ عَنْهَا قَالَ نَعَمْ قَالَ فَإِنِّي أَشْهَدُكَ أَنَّ حَاطِطِي الْخُرَافَ صَدَقَهُ عَلَيْهَا»

Sesungguhnya Allah Ta'ālā melayan segala permohonan dan menunaikan segala hajat.¹⁸⁰

Ertinya : “Sa'ad bin 'Ubadah ؓ, saudara dari Bani Sa'idah, bahwa ibunya telah meninggal dunia lalu dia datang menemui Nabi ﷺ seraya berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku meninggal dunia sedang saat itu aku tidak ada di sisinya. Apakah akan bermanfaat baginya bila aku menyedekahkan sesuatu untuknya?" Beliau bersabda: "Ya". Dia berkata: "Aku bersaksi kepada Tuan bahwa kebunku yang penuh dengan bebuahannya ini aku sedekahkan atas (nama) nya.”

¹⁸⁰ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Ghāfir ayat 60 :

﴿وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ﴾^ج

Maksudnya : “Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.”

ALLAH MAHA MEMILIKI :

وَمِلْكُ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا يَمْلِكُهُ شَيْءٌ ، وَلَا غِنَى عَنِ اللَّهِ
تَعَالَى طَرْفَةَ عَيْنٍ ، وَمَنْ اسْتَغْنَى عَنِ اللَّهِ طَرْفَةَ عَيْنٍ فَقَدْ كَفَرَ ،
وَصَارَ مِنْ أَهْلِ الْحَيْنِ .

Allah memiliki sesuatu tetapi Dia tidak dimiliki oleh sesuatu.¹⁸¹ Tiada siapa yang mampu terlepas dari kekuasaan Allah walau pun sekelip mata. Sesiapa yang mendakwa dia terkecuali daripada kekuasaan Allah maka kafirlah dia dan jadilah dia orang yang binasa.

¹⁸¹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Hadīd ayat 2 :

﴿لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ تُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢﴾﴾

Maksudnya : “Dialah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi;D ia menghidupkan dan mematikan; dan Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

KEMURKAAN DAN REDHA ALLAH :

وَاللَّهُ يَغْضَبُ وَيَرْضَى لَا كَأَحَدٍ مِنَ الْوَرَى.

Allah mempunyai sifat marah dan redha tetapi tidak seperti makhluk.¹⁸²

¹⁸² Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Fath ayat 6 :

﴿وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلَعَنَهُمْ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا﴾

Maksudnya : “Dan (selain itu) Allah murkai mereka dan melaknatkan mereka serta menyediakan untuk mereka neraka Jahannam; sedang neraka jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”

❖ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Mā'idah ayat 119 :

﴿قَالَ اللَّهُ هَذَا يَوْمُ يَنْفَعُ الصَّادِقِينَ صِدْقُهُمْ ۚ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۚ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۚ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴾

Maksudnya : “Allah berfirman: "Inilah hari (kiamat) Yang (padanya) orang-orang Yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka; mereka beroleh Syurga-syurga Yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan dia. itulah kejayaan Yang amat besar.”

MENCINTAI PARA SAHABAT NABI :

وَنُحِبُّ أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَلَا
نَقْرِطُ فِي حَبِّ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَلَا نَتَّبِرُ مِنْ أَحَدٍ مِنْهُمْ ، وَنَبْغِضُ
مَنْ يَبْغِضُهُمْ ، وَبِغَيْرِ الْخَيْرِ يَذْكُرُهُمْ ، وَلَا نَذْكُرُهُمْ إِلَّا بِخَيْرٍ ،
وَحُبُّهُمْ دِينَ وَإِيمَانٌ وَإِحْسَانٌ ، وَبِغَضِهِمْ كُفْرٌ وَنِفَاقٌ وَطُغْيَانٌ .

Kami sayang kepada sahabat-sahabat Nabi ﷺ¹⁸³ dan kami tidak keterlaluan pada mencintai mereka serta kami tidak berlepas tangan daripada mereka.¹⁸⁴ Kami benci terhadap orang yang membenci dan mencerca mereka.

¹⁸³ Berkata al-Hāfiẓ Ibn Hajar al-‘Asqalānī (wafat 852 H) : “*Sahabat Nabi ialah mereka yang bertemu dengan nabi Muhammad ﷺ, beriman dengannya dan mati dalam Islam.*”

¹⁸⁴ Mencintai mereka kerana Allah redha dan memuji mereka sebagaimana firman Allah dalam surah al-Fath ayat 29 :

﴿مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ۚ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ ۖ تَرَاهُمْ رُكَّعًا
سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ ۚ﴾

Maksudnya : “*Nabi Muhammad ﷺ ialah Rasul Allah; dan orang-orang Yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap*

Kami tidak akan menyebut keperibadian mereka melainkan yang baik-baik kerana kecintaan kepada mereka adalah sebahagian daripada Islam, Iman dan Ihsan. Sebaliknya membenci mereka adalah kufur, nifaq dan derhaka.

kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, Dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. tanda Yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang Yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan Ibadat mereka Yang ikhlas).”

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhī dalam al-Jāmi’ daripada daripada ‘Abdullāh bin Mughaffal ؓ bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«اللَّهُ اللَّهُ فِي أَصْحَابِي اللَّهُ اللَّهُ فِي أَصْحَابِي لَا تَتَّخِذُوهُمْ غَرَضًا بَعْدِي فَمَنْ أَحْبَبَهُمْ فَيَحِبِّي أَحِبَّهُمْ وَمَنْ أَبْغَضَهُمْ فَيَبْغِضِي أَبْغَضَهُمْ وَمَنْ آذَاهُمْ فَقَدْ آذَانِي وَمَنْ آذَانِي فَقَدْ آذَى اللَّهَ وَمَنْ آذَى اللَّهَ يُوْشِكُ أَنْ يَأْخُذَهُ»

Ertinya : “Bertakwalah kalian kepada Allah, bertakwalah kalian kepada Allah terhadap hak-hak para sahabatku, janganlah kalian menjadikan mereka sebagai sasaran (dalam cacian dan cercaan) sepeninggalku, barangsiapa yang mencintai mereka, maka dengan kecintaanku, aku pun mencintai mereka, dan barangsiapa membenci mereka, maka dengan kebencianku, aku pun membenci mereka (yang membenci sahabat), barangsiapa menyakiti mereka, sungguh ia telah menyakitiku, barangsiapa menyakitiku, berarti ia telah menyakiti Allah, barangsiapa menyakiti Allah, hampir saja Allah menyiksanya.”

KHULAFĀ' AL-RĀSHIDĪN :

وَنُتِبَتْ الْخِلَافَةُ بَعْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوَّلًا
لِأَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ تَفْضِيلًا لَهُ وَتَقْدِيمًا عَلَى جَمِيعِ
الْأُمَّةِ ، ثُمَّ لِعُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، ثُمَّ لِعُثْمَانَ رَضِيَ
اللَّهُ عَنْهُ ، ثُمَّ لِعَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ. وَهُمْ الْخُلَفَاءُ
الرَّاشِدُونَ وَالْأَئِمَّةُ الْمَهْدِيُّونَ .

Kami menetapkan *Khilāfah* selepas Rasulullah ﷺ yang pertama ialah Abu Bakar as-Siddiq ﷺ,¹⁸⁵ Beliau

¹⁸⁵ Beliau menjadi khalīfah dengan kesepakatan para sahabat di kalangan muhājirīn dan anṣār berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī daripada Abū Mūsā ؓ bahawa :

«مَرَضَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاشْتَدَّ مَرَضُهُ فَقَالَ مُرُوا أَبَا بَكْرٍ فَلْيُصَلِّ بِالنَّاسِ قَالَتْ عَائِشَةُ إِنَّهُ رَجُلٌ رَفِيقٌ إِذَا قَامَ مَقَامَكَ لَمْ يَسْتَطِعْ أَنْ يُصَلِّيَ بِالنَّاسِ قَالَ مُرُوا أَبَا بَكْرٍ فَلْيُصَلِّ بِالنَّاسِ فَعَادَتْ فَقَالَ مَرِي أَبَا بَكْرٍ فَلْيُصَلِّ بِالنَّاسِ فَإِنْ كُنَّ صَوَاحِبُ يُوسُفَ فَاتَاهُ الرَّسُولُ فَصَلَّى بِالنَّاسِ فِي حَيَاةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ»

Ertinya : "Ketika sakit Nabi ﷺ semakin parah, beliau berkata, "Suruhlah Abu Bakar untuk memimpin solat orang ramai." Aisyah berkata, "Sesungguhnya Abu Bakar adalah seorang laki-laki yang

mendapat keutamaan tersebut dari seluruh umat Islam. Selepas itu 'Umar al-Khaṭṭāb رضي الله عنه,¹⁸⁶ Seterusnya 'Uthmān bin 'Affān رضي الله عنه,¹⁸⁷ Kemudian 'Alī bin Abī Ṭālib رضي الله عنه.¹⁸⁸ Mereka adalah Khulafa' al-Rashidīn dan para Imam (pemimpin) yang mendapat pertunjuk.

lemah (hatinya; mudah menangis) jika harus menggantikan posisi Tuan, dia tidak akan mampu untuk memimpin solat bersama orang ramai." Beliau berkata lagi: "Suruhlah Abu Bakar untuk memimpin solat orang ramai." 'Aisyah kembali mengulangi jawabannya. Maka beliau pun bersabda: "Suruhlah Abu Bakar untuk memimpin solat orang ramai. Kalian ini seperti isteri-isteri Yusuf!" Rasulullah ﷺ kemudian mendatangi Abu Bakar dan shalat bersama manusia di akhir masa hidupnya."

¹⁸⁶ Beliau menjadi khalīfah dengan wasiat daripada Saydina Abū Bakr serta dipersetujui oleh para sahabat nabi. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhī daripada Ḥudhaifah رضي الله عنه bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«اَقْتَدُوا بِالَّذِينَ مِنْ بَعْدِي اَيُّكُمْ وَعَمْرَ»

Artinya : "Teladanilah dengan dua orang setelah pemergianku iaitu Abū Bakr dan 'Umar."

¹⁸⁷ Saydina 'Umar menyerahkan keputusan perlantikan khalīfah kepada 6 orang ahli shūrā yang terdiri daripada 'Uthmān, 'Alī, 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf, Ṭalhah, al-Zubayr dan Sa'd bin Abī Waqqās. Maka 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf telah berbai'ah dengan 'Uthmān lalu seluruh ahli shūrā telah merestuinnya.

¹⁸⁸ Selepas Saydina 'Uthmān syahid, ahli shūrā telah bersepakat melantik Saydina 'Alī sebagai khalīfah. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 143-144.

10 SAHABAT YANG DIJAMIN SYURGA

وَأَنَّ الْعَشْرَةَ الَّذِينَ سَمَّاهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ وَبَشَّرَهُمُ بِالْجَنَّةِ نَشَهُدُ لَهُمْ بِالْجَنَّةِ ، عَلَى مَا شَهِدَ لَهُمْ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَقَوْلُهُ الْحَقُّ ،

وهم : أبو بكر ، وعمر ، وعثمان ، وعليٌّ ، وطلحة ،
والزبير ، وسعد ، وسعيد ، وعبد الرحمن بن عوف ، وأبو
عبيدة ابن الجراح ، وهو أمين هذه الأمة رضي الله عنهم
أجمعين

Dan sesungguhnya sepuluh orang sahabat yang dinamakan oleh Rasūlullāh ﷺ dan diberi khabar gembira sebagai penghuni Syurga, maka kami bersaksi mereka adalah sebagai ahli Syurga mengikut apa yang diperakui oleh Rasūlullāh ﷺ. Kata-kata baginda adalah benar.

Mereka ialah Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, 'Alī, Ṭalhah, Zubayr, Sa'ad, Sa'id, 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf dan Abū 'Ubaydah bin al-Jarrāḥ yang merupakan pemegang amanah bagi ummah. Semoga Allah redha terhadap mereka semua.¹⁸⁹

¹⁸⁹ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Aḥmad dalam Musnadnya daripada Anas bin Mālik ؓ bahawa Rasūlullāh bersabda :

«أَرْحَمُ أُمَّتِي بِأُمَّتِي أَبُو بَكْرٍ وَأَشَدُّهُمْ فِي دِينِ اللَّهِ عُمَرُ... وَأَصْدَقُهُمْ حَيَاءً عُثْمَانُ وَأَفْرَضُهُمْ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ وَأَقْرَأُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ أَبِي بَنِي كَعْبٍ وَعَلَمُهُمُ بِالْحَلَالِ وَالْحَرَامِ مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَمِينًا وَإِنَّ أَمِينَ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَّاحِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَجْمَعِينَ»

Ertinya : “Orang yang paling penyayang di antara umatku Abu Bakar, sedangkan yang paling keras dalam (berpegang pada) agama Allah adalah 'Umar". Yang paling pemalu adalah 'Uthman, yang paling mengetahui tentang warisan adalah Zaid bin Tsabit, yang paling bagus dalam membaca Kitab Allah adalah Ubay bin Ka'b, yang paling tahu halal dan haram Mu'adz bin Jabal, ketahuilah setiap umat mempunyai orang kepercayaan dan orang kepercayaan umat ini adalah Abu 'Ubaydah bin al-Jarrāḥ ؓ”

CIRI-CIRI BEBAS DARIPADA SIFAT MUNAFIQ :

وَمَنْ أَحْسَنَ الْقَوْلَ فِي أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَزْوَاجِهِ الطَّاهِرَاتِ مِنْ كُلِّ دَنَسٍ وَذُرِّيَّاتِهِ
الْمَقْدَسِينَ مِنْ كُلِّ رَجْسٍ ؛ فَقَدْ بَرَّئَ مِنَ النِّفَاقِ.

Dan barangsiapa yang memperelokkan perkataan terhadap para sahabat nabi,¹⁹⁰ para isteri baginda yang suci dan cucu-cicit baginda yang dibersihkan daripada

¹⁹⁰ Hal ini kerana Allah Ta'ālā sendiri memuji para sahabat nabi di dalam al-Quran :

﴿وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴾

Maksudnya : “Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) daripada orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan dia, serta Dia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.”

sifat yang keji,¹⁹¹ maka mereka adalah terlepas daripada sifat munafiq.¹⁹²

¹⁹¹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Aḥzāb ayat 33 :

﴿إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا﴾

Maksudnya : “*Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu Dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu Wahai ahli keluarga (nabi) dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari Segala perkara yang keji).*”

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhī dalam al-Jāmi’ daripada ‘Abdullāh bin ‘Abbās رضي الله عنه bahawa Rasūlullāh ﷺ telah bersabda :

﴿أَحِبُّوا اللَّهَ لِمَا يَغُذُّكُمْ مِنْ نِعَمِهِ وَأَحِبُّونِي بِحُبِّ اللَّهِ وَأَحِبُّوا أَهْلَ بَيْتِي بِحُبِّي﴾

Ertinya : “*Cintailah Allah atas nikmat yang telah diberikan oleh-Nya, dan cintailah aku kerana cinta kepada Allah serta cintailah ahli baitku kerana cinta kepadaku.*”

¹⁹² Allah menggambarkan tentang sifat orang munāfiq dalam surah al-Aḥzāb ayat 12 :

﴿وَإِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَّا

غُرُورًا﴾

Maksudnya : “*Dan lagi masa itu ialah masa orang-orang munafik dan orang-orang Yang tidak sihat dan tidak kuat iman dalam hatinya berkata: "Allah dan RasulNya tidak menjanjikan kepada kita melainkan perkara yang memperdayakan sahaja."*

KEDUDUKAN PARA ‘ULAMĀ’ :

وَعُلَمَاءُ السَّلَفِ مِنَ السَّابِقِينَ ، وَمَنْ بَعْدَهُمْ مِنَ التَّابِعِينَ
أَهْلُ الْخَيْرِ وَالْأَثَرِ ، وَأَهْلُ الْفِقْهِ وَالنَّظَرِ ، لَا يُذَكَّرُونَ إِلَّا بِالْجَمِيلِ
، وَمَنْ ذَكَرَهُمْ بِسُوءٍ فَهُوَ عَلَى غَيْرِ السَّبِيلِ .

Para ulama’ *al-Salaf* di kalangan generasi terawal¹⁹³ dan ulama’ selepas zaman mereka di kalangan *al-Tābi’in*¹⁹⁴

¹⁹³ Ulama’ yang berada dalam 3 kurun terawal Islam sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ*nya daripada ‘Abdullāh bin Mas’ūd رضي الله عنه bahawa Nabi ﷺ bersabda :

«خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ يَجِيءُ أَقْوَامٌ تَسْبِقُ شَهَادَةُ أَحَدِهِمْ
بِمِثْلِهِ وَيَمِينُهُ شَهَادَتُهُ»

Ertinya : “Sebaik-baik manusia adalah orang-orang yang hidup pada zamanku (generasiku) kemudian orang-orang setelah mereka kemudian orang-orang setelah mereka. Kemudian akan datang sebuah kaum yang persaksian seorang dari mereka mendahului sumpahnya dan sumpahnya mendahului persaksiannya.”

¹⁹⁴ *al-Tābi’in* ialah golongan yang sempat berjumpa dengan sahabat nabi dan mati dalam Islam. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī, al-Hāfiẓ (2000), *Nuzḥah al-Nazar fī Tawdīh Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*, taḥqīq Nūr al-Dīn ‘Itr, Dr., c. 3, Dimashq : Dār al-Khayr, h. 113.

adalah golongan yang baik dan pakar mengenai hadith dan fiqh serta ilmu perbahasan.¹⁹⁵

Tidaklah disebutkan tentang perihal mereka melainkan dengan perkara yang baik. Sesiapa yang menyebut tentang perihal mereka dengan kejahatan maka mereka berada pada jalan yang salah.¹⁹⁶

¹⁹⁵ Ilmu perbahasan dalam mencari kebenaran. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *op.cit*, h. 139.

¹⁹⁶ Hal ini kerana memuliakan para ulama' bererti memuliakan agama kerana para ulama' adalah pewaris nabi dan penyampai shari'ah. Justeru, wajib mengikut mereka, memuji mereka dan menahan lidah daripada mencaci mereka. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 147.

KEDUDUKAN WALI-WALI ALLAH :

وَلَا نُفَضِّلُ أَحَدًا مِنَ الْأَوْلِيَاءِ عَلَى أَحَدٍ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ ، وَنَقُولُ : نَبِيٌّ وَاحِدٌ أَفْضَلُ مِنْ جَمِيعِ الْأَوْلِيَاءِ .
وَنُؤْمِنُ بِمَا جَاءَ مِنْ كَرَامَاتِهِمْ ، وَصَحَّ عَنْ الثَّقَاتِ مِنْ رَوَايَاتِهِمْ .

Kami tidak melebihkan seseorang wali¹⁹⁷ daripada para nabi. Justeru kami mengatakan bahawa seorang Nabi itu lebih mulia daripada semua wali.¹⁹⁸

¹⁹⁷ Berkata al-Imām al-Fakhr al-Dīn al-Rāzī (wafat 606 H) dalam al-Tafsīr al-Kabīr : “Wali dari segi bahasa ialah dekat (*Qarīb*). Justeru, apabila seseorang hamba dekat dengan Allah dengan sebab banyak melakukan ketaatan dan keikhlasan, maka Allah dekat dengan hambaNya dengan rahmat, kurniaan dan belas ihsanNya. Di sinilah terhasil akan kewalian.” Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 1395.

Berkata al-Imām al-Taftāzānī (wafat 791 H) dalam Sharḥ al-Maqāṣid fī ‘Ilm al-Kalām : “Wali ialah orang yang kenal Allah dan sifat-sifatNya (*al-‘Arīf billāh*), melazimi akan ketaatan, menjauhi daripada maksiat, menolak daripada terjebak ke dalam kelazatan dan syahwat (*keduniaan*).” Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid*.

❖ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-A’rāf ayat 196 :

﴿إِن وَلِيُّ اللَّهِ الَّذِي نَزَلَ الْكِتَابَ وَهُوَ يَتَوَلَّى الصَّالِحِينَ﴾

Kami percaya terhadap karāmah¹⁹⁹ yang mereka (walī) miliki, dan perkara ini adalah berdasarkan kepada riwayat yang sahih daripada orang-orang yang *thiqah* (dipercayai).²⁰⁰

Maksudnya : “*Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan Kitab (Al-Quran), dan Dia lah jua yang menolong dan memelihara orang-orang yang berbuat kebaikan.*”

¹⁹⁸ Hal ini kerana wali adalah merupakan pengikut kepada nabi. Kedudukan pengikut (wali) adalah lebih rendah berbanding orang yang diikuti (nabi). Setiap nabi adalah wali dan bukan semua wali adalah nabi. Justeru pada seorang nabi itu terhimpun padanya akan kenabian dan kewalian. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 148.

¹⁹⁹ Karāmah ialah terzahirnya daripada wali perkara yang meyalahi adat kebiasaan tanpa mendakwa perkara tersebut adalah kenabian. Lihat Sa’īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 1395.

²⁰⁰ Al-Quran menceritakan tentang karamah seorang wali yang mengangkat singgahsana Balqīs dan karāmah Sayyidah Maryam.

❖ Firman Allah Ta’ālā dalam surah al-Naml ayat 40 :

﴿قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَن يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ ۚ

فَلَمَّا رَأَاهُ مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ قَالَ هَذَا مِن فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي ۚ أَشْكُرْ أَمْ أَكْفُرُ ۚ وَمَن

شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيمٌ ۝﴾

Maksudnya : “*Berkata pula seorang Yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah: "Aku akan membawakannya kepadamu Dalam sekelip mata!" setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisiNya, berkatalah ia: "Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku Adakah Aku bersyukur atau Aku tidak mengenangkan nikmat pemberianNya. dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak*

bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana Sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah.”

❖ Firman Allah Ta’ālā dalam surah Āli ‘Imrān ayat 37 :

﴿فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ يَنْمَرُمُ أَيُّ لَكَ هَذَا قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ﴾

Maksudnya : “Maka dia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya Dengan penerimaan yang baik, dan dibesarkannya dengan didikan yang baik, serta diserahkannya untuk dipelihara oleh Nabi Zakaria. tiap-tiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, dia dapati rezeki (buah-buahan yang luar biasa) di sisinya. Nabi Zakaria bertanya: "Wahai Maryam dari mana Engkau dapati (buah-buahan) ini?" Maryam menjawab; "Ialah dari Allah, Sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak dikira.”

TANDA-TANDA KIAMAT :

وَنُؤْمِنُ بِأَشْرَاطِ السَّاعَةِ مِنْهَا: خُرُوجِ الدَّجَالِ، وَنُزُولِ
 عِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ مِنَ السَّمَاءِ، وَنُؤْمِنُ بِطُلُوعِ
 الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا، وَخُرُوجِ دَابَّةِ الْأَرْضِ مِنْ مَوْضِعِهَا .

Kami beriman terhadap tanda-tanda kiamat antaranya ialah : Keluarnya dajjal, turunnya Nabi 'Isā Ibn Maryam ﷺ dari langit. Kami juga percaya matahari akan terbit dari barat dan keluarnya *dābbah* (sejenis binatang yang aneh) dari tempat persembunyiannya.²⁰¹

²⁰¹ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-A'rāf ayat 187 :

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَلُهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجِيبُهَا لَوْحٌ إِلَّا
 هُوَ ثَقُلَتْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمُ إِلَّا بَغْتَةً يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا
 قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنْ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾﴾

Maksudnya : “Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan dia. (huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk yang

ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut". mereka bertanya kepadamu seolah-olah Engkau sedia mengetahuinya. katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak Mengetahui."

Antara tanda-tanda kiamat berdasarkan hadith riwayat al-Imām Muslim dalam Şaḥīḥnya daripada Ḥuzayfah bin Asīd ؓ bahawa :

«أَطْلَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْنَا وَنَحْنُ نَتَذَكَّرُ فَقَالَ مَا تَذَكَّرُونَ قَالُوا نَذْكُرُ السَّاعَةَ قَالَ إِنَّهَا لَنْ تَقُومَ حَتَّى تَرَوْنَ قَبْلَهَا عَشْرَ آيَاتٍ فَذَكَرَ الدُّخَانَ وَالْجَالَ وَالْدَّابَّةَ وَطُلُوعَ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا وَنُزُولَ عِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ وَثَلَاثَةَ خُسُوفٍ خَسْفٍ بِالشَّرْقِ وَخَسْفٍ بِالمَغْرِبِ وَخَسْفٍ بِجَزِيرَةِ الْعَرَبِ وَآخِرُ ذَلِكَ نَارٌ تَخْرُجُ مِنَ الْيَمَنِ تَطْرُدُ النَّاسَ إِلَى مَحْشَرِهِمْ»

Ertinya : "Rasulullah ﷺ menghampiri kami saat kami tengah membicarakan sesuatu, beliau bertanya: "Apa yang kalian bicarakan?" Kami menjawab: Kami membicarakan tentang kiamat. Beliau bersabda: "Kiamat tidaklah terjadi hingga kalian melihat sepuluh tanda-tanda sebelumnya." Beliau menyebut kabut, Dajjal, binatang, terbitnya matahari dari barat, turunnya Isa bin Maryam Shallallahu 'alaihi wa Salam, ya'juj dan ma'juj, tiga longsor; longsor di timur, longsor di barat dan longsor di jazirah arab dan yang terakhir adalah api muncul dari Yaman menggiring manusia menuju tempat perkumpulan mereka."

TIDAK MEMPERCAYAI TUKANG TILIK :

وَلَا نَصَدِّقُ كَاهِنًا وَلَا عَرَّافًا ، وَلَا مَنْ يَدَّعِي شَيْئًا
يُخَالِفُ الْكِتَابَ وَالسُّنَّةَ وَإِجْمَاعَ الْأُمَّةِ.

Kami tidak mempercayai tukang bomoh dan ramal²⁰² dan tidak juga orang-orang yang mendakwa perkara-perkara yang bertentangan dengan Al-Quran, Sunnah dan Ijma'.²⁰³

²⁰² Perbezaan antara bomoh (*al-Kāhin*) dan peramal (*al-'Arrāf*) ialah tukang tilik nasib (*al-Kāhin*) ialah mendatangkan khabar tentang alam untuk zaman akan datang. Bomoh (*al-'Arrāf*) pula oaring yang mendatangkan khabar tentang sesuatu barang yang dicuri atau hilang dan yang seumpama dengannya. Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, h. 1435.

²⁰³ Firman Allah Ta'ālā dalam surah al-Jin ayat 26-27 :

﴿عَلِمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَى غَيْبِهِ أَحَدًا ۖ إِلَّا مَنِ ارْتَضَىٰ مِنْ رَسُولٍ فَإِنَّهُ يَسْلُكُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ رَصَدًا ۖ﴾

Maksudnya : “Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuinya itu kepada sesiapa pun, ﷻ Melainkan kepada mana-mana Rasul yang di redainya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan Yang demikian) maka Dia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga

dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan).”

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Aḥmad dalam Musnadnya daripada Abū Hurayrah dan al-Ḥasan رضي الله عنهما bahawa Rasulullah ﷺ bersabda :

«مَنْ أَتَى كَاهِنًا أَوْ عَرَّافًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ»

Ertinya : “Barangsiapa mendatangi seorang bomoh atau peramal kemudian membenarkan apa yang dia katakan, maka ia telah kafir terhadap wahyu yang diturunkan kepada Muhammad ﷺ”

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Muslim dalam Ṣaḥīḥnya daripada sebahagian isteri nabi bahawa Rasūlullāh ﷺ bersabda :

«مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً»

Ertinya : “Barangsiapa mendatangi tukang tenung lalu dia bertanya kepadanya tentang suatu hal, maka solatnya tidak akan diterima selama empat puluh malam.”

KESATUAN ADALAH BENAR, PERPECAHAN ADALAH SALAH :

وَنَرَى الْجَمَاعَةَ حَقًّا وَصَوَابًا ، وَالْفُرْقَةَ زَيْغًا وَعَذَابًا

Kami berpendirian bahawa perpaduan (Jamā'ah) itu adalah betul dan benar, sebaliknya perpecahan itu adalah penyelewengan dan seksa.²⁰⁴

²⁰⁴ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Āli 'Imrān ayat 103 :

﴿وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾﴾

Maksudnya : “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu Dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu Dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam Yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya.”

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya daripada Ḥuzayfah bin al-Yamān ؓ bahawa :

«كَانَ النَّاسُ يَسْأَلُونَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْخَيْرِ وَكُنْتُ أَسْأَلُهُ عَنِ الشَّرِّ مَخَافَةً أَنْ يَدْرِكَنِي فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا فِي جَاهِلِيَّةٍ وَشَرٌّ لِحَاثِنَا اللَّهُ بِهَذَا الْخَيْرِ فَهَلْ بَعْدَ هَذَا الْخَيْرِ مِنْ شَرٍّ قَالَ نَعَمْ قُلْتُ وَهَلْ بَعْدَ ذَلِكَ الشَّرِّ مِنْ خَيْرٍ قَالَ نَعَمْ وَفِيهِ دَخَنٌ قُلْتُ وَمَا دَخْنُهُ قَالَ قَوْمٌ يَهْدُونَ بِغَيْرِ هُدًى يَعْرِفُ مِنْهُمْ وَتَنْكَرُ قُلْتُ فَهَلْ بَعْدَ ذَلِكَ الْخَيْرِ مِنْ شَرٍّ قَالَ نَعَمْ دُعَاةٌ إِلَى أَبْوَابِ جَهَنَّمَ مِنْ أَجَابِهِمْ إِلَيْهَا قَذَفُوهُ فِيهَا قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ صَفِّهِمْ لَنَا فَقَالَ هُمْ مِنْ جِلْدَتِنَا وَيَتَكَلَّمُونَ بِأَلْسِنَتِنَا قُلْتُ فَمَا تَأْمُرُنِي إِنْ أَدْرَكَنِي ذَلِكَ قَالَ تَلْزِمُ جَمَاعَةَ الْمُسْلِمِينَ وَإِمَامَهُمْ قُلْتُ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُمْ جَمَاعَةٌ وَلَا إِمَامٌ قَالَ فَاعْتَزِلْ تِلْكَ الْفِرْقَ كُلَّهَا وَلَوْ أَنْ تَعْصَ بِأَصْلِ شَجَرَةٍ حَتَّى يُدْرِكَكَ الْمَوْتُ وَأَنْتَ عَلَى ذَلِكَ»

Ertinya : "Ramai bertanya kepada Rasulullah ﷺ tentang perkara-perkara kebaikan sedangkan aku bertanya kepada beliau tentang keburukan kerana aku takut akan menimpaku. Aku bertanya; "Wahai Rasulullah, dahulu kami berada pada masa jahiliyyah dan keburukan lalu Allah mendatangkan kebaikan ini kepada kami, apakah setelah kebaikan ini akan datang keburukan?". Beliau menjawab: "Ya". Aku bertanya lagi; "Apakah setelah keburukan itu akan datang lagi kebaikan?". Beliau menjawab: "Ya, akan tetapi di dalamnya ada "dukhn" (kotorannya) ". Aku bertanya lagi; "Apa kotorannya itu?". Beliau menjawab: "Iaitu suatu kaum yang memimpin tanpa mengikuti petunjukku, kamu mengenalnya tapi sekaligus kamu ingkari". Aku kembali bertanya; "Apakah setelah kebaikan (yang ada kotorannya itu) akan timbul lagi keburukan?". Beliau menjawab: "Ya, yaitu para penyeru yang mengajak ke pintu jahannam. Siapa yang memenuhi seruan mereka maka akan dilemparkan ke dalamnya". Aku kembali bertanya; "Wahai Rasulullah, berikan sifat-sifat (ciri-ciri) mereka kepada kami?". Beliau menjelaskan: "Mereka itu berasal dari kulit-kulit kalian dan berbicara dengan bahasa kalian". Aku katakan; "Apa yang baginda perintahkan kepadaku bila aku menemui (zaman) keburukan itu?". Beliau menjawab: "Kamu tetap berpegang (bergabung) kepada jama'atul miuslimin dan pemimpin mereka". Aku kembali berkata; "Jika saat itu tidak ada jama'atul muslimin dan juga tidak ada pemimpin (Islam)?". Beliau menjawab: "Kamu tinggalkan seluruh

firqah (kelompok/golongan) sekalipun kamu harus memakan akar pohon hingga maut menjemputmu dan kamu tetap berada di dalam keadaan itu (berpegang kepada kebenaran)."

Berkata al-Imām al-Bābartī : *"al-Jamā'ah ialah mereka yang mengikut petunjuk sahabat, tābi'īn, dan ahli al-Ḥall wa al-'Aqd pada setiap zaman. Juga difahami dengan al-Ijmā' kerana Rasūlullāh ﷺ bersabda yang bermaksud : "Umat aku tidak akan bersepakat dalam kesesatan."... Perpecahan (al-Furqah) ialah menyanggahi Ijmā' dan apa yang disepakati oleh Ahli al-Ḥall wa al-'Aqd."* Lihat Bābartī, al- (1989), op.cit., h. 152.

Berkata guru kami al-Shaykh Dr. Sa'īd Fūdah –hafizahullah- : *"Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan al-Jamā'ah ialah majoriti umat Islam yang teguh pendirian di atas kebenaran sekalipun berpegang dengan perkara umum dalam Usuluddin, dan yang paling kuat dalam membenarkan perkara tersebut (Usuluddin). Hadith tersebut akan terlaksana dalam keadaan wujudnya khalifah bagi orang Islam yang mendirikan hukum-hukum agama berpegang teguh dengan sharī'at Islam. Dan manusia tidak sunyi daripada melakukan kezaliman kadang-kadang. Justeru, tidak harus menolak kezaliman yang bersifat jujuk kepada manusia dengan keluar daripada pemimpin tersebut."* Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *ibid.*, h. 1445.

Firman Allah Ta'ālā dalam surah Āli 'Imrān ayat 105 :

﴿وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَٰئِكَ هُمُ

عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya : *"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) Yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan Yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), dan mereka Yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa Yang besar."*

AGAMA YANG DIREDHAI ALLAH :

وَدِينُ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ وَاحِدٌ وَهُوَ دِينُ
 الْإِسْلَامَ ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : ﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ﴾ ،
 وَقَالَ تَعَالَى : ﴿وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾ وَهُوَ بَيْنَ الْغُلُوبِ
 وَالتَّقْصِيرِ ، وَبَيْنَ التَّشْبِيهِ وَالتَّعْطِيلِ ، وَبَيْنَ الْجَبْرِ وَالْقَدَرِ ، وَبَيْنَ
 الْأَمْنِ وَالْإِيَّاسِ .

Agama Allah di langit dan di bumi adalah satu iaitu Islam. Firman Allah bermaksud : “*Sesungguhnya agama yang diakui Allah ialah Islam.*”²⁰⁵ FirmanNya lagi bermaksud: “*Dan aku redha bagi kamu Islam sebagai agama.*”²⁰⁶

²⁰⁵ Surah Āli ‘Imrān ayat 19.

²⁰⁶ Surah al-Mā’idah ayat 3.

al-Imām al-Jurjāni (wafat 816 H) mentakrifkan al-Dīn sebagai : “*Ketetapan Allah yang menyeru golongan yang mempunyai akal untuk menerima apa yang disampaikan oleh Rasūlullāh ﷺ*” Lihat Jurjānī, al- (2004), *op.cit.*, h. 92.

(Aqidah) agama ini adalah bersifat pertengahan antara melampau (*Ghulu*) dan longgar (*Taqṣīr*),²⁰⁷ antara menyerupakan Allah dengan makhluk (*tashbīh*) dan menafikan langsung sifat-sifat Allah (*ta'ṭīl*),²⁰⁸ antara paksaan mutlak kepada manusia (*Jabr*) dan manusia berkuasa mutlak (*Qadr*),²⁰⁹ Dan antara merasa aman daripada azab Allah dan putus asa daripada rahmat Allah.²¹⁰

²⁰⁷ Aqidah Islam adalah bersifat wasatīyyah iaitu pertengahan . Ghulu ialah melampaui had batasan manakala Taqṣīr pula ialah mengurangi daripada had batasan.

²⁰⁸ Aqidah Islam ialah dengan menetapkan bagi Allah sifat-sifat kesempurnaan sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran dan hadith-hadith yang diriwayatkan daripada nabi tanpa melakukan tashbīh yang merupakan pegangan mazhab al-Mujassimah atau ta'ṭīl yang merupakan pegangan mazhab al-Mu'tazilah.

²⁰⁹ Aqidah Islam ialah dengan meletakkan perbuatan manusia adalah ciptaan Allah dan hasil usaha mereka tanpa mengatakan bahawa manusia secara mutlaknya adalah terpaksa yang merupakan pegangan mazhab al-Jabariyyah atau mengatakan bahawa manusia mencipta perbuatan mereka secara mutlak yang merupakan pegangan mazhab al-Qadariyyah.

²¹⁰ Aqidah Islam ialah berada dalam prinsip takut dengan azab Allah (*al-Khawf*) dan mengharapkan rahmat dan belas Ihsan Allah (*al-Rajā'*) kerana berasa aman daripada azab Allah adalah pegangan mazhab al-Murji'ah atau berasa putus asa dengan rahmat Allah yang merupakan pegangan al-Khawārij dan al-Mu'tazilah. Lihat Bābartī, al- (1989), *op.cit.*, h. 153-154.

PENUTUP :

فَهَذَا دِينُنَا وَاعْتِقَادُنَا ظَاهِرًا وَبَاطِنًا ، وَنَحْنُ بُرَاءٌ إِلَى
 اللَّهِ مِنْ كُلِّ مَنْ خَالَفَ الَّذِي ذَكَرْنَاهُ وَبَيْنَاهُ ، وَنَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى
 أَنْ يُثَبِّتَنَا عَلَى الْإِيمَانِ ، وَيَخْتِمَ لَنَا بِهِ ، وَيَعَصِمَنَا مِنَ الْأَهْوَاءِ
 الْمُخْتَلِفَةِ ، وَالْآرَاءِ الْمُتَفَرِّقَةِ ، وَالْمَذَاهِبِ الرَّدِّيَّةِ ، مِثْلَ الْمَشْبَهَةِ
 وَالْمُعْتَزَلَةِ وَالْجَهْمِيَّةِ وَالْجَبَرِيَّةِ وَالْقَدَرِيَّةِ وَغَيْرِهِمْ ؛ مِنْ الَّذِينَ
 خَالَفُوا السُّنَّةَ وَالْجَمَاعَةَ ، وَحَافُوا الضَّلَالََةَ ، وَنَحْنُ مِنْهُمْ بُرَاءٌ ،
 وَهُمْ عِنْدَنَا ضَلَالٌ وَأَرْدِيَاءٌ ، وَبِاللَّهِ الْعِصْمَةِ وَالتَّوْفِيقِ .

Ini²¹¹ adalah agama dan aqidah kami zahir dan batin. Kami berlepas tangan kepada Allah daripada pegangan yang bertentangan dengan apa yang kami nyatakan dan

²¹¹ Keseluruhan apa yang disebutkan daripada awal buku ini sehingga penghujung ini. Lihat Bābartī, al- (1989), *ibid.*, h. 155.

jelaskan.²¹² Kami memohon kepada Allah agar ditetapkan di atas keimanan dan mengakhiri hayat kami di atas dasar tersebut.²¹³

²¹² Aqidah Islam bagi seseorang itu sama ada orang awam atau pun ulama' mestilah sama pada zahir dan batinnya dan tidak boleh ada dua keadaan iaitu zahirnya Islam namun batinnya sebaliknya kerana perkara tersebut termasuk dalam jenis nifāq. Yang membezakan antara aqidah bagi orang awam dan ulama' ialah pada pengetahuan secara umum atau mendalam terhadap permasalahan aqidah. Pengetahuan orang awam tentang aqidah adalah secara umum manakala pengetahuan ulamak adalah secara mendalam dan terperinci.

Di samping itu, Aqidah Islam tidak cukup sekadar dengan seseorang itu berpegang dengan mazhab yang benar sebaliknya hendaklah membebaskan diri daripada mazhab yang batil. Inilah konsep yang disebut oleh para ulama' Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai *al-Walā'* (memberi kepatuhan) dan *al-Barrā'* (membebaskan diri). Lihat Sa'īd Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 1450-1454.

²¹³ Firman Allah Ta'ālā dalam surah Ibrāhīm ayat 27 :

﴿يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ
وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ ۖ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ﴾

Maksudnya : “Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang berlaku zalim (kepada diri mereka sendiri); dan Allah berkuasa melakukan apa yang dikehendakiNya.”

Begitu juga kami mohon kepada Allah agar dipelihara daripada mengikut kehendak nafsu yang berbagai-bagai dan pendapat yang bercabang-cabang serta pegangan mazhab yang salah seperti *Mushabbihah*,²¹⁴ *Mu'tazilah*,²¹⁵ *Jahmiyyah*,²¹⁶ *Jabariyyah*,²¹⁷ *Qadariyyah*²¹⁸ dan kelompok lain yang menentang Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah serta mengikut 'aqidah yang sesat.

²¹⁴ Golongan yang mengatakan bahawa Allah sama dengan makhluk. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *op.cit.*, h. 143.

²¹⁵ Golongan yang menafikan sifat-sifat Allah seperti al-'Ilm, al-Qudrah yang merupakan sifat tambahan kepada zat, juga sifat al-Irādah, al-Kalām, al-Sam'u dan al-Baṣar. Mereka juga sepakat mengatakan bahawa manusia mencipta perbuatan mereka sendiri. Lihat Sa'id Fūdah, Dr. (2014), *op.cit.*, h. 1457-1458.

²¹⁶ Golongan pengikut kepada Jahm bin Ṣafwān yang mengatakan bahawa manusia tidak memiliki kekuatan pada asalnya sama ada dari segi memberi kesan atau berusaha melakukannya bahkan manusia adalah seperti benda-benda pegun (*al-Jamādāt*). Juga mengatakan bahawa syurga dan neraka akan binasa setelah penghuninya memasukinya sehinggalah tidak ada yang wujud melainkan Allah. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *op.cit.*, h. 143.

²¹⁷ Sama seperti golongan Jahmiyyah. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *ibid.*

²¹⁸ Golongan yang menyangka bahawa manusia mencipta perbuatannya sendiri dan kekufuran dan maksiat yang berlaku bukanlah dengan ketentuan Allah. Lihat Ghunaymī, al- (1995), *ibid.*

Kami berlepas tangan daripada mereka. Pada pandangan kami mereka adalah penganut 'aqidah yang menyeleweng lagi sesat.²¹⁹

Hanya kepada Allah kami memohon perlindungan dan pertunjuk. (*Āmīn*)

²¹⁹ Kerana mereka bercanggah dengan hujah-hujah yang zahir, ayat-ayat al-Quran yang jelas dan hadith-hadith yang mutawātir. Lihat Bābartī, al- (1989), *op.cit.*, h. 157.

BIBLIOGRAFI

Bābarti, Muḥammad bin Muḥammad, Akmal al-Dīn, al- (1989), *Sharh 'Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, taḥqīq 'Ārif Āyatkan, Dr., c.1, Kuwait : Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.

Bājūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad bin Aḥmad al- (2002), *Ḥāshiyah al-Imām al-Bayjūrī 'ala al-Jawharah al-Tawhīd*, taḥqīq 'Alī Jum'ah Muḥammad al-Shāfī'ī, Prof. Dr, Kaherah : Dār al-Salām

Būṭī, Muḥammad Sa'id Ramaḍan, Dr., al- (1998), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyyah*, c. 5, Kaherah : Dār al-Salām

Ghunaymī, 'Abd al-Ghani al-Maydāni al-Hanafi al-Dimashqī, al- (1995), *Sharh al-Aqidah al-Tahawiyyah*, taḥqīq Muhammad Muṭī' al-Ḥāfīdh, Muhammad Riyāḍ al-Māliḥ, c.3, Dimashq : Dar al-Fikr.

Ghaznawī, Abū Ḥafṣ Sirāj al-Dīn 'Umar bin Ishāq al-Hindī, al- (2009), *Sharh 'Aqīdah al-Imām al-Taḥāwī*, taḥqīq al-Syeikh Ḥāzim al-Kaylānī, Muḥammad 'Abd al-Qādir Naṣṣār, Dr., c.1, Kaherah : Dārah al-Karaz.

Ibn Hajar al-‘Asqalānī, al-Ḥāfiẓ (2000), *Nuzhah al-Nazar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*, taḥqīq Nūr al-Dīn ‘Itr, Dr., c. 3, Dimashq : Dār al-Khayr.

Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad al-Sayyid Sharīf al- (2004), *Mu’jam al-Ta’rīfāt*, taḥqīq Muḥammad Şiddīq al-Manshāwī, Kaherah : Dār al-Faḍīlah.

Qurtūbī, al- (2006), *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān*, c. 1, Beirut : Muassasah al-Risālah.

Sa’īd ‘Abd al-Laṭīf Fūdah, Dr. (2014), *al-Sharh al-Kabīr ‘ala al-‘Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*, 2 j., Beirut : Dār al-Dhakhā’ir.

Shaybānī, Ismā’īl bin Ibrāhīm, al-Qāḍi, al- (t.t), *Sharh al-‘Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*, taḥqīq Aḥmad Farīd al-Mazīdi, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Sibā’ī, Muḥammad bin Abū al-Su’ūd Şālīḥ, al- (1423H), *Ḥāshiyah ‘alā al-Sharḥ al-Kharīdah al-Bahiyyah*, taḥqīq al-Sayyid ‘Alī bin al-Sayyid ‘Abd al-Raḥmān al-Hāshim, Kaherah : al-Sharikah al-Dawliyyah.

Ṭaḥāwī, Aḥmad bin Muḥammad bin Salāmah, Abu Ja'far, al-Imām (t.t), *Matan al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*, Beirut : Dār Ibn Hazm.

‘Umar ‘Abdullāh Kāmil, Dr. (t.t), *Mukhtaṣar Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*.